

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



LANGGAN AKHBAR AMANAH SEGERA!
PERCUMA T-SHIRT

untuk urusan Langganan
☎ 011 3233 4322



Bebaskan Malaysia dari najis dadah

→ ms2

'Ibu segala bajet' patutnya bersifat penyayang



→ ms3

Bersiap hadapi ibu segala peperangan




→ ms 8&9

BAJET NAJIB PENAHANAN SAKIT

BAJET 2018 Datuk Seri Najib gagal merawat derita rakyat sebenarnya iaitu kenaikan kos sara hidup dan apa yang beliau lakukan hanya memberi ubat penahan sakit sahaja. Berbanding dengan Bajet Pakatan Harapan, bajet Najib hanya akan ditelan inflasi dan kenaikan kos hidup.

➔ **Laporan penuh muka 2**



BAJET PH vs BN

Perbandingan antara Bajet PH dengan BN

BAJET PH

BAJET BN

GST

Mansuhkan sepenuhnya

Mansuhkan GST komik, kapal terbang dan Cruse

CUTI BERSALIN

120 hari

90 hari

PTPTN

Bayar selepas gaji RM4000

Potongan 10 - 20%



Jus Arif

HANYA : RM 38 / 280ml

UNTUK TEMPAHAN :

☎ 019-6239858 (HJ BAHAR)

KHASIAT :

1. Membantu mengatasi masalah kesihatan
2. Membantu meningkatkan IQ pelajar
3. Membantu meningkatkan tenaga
4. Membantu meningkatkan kecergasan
5. Menarik minat anak-anak untuk belajar

RAMUAN :

Gabungan 8 makanan sunnah ~ kismis, kurma ajwah, kurma madu, madu, buah tin, buah zaitun, za'faran & habbatus sauda

f Instagram Jus Arif

Bebaskan Malaysia dari najis rasuah

UNTUK setiap satu ringgit yang dicuri dengan rasuah, maka kuranglah satu ringgit peruntukan pembangunan sekolah.

Untuk setiap sepuluh ringgit yang dicuri dengan rasuah, maka kuranglah sepuluh ringgit subsidi perubatan hospital kerajaan.

Berbillion ringgit telah hilang akibat Najis Rasuah yang diamal pimpinan utama UMNO-BN, dakwa pemimpin Pakatan Harapan (PH) dalam kenyataan mereka ketika melancarkan manifesto mereka, bertajuk 'Bebaskan Malaysia dari najis rasuah'.

Menurut mereka, skandal-skandal mega yang dibongkar sejak Datuk Sri Najib Razak menjadi Perdana Menteri membuka mata rakyat bahawa Rasuah itu Najis yang mengotori dan menghancurkan badan-badan seperti 1MDB, MARA, FELDA, Tabung Haji, KWAP dan YAPEIM. Negara boleh bankrap kerana Najis rasuah.

Katanya, wang lebih RM20 bilion yang dicuri dalam skandal mega 1MDB sebenarnya boleh membina 460,000 rumah kos rendah, menyediakan pendidikan percuma, atau membina 50 buah hospital baru.

SPRM sekarang melapor terus kepada Perdana Menteri. Mereka hanya berani menangkap dan mendakwa 'ikan bilis' - pegawai-pegawai rendah kerajaan atau pimpinan pertengahan kerajaan.

"Ikan-ikan jerung seperti MO1 yang merasuah masih bebas," kata kenyataan bersama itu.

Katanya, apabila pemimpin atasan mencuri wang rakyat menerusi amalan rasuah dan salah guna kuasa, rakyatlah yang terpaksa bayar hutang negara dengan cukai GST, kenaikan harga minyak dan potongan subsidi beras, gula dan minyak masak.

"Pakatan Harapan berikhtiar untuk membersihkan Malaysia dari najis rasuah, bermula dari pimpinan tertinggi kerajaan. Kami bertekad untuk menjadikan Malaysia antara 10 negara paling bersih mengikut Indeks Persepsi Rasuah Transparency International menjelang tahun 2030.

"Maka selepas menang PRU14, kami akan melaksanakan agenda anti-rasuah seperti berikut:

5 Tindakan dalam 100 Hari Pertama Kerajaan Pakatan Harapan:

1. Menangkap MO1 dan ikan-ikan jerung lain;
2. Menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja



Tun Mahathir dan pimpinan PH membentangkan manifesto bersihkan Malaysia dari Najis Rasuah.

1. Reformasi Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM)
 - Menjadikan SPRM sebagai badan bebas yang melapor dan bertanggungjawab kepada Parlimen;
 - Memberi kuasa pendakwaan kepada SPRM dalam kes-kes rasuah;
 - Menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pegawai Pencegahan Rasuah (SPPPR) untuk membolehkan SPRM membuat pilihan sendiri pegawai-pegawai dalam perkhidmatan SPRM;
 - Memastikan peruntukan tahunan SPRM men-
2. Reformasi Sumbangan Politik
 - Sumbangan politik hanya kepada parti-parti politik bukan kepada ahli politik atau individu;
 - Setiap penyumbang terhad kepada maksimum RM200,000 setahun sahaja. Sumbangan melebihi RM10,000 mesti direkodkan;
 - Sumbangan politik tidak boleh diberi oleh GLC dan syarikat-syarikat yang mempunyai kontrak dengan kerajaan persekutuan dan/atau negeri;
 - Parti-parti politik akan diberi peruntukan terus daripada kerajaan (sama seperti di Negara Jerman atau Jepun) untuk membanteras pengaruh keterlaluan (undue influence).
 - Setiap parti politik wajib membuat laporan
3. Reformasi meningkatkan ketelusan
 - Meminda akta-akta seperti Akta Perlindungan Saksi 2009, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Rahsia Rasmi 1972 demi meningkatkan ketelusan
 - Menggubal Akta Kebebasan Maklumat untuk meningkatkan ketelusan pentadbiran kerajaan seperti dilaksanakan Negeri-Negeri Pakatan Harapan; dan
 - Semua wakil rakyat dan pegawai kanan kerajaan yang berpangkat Jusa C dan ke atas, dan Pengurusan Tertinggi GLC dan ke atas diwajibkan mengisytiharkan harta kepada Parlimen.
4. Mengamalkan Tender terbuka Penggunaan teknologi banteras rasuah
 - Memperluas penggunaan sistem e-perolehan dan e-bidaan dalam untuk semua kontrak kerajaan bagi semua kementerian dan jabatan kerajaan;
 - Semua tender terbuka dilakukan secara atas talian dan boleh diakses umum; dan
 - Mendedahkan keseluruhan perjanjian Kerjasama Awam Swasta (Public Private Partnership). Proses penganugerahan projek PPP harus mematuhi garis panduan penganugerahan kontrak kerajaan dan bukannya ikut kehendak peribadi Menteri. Menteri juga perlu memberi rasional penganugerahan kontrak tersebut.
5. Memperkenalkan budaya anti-rasuah di kalangan masyarakat
 - Mengunapakai ISO 37001 (Sistem Pengurusan Anti-Rasuah) dalam urustadbi badan-badan kerajaan;
 - Mengkaji semula struktur ganjaran bagi pegawai awam untuk membantu menghindari atau mengurangkan kecenderungan terhadap aktiviti rasuah; dan
 - Meningkatkan hukuman kesalahan rasuah ke atas pemberi dan penerima.

5 Teras Memerangi Rasuah:

1. Reformasi Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM)

- Menjadikan SPRM sebagai badan bebas yang melapor dan bertanggungjawab kepada Parlimen;
- Memberi kuasa pendakwaan kepada SPRM dalam kes-kes rasuah;
- Menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pegawai Pencegahan Rasuah (SPPPR) untuk membolehkan SPRM membuat pilihan sendiri pegawai-pegawai dalam perkhidmatan SPRM;
- Memastikan peruntukan tahunan SPRM men-

(RCI) terhadap penyelewengan wang rakyat melalui 1MDB dan FELDA;

3. Menubuhkan sebuah badan bebas yang akan berusaha mengembalikan aset dan wang rakyat yang telah dicuri atau diseleweng melalui rasuah;
4. Menjadikan SPRM sebuah badan bebas yang melapor terus kepada Parlimen; dan
5. Menghapuskan amalan runding terus (direct nego) untuk semua kontrak kerajaan.

cukupi dan SPRM diberi autonomi menguruskan kewangan mereka; dan

- Menjamin hak pelantikan tetap (security of tenure) bagi Ketua Pesuruhjaya SPRM untuk memastikan beliau akan melaksanakan tugas dengan tegas dan tanpa rasa takut (without fear or favour). Pelantikan Ketua Pesuruhjaya akan dibuat oleh Yang Dipertuan Agung atas nasihat jawatankuasa parlimen.

2. Reformasi Sumbangan Politik

- Sumbangan politik hanya kepada parti-parti politik bukan kepada ahli politik atau individu;
- Setiap penyumbang terhad kepada maksimum RM200,000 setahun sahaja. Sumbangan melebihi RM10,000 mesti direkodkan;
- Sumbangan politik tidak boleh diberi oleh GLC dan syarikat-syarikat yang mempunyai kontrak dengan kerajaan persekutuan dan/atau negeri;
- Parti-parti politik akan diberi peruntukan terus daripada kerajaan (sama seperti di Negara Jerman atau Jepun) untuk membanteras pengaruh keterlaluan (undue influence).
- Setiap parti politik wajib membuat laporan

tahunan mengenai sumbangan politik dan perbelanjaan terus kepada Pejabat Ketua Audit Negara. Ketua Audit Negara kemudiannya akan melaporkan kepada parlimen; dan

- Aset yang dimiliki terus oleh parti-parti perlu didedahkan secara umum (public disclosure), telus dan diaudit.

3. Reformasi meningkatkan ketelusan

- Meminda akta-akta seperti Akta Perlindungan Saksi 2009, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Rahsia Rasmi 1972 demi meningkatkan ketelusan
- Menggubal Akta Kebebasan Maklumat untuk meningkatkan ketelusan pentadbiran kerajaan seperti dilaksanakan Negeri-Negeri Pakatan Harapan; dan
- Semua wakil rakyat dan pegawai kanan kerajaan yang berpangkat Jusa C dan ke atas, dan Pengurusan Tertinggi GLC dan ke atas diwajibkan mengisytiharkan harta kepada Parlimen.

4. Mengamalkan Tender terbuka Penggunaan teknologi banteras rasuah

- Memperluas penggunaan sistem e-perolehan dan e-bidaan dalam untuk semua kontrak kerajaan bagi semua kementerian dan jabatan kerajaan;
- Semua tender terbuka dilakukan secara atas talian dan boleh diakses umum; dan
- Mendedahkan keseluruhan perjanjian Kerjasama Awam Swasta (Public Private Partnership). Proses penganugerahan projek PPP harus mematuhi garis panduan penganugerahan kontrak kerajaan dan bukannya ikut kehendak peribadi Menteri. Menteri juga perlu memberi rasional penganugerahan kontrak tersebut.

5. Memperkenalkan budaya anti-rasuah di kalangan masyarakat

- Mengunapakai ISO 37001 (Sistem Pengurusan Anti-Rasuah) dalam urustadbi badan-badan kerajaan;
- Mengkaji semula struktur ganjaran bagi pegawai awam untuk membantu menghindari atau mengurangkan kecenderungan terhadap aktiviti rasuah; dan
- Meningkatkan hukuman kesalahan rasuah ke atas pemberi dan penerima.

Allahyarham Muhammad Ali ikon korporat Bumiputera

KUALA LUMPUR: Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali Hashim diiktiraf sebagai ikon korporat Bumiputera yang cemerlang lantaran rekodnya menerajui Johor Corporation (JCorp) selama 28 tahun mulai tahun 1982.

Presiden Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak), Mazlan Aliman berkata, pihaknya amat sedih atas pemergian Allahyarham yang meninggal dunia pada usia 70 tahun akibat kanser sekitar jam 3.30 petang semalam.

"Pencapaian JCorp hingga berjaya memiliki 280 anak syarikat bernilai RM14 bilion, antaranya KFC Holding Malaysia Bhd dan QSR Brands Bhd



Allahyarham Muhammad Ali

yang mempunyai rangkaian restoran KFC, Pizza Hut dan Ayamas di Malaysia, Singapura, Brunei, Kemboja

dan India.

"KPJ Healthcare, sebuah lagi anak syarikat JCorp yang mempunyai hospital pakar di 25 cawangan seluruh negara. Ia jenama gah, yang setanding dengan pusat perubatan pakar lain," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, Allahyarham ialah Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), Pengasas Waqaf An Nur Corporation Bhd (WANCorp), institusi waqaf korporat pertama ditubuhkan di Malaysia yang mempunyai aset lebih RM800 juta.

"Beberapa buku yang dituliskannya, antaranya 'Strategi Jihad Bisnes', adalah gambaran idea dan

pemikiran segar yang kemudiannya diterjemahkan berdasarkan usaha dan pengalamannya yang sama dilihat kejayaannya, hingga kini.

"Terlalu banyak untuk diperkatakan insan istimewa bernama Ali Hashim ini. Lulusan Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya ini, dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah 2007," jelasnya.

Muhammad Ali meninggal dunia di Hospital KPJ Damansara selepas lebih dua bulan dimasukkan ke hospital berkenaan kerana kanser.

Beliau yang mempraktikkan prinsip ekonomi Islam dalam sistem pengurusan korporat itu

meninggalkan seorang balu dan tiga anak.

Jenazah tokoh yang dikenali sebagai pelopor wakaf korporat dan komited melaksanakan program pembangunan keusahawanan bumiputera itu selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara pukul 9.30 malam, 31 Okt lalu.

Mengulas lanjut, Mazlan berkata, Anak bersama rakyat Malaysia khususnya masyarakat Johor tentu sekali terasa kehilangan Allahyarham yang sukar dicari ganti.

"Takziah buat balu dan keluarganya. Moga Allahyarham ditempatkan dalam kalangan orang beriman," tambahnya lagi.

'Ibu segala bajet' patutnya bersifat penyayang

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Dr Hatta Ramli (AMANAH-Kuala Krai) menyifatkan Belanjawan 2018 yang dianggap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sebagai ibu segala bajet sebagai bercanggah dengan konsep 'ibu' itu sendiri.

Beliau dalam perbahasan di Dewan Rakyat 1 Nov lalu berkata, respons seorang ibu terhadap sebarang masalah dalam keluarga adalah sangat penyayang, lemah-lembut serta mengambil perhatian daripada segi emosi dan fizikal.

"Ibu lebih sensitif dan penyayang. Ibu juga tidak meminta balasan apabila memberi kerana menganggap itu sebagai tanggungjawab.

"Tidaklah seperti ibu segala bajet ini penghujungnya minta rakyat menyokong BN. Ini tidak kena. Ibu juga tidak mengambil hak anak-anak dan keluarga, tidak mencuri.

"Kita tidak pernah dengar seorang ibu kleptokrat," sinisnya sebelum mengingatkan rakyat agar berwaspada terhadap 'ibu segala bajet' itu.

Beliau berkata, Menteri Kewangan boleh mengemukakan statistik yang 'manis-manis' tetapi realitinya sukar dan pahit untuk ditelan oleh majoriti rakyat berpendapatan rendah.

"Beberapa hari lepas perbahasan insurans pekerja. Dikhabarkan setiap tahun berlaku 50,000 pemuangan pekerja dan

jumlah ini meningkat.

"Apakah masa depan kita akan lebih baik? Kita risau sesi depan, Speaker pun hilang jawatan," tempelaknya.

Menurutnya, peningkatan pengangguran juga menggambarkan satu trend kemerosotan ekonomi selain tekanan inflasi yang memberi kesan pedih kepada rakyat.

"Inilah inflasi. Rakyat terasa kepedihannya walaupun ada yang kata inflasi di negara ini rendah. Tapi salah satu komponen IHP (Indeks Harga Pengguna) adalah makanan.

"Walaupun secara puratanya indeks tidak meningkat dengan banyak tetapi kesan kepada rakyat sangat teruk kerana harga makanan meningkat dengan banyak," jelasnya.

Menjawab celahan Abdullah Sani (Keadil-

an-Kuala Langat) berkenaan penutupan operasi lima pasar raya besar Giant, Dr Hatta berkata, tindakan itu mengancam kedudukan pekerja terbabit.

"Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kata penutupan lima Giant ini tidak menggambarkan negara akan bankrap.

"Andaikan Giant sekurang-kurangnya mempunyai lebih 100 pekerja. Kalau lima, sudah lebih 500 orang akan hilang pekerjaan.

"Ini tidak termasuk sektor perbankan, (pemberhentian kakitangan) MAS yang lepas. Jadi, menteri jangan mengambil kecil masalah penutupan (pasaraya) Giant ini," tegasnya.



Dr Hatta Ramli di sesi pembentangan Bajet 2018.

Meneruskan perbahasannya, Dr Hatta berpendapat rakyat sebenarnya tidak mampu berbelanja seperti kelazimannya walaupun Giant dikenali sebagai pasar raya yang menawarkan barangan pada harga yang munasabah.

"Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) pun bungkus. Apa hujahnya untuk menukar model operasi? Langkah mewujudkan KR1M tidak betul. Buat apa untuk cuba menunjukkan boleh bantu rakyat dengan harga yang murah.

"Akhirnya model itu tidak menjadi. Berapa ramai yang terpaksa berhenti kerja baru-baru ini," jelasnya.

Sementara itu, Datuk Kamaruddin Jaafar (Keadilan-Tumpat) memberitahu suasana pasar malam sekitar Kuala Lumpur pada masa ini juga lengang dan memberikan gambaran ekonomi semasa negara.

"Tempat yang paling murah pun rakyat tidak mampu membeli," kata Kamaruddin.

Sehubungan itu, Dr Hatta mengangap situasi tersebut sebagai contoh paling dekat yang menggambarkan kemerosotan ekonomi tetapi cuba disorok Perdana Menteri.

"Perdana Menteri cuba meyakinkan kita dengan senyum sepanjang pembentangan, bawa beberapa tetamu hadir tetapi hakikatnya rakyat di luar sana sedang menghadapi masalah.

"Kita pun tahu GST, kejatuhan ringgit perkara sebegini tidak bolehlah rakyat tangani. Kerajaanlah yang harus menanganinya.

"Ambil kiralah harga petrol, harga minyak masak dan harga ikan yang sedang meningkat. Ini yang membebaskan sangat rakyat," tambahnya lagi.

Mansuh GST: Rakyat untung, kerajaan tidak terbeban

KUALA LUMPUR: Penghapusan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) tidak akan menyebabkan kerugian sebanyak RM42 bilion kepada kerajaan seperti yang didakwa kerajaan BN, malah sebaliknya ia mampu diimbangkan dengan pengurangan perbelanjaan berdasarkan dua komponen belanjawan iaitu pendapatan dan perbelanjaan.

Ini termasuk penjimatan kerajaan daripada pembaziran dan rasuah sebanyak RM20 bilion selain menurunkan peruntukan RM20.8 bilion Jabatan Perdana Menteri (JPM) kepada RM8.40 bilion.

Dalam ucaptamanya, Presiden Pakatan Harapan (PH) Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, GST adalah cukai regresif yang mengakibatkan kenaikan kos mendadak.

"Kalau dulu cukai hanya untuk golongan yang layak dicukai sahaja tetapi dengan GST tiada yang terkecuali termasuk golongan fakir miskin dan penerima zakat.

"GST juga antara punca utama kenaikan kos sara hidup rakyat selain kenaikan caj tol serta harga petrol dan diesel. Akibatnya harga barangan dan perkhidmatan naik melambung dan membebaskan rakyat

khususnya golongan berpendapatan rendah," jelas beliau.

Menurut Belanjawan Alternatif 2018 PH, meskipun penghapusan GST menyebabkan kerugian bersih sebanyak RM25.50 bilion, PH mampu mengembalikan sebanyak RM16.50 bilion pendapatan negara berdasarkan kaedah percukaian sebelum pelaksanaan GST.

Penghapusan GST juga akan mampu menyuntik semula RM25.5 bilion secara langsung melibatkan tiga komponen hasil iaitu peningkatan aktiviti perniagaan dan kepenggunaan; peningkatan pembelian

konservatif pengguna dan pemilikan item bernilai tinggi seperti hartanah dan kenderaan.

Belanjawan Alternatif ini turut mengunjurkan peningkatan penjualan kereta sebanyak 20 peratus yang bakal menyumbang kepada tiga kategori pendapatan iaitu import, eksais dan lesen kenderaan bermotor.

"Peningkatan 20 peratus akan meningkatkan duti import sebanyak RM0.13 bilion kepada RM0.77 bilion; kenaikan duti eksais meningkat sebanyak RM1.30 bilion kepada RM7.82 bilion manakala lesen kenderaan

bermotor meningkat sebanyak RM0.50 bilion kepada RM3.01 bilion.

"Oleh itu, jualan kereta lebih baik daripada paras rendah kebelakangan ini yang didorong oleh penghapusan GST akan menyumbang hasil tambahan sebanyak RM1.93 bilion," ujarnya.

Dalam masa yang sama, perolehan duti setem akan meningkat sebanyak RM1.20 bilion dan menjangkakan melalui tadbir urus yang baik, kerajaan PH mampu merealisasikan tambahan RM3.8 bilion hasil pendapatan pelaburan daripada syarikat GLC, GLIC dan institusi kewangan pembangunan (DFI). n Rokatini.com

Pemberian 'one-off' tidak kurangkan beban rakyat

KUALA LUMPUR: Bajet 2018 yang dibentangkan Perdana Menteri lebih bersifat populis bagi menarik sokongan rakyat menjelang pilihan raya umum ke-14 (PRU14) sedangkan ia tidak membantu mengurangkan bebanan rakyat yang terhimpit dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, kata Ketua Pemuda AMANAH Mohd Sany Hamzan.

Ujar beliau, Datuk Seri Najib Razak banyak menawarkan pem-

berian bersifat 'one off' (sekaligus) yang tidak memberi faedah jangka masa panjang sebaliknya hanya seperti 'panadol' yang memberi kelegaan sementara.

"Ia sememangnya dilihat sangat menarik dan mampu mengkhayalkan rakyat tetapi bukan jawapan kepada persoalan yang terbelenggu oleh rakyat di semua peringkat ketika ini," tegasnya.

Menurut Sany, ibu segala permasalahan rakyat adalah Cukai

Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang sangat membebaskan apabila dikenakan kepada barangan dan perkhidmatan kegunaan seharian rakyat tanpa mengira pendapatan.

Namun beliau kesal Perdana Menteri langsung tidak menyentuh mahupun menawarkan untuk pemansuhan ataupun pengurangan kadar cukai regresif itu.

Kerajaan juga, tambah beliau tidak menawarkan untuk mengembalikannya subsidi yang telah ditarik

atas nama rasionalisasi subsidi termasuklah subsidi minyak.

"Harga minyak juga merupakan penyumbang kepada kenaikan kos semua perkara, namun harga bahan bakar itu ketika ini sangat tinggi dan membebaskan rakyat," jelasnya.

Beliau berpendapat, Bajet 2018 pentadbiran Najib sangat berbeza dengan Belanjawan Alternatif 2018 Pakatan Harapan (PH) yang dibentangkan dua hari lebih awal.

"PH komited untuk mengurangkan

bebanan rakyat termasuklah memansuhkan GST yang menjadi himpitan utama rakyat pada ketika ini.

"PH tidak menawarkan bajet bersifat 'panadol' sebaliknya komited melaksanakan dasar-dasar yang memberi penyembuhan sepenuhnya.

"Kami sangat yakin rakyat tidak terpedaya dengan 'gula-gula' yang dibentangkan oleh Najib kerana telah belajar daripada pengalaman terdahulu," tegas beliau.

Minda Pengarang

PH akan lindungi penjawat awam

KALANGAN penjawat awam diberi jaminan tegas bahawa mereka akan dilindungi serta nasib mereka semua akan dibela dan sesekali tidak akan terjejas jika Pakatan Harapan memenangi PRU14.

Pakatan Harapan mengakui bahawa dalam sepanjang sejarah tanah air selepas merdeka, penjawat awam telah begitu banyak menabur bakti dalam pelbagai bidang, dengan kemampuan dan kepakaran mereka. Merekalah yang mengerakkan jentera negara.

Maka itu, jasa mereka akan tetap dihargai. Oleh itu penjawat awam yang jutaan jumlahnya sama sekali jangan merasa bimbang kedudukan mereka nanti jika Pakatan Harapan menang pilihan raya nanti.

Presiden AMANAH, Mohamad Sabu antara pemimpin PH yang memberi jaminan akan hak dan kedudukan penjawat awam di seluruh negara yang tetap akan dibela. Cuma, katanya, hanya kakitangan kerajaan yang disahkan terbabit dalam salah laku seperti rasuah dan sebagainya sahaja akan dikenakan tindakan.

Katanya, tidak benar dakwaan kononnya akan berlaku pengurangan kakitangan atau penutupan jabatan seperti digembar-gemburkan. Menurutnya, Pakatan Harapan tidak akan sama sekali mengurangkan walau sedikit pun peruntukan untuk penjawat awam jika gabungan pembangkang itu mengambil alih Putrajaya nanti. Bermakna, tambah Mohamad Sabu, pegawai kerajaan yang ada sekarang semuanya kekal di bawah kerajaan Pakatan Harapan.

Malahan boleh diyakini bahawa di bawah Pakatan Harapan nanti - jika berkuasa - segala kemahiran, kepakaran dan kemampuan penjawat awam - akan terus dihargai, justeru mereka akan terus memberi sumbangan kepada pembangunan negara menerusi kebolehan masing-masing.

Sepanjang sejarah tanah air, para penjawat turut bertungkus lumus mem-

bangun negara dalam pelbagai bidang, bahkan mereka menjadi penggerak enting. Sungguhpun orang politik yang dilihat memimpin negara, tetapi penjawat awam yang melaksanakan pembangunan negara hasil dari kepakaran dan kemampuan masing-masing.

Sementara itu, belanjawan Pakatan Harapan telah menggariskan janji atau ikrar, "merawat derita rakyat" jika menang PRU14. Maka Belanjawan PH akan tetap memberi perhatian kepada penjawat awam. Ia tidak akan dikurangkan jumlahnya, tetapi diberikan penekanan supaya semua pihak - penjawat awam dan rakyat keseluruhannya - diberi perhatian, serta dilindungi kebajikan mereka.

Belanjawan PH yang bertemakan "merawat derita rakyat" sangat dinamik dan dinantikan oleh rakyat. 10 intipati utama Belanjawan Pakatan Harapan 2018:

- Menghapuskan GST yang membebaskan rakyat.
 - Membantu penghutang PTPN dan membebankan pendidikan percuma untuk rakyat.
 - Pelaksanaan gaji minimum RM1,500 di seluruh negara.
 - Skim sewa beli untuk semua rakyat memiliki rumah.
 - Dapat berjimat RM20billion daripada dasar hapus rasuah.
 - Menghapuskan campur tangan politik dalam Felda.
 - Menghapuskan tol dengan membeli balik konsesi.
 - Menaikkan royalti minyak Kelatan, Terengganu, Sabah Sarawak 20%.
 - Bagi golongan wanita - cuti bersalin 120 hari dan paras gaji yang setara dengan kakitangan lelaki.
 - Bagi Sabah dan Sarawak - pembangunan RM75billion buat penduduk di kedua negeri itu.
- Inilah belanjawan rakyat yang akan menepati sasaran.

Pencerahan qalbu: Rab dan Ilah

Kalimah Rab amat mendalam kesannya ke atas jiwa para sahabat. Membaca satu kalimah wahyu dengan renungan mendalam terhadap erti kalimah tersebut akan mencetuskan tajdid atau pembaharuan yang amat luar biasa ke atas jiwa dan keyakinan diri.

Surah Al-Muzzammil ayat 9 memperkenalkan satu lagi kalimah yang menyentap rohani seseorang yang mahu benar-benar mengenal Allah di atas keazaman untuk mentaati-Nya dan terus memuncak tinggi untuk mencintai-Nya.

Namun kalimah tersebut tidak diperkenalkan keluasan rangan iradah Allah ke atas semua ciptaan-Nya hinggalah kalimah awal, iaitu Rab diperkenalkan secara pasti dan kukuh ke dalam jiwa golongan *as-sabiqun al-awwalun*.

Mari kita sama-sama sejenak meneliti Surah Al-Muzzammil ayat 9, mafhumnya: "Dialah Rab timur dan barat, tidak ada ilah selain Dia, maka jadikanlah Dia sebagai Pelindung."

Ayat ini menampilkan kalimah *ilah*, nisbah kepada manusia yang merupakan ciptaan Rab, hanya diperkenalkan setelah dikuatkan kalimah Rab itu dengan penguasaan dan pemilikan Allah terhadap suatu yang nyata, fizikal dan tangible, bahkan juga terhadap sesuatu yang bersifat abstrak, metafizik dan intangible.

Di mana ayat 9, Allah memperkenalkan Diri-Nya sebagai Rab Al-Masyriq wa Al-Maghrib yang membawa maksud bahawa konsep tauhid itu adalah lebih mendalam dan membumi ke dalam naluri insan. Dengan maksud sesiapa yang dapat memahami dan mengimani bahawa Allah adalah Rab kepada semua yang *tangibles* dan *intangibles*, maka dia telah berjaya meletakkan asas-asas aqidah salimah dalam qalbu, perasaan, akal dan seluruh jiwa raganya.

Untuk mencerahkan lagi kefahaman kita, mari kita gunakan perantaraan bahasa Inggeris dan bahasa Arab Al-Quran dan kemudian wacanannya dengan naratif bahasa Melayu. Dalam kamus bahasa Inggeris standard perkataan *intangibles* bererti *unable to be touched or grasped*. Dalam bahasa Melayu naratifnya adalah sesuatu yang tidak dapat disentuh, digenggam, disekat, ditarik atau disentak.

Setelah kita gabungkan antara sandaran dan huraiannya maka



kita dapat suatu naratif yang lengkap, iaitu intangible bererti sesuatu yang tidak memiliki kewujudan fizikal, ia adalah ciptaan Rab, ia wujud tetapi ia tidak mengambil bentuk mahupun ruang tertentu atau sesuatu dimensi yang pernah kita ketahui.

Justeru, sesiapa yang beriman dan bersungguh-sungguh bermujahadah dengan tulus ikhlas semata-mata untuk mendapatkan kerediaan Allah, dengan rahmat-Nya ia pasti akan memperolehinya.

Saya minta saudara hitung ada berapa *intangibles* dalam ayat di atas yang bermula daripada "Justeru ... hingga kepada ... akan memperolehinya."

Mari kita kembali kepada ayat 9 Surah Al-Muzzammil di atas, dalam naratif yang menggunakan bahasa Melayu daripada asalnya bahasa Arab, bolehlah kita katakan Rab Al-Masyriq wa Al-Maghrib yang membawa maksud "Tuhan timur dan barat". Di mana ia tidak sama sekali membawa maksud Allah berada di suatu lokasi atau pada masa yang lain Allah berada tempat timur dan juga tiba masanya Tuhan akan berada di suatu lokasi dan tempat telah bertukar menjadi barat.

Kefahaman atau persepsi seperti ini adalah salah. Perlu kita fahami dan yakini bahawa Allah wujud tanpa tempat dan Allah tidak melalui masa. Dengan itu apa sahaja penambahan terhadap kalimah Rab membawa maksud yang tersangat intensif dalam pengertian tauhid.

Allah memperkenalkan Diri-Nya Sendiri kepada makhluk-Nya agar kita tidak tersilap dan sesat. Rab dan Ilah adalah dimaksudkan untuk mentauhidkan Allah. Di mana kalimah Rab dan apa sahaja dalam wahyu Al-Quran yang hubungan kepada Rab seperti Al-Masyriq (timur) dan Al-Maghrib (barat) menjurus kepada tauhid Rububiyah Allah. Maka dengan itu diperkasakan sekali dengan pernyataan *La ilaha illa Huwa* dengan maksud tiada ilah selain Dia menjurus kepada tauhid Uluhiyah Allah.

Dengan Tauhid Rububiyah

seseorang yang beriman itu hendaklah yakin, percaya dan sesungguhnya beriman dengan Kemahakuasaan Allah, hanya Allah dengan Iradah-Nya tanpa perlu kepada apa-apa pertolongan atau kehendak

yang menjadikan seluruh ciptaan di alam yang ghaib dan nyata. Demikian juga Kemahakuasaan Allah, *Rabbul 'Alamin* iaitu Allah, Rab seluruh alam ini yang mentadbir, menyelenggara, mencukupkan, menghidupkan dan mematikan dalam pengertian *Fa'alul lima yurid* atau Yang Berbuat dan Melakukan apa saja yang Dikehendaki-Nya.

Tauhid Uluhiyah pula adalah dengan penuh keikhlasan dan kesungguhan seseorang beriman itu mengabdikan diri kerana semata-mata penuh patuh, taat dan tunduk dengan tidak berbelah bagi terhadap Rab perintah dalam segala bidang kehidupan. Sebagai contoh pertama; berupa ibadah seperti mendirikan solat, membantu kaum kerabat, jiran dan seseorang yang dalam kesempitan hidup dengan memberi sedekah atau apa-apa bantuan yang meringankan kesempitan hidup orang tersebut. Kedua, berupa muamalah seperti tidak sekali-kali berurusan jual beli dengan riba, tidak khianat terhadap harta anak yatim, tidak sedikit pun menipu timbangan dan sukatan serta seumpamanya.

Kemantapan dalil dan hujah serta kecerahan (krah yang dimiliki oleh generasi Al-Quran di kalangan sahabat Rasulullah s.a.w inilah yang menjadikan mereka sebagai *al-jil at-ta'sis* atau generasi pengasas kekuatan umat Islam. Mantap dan sahif pegangan dan penghayatan mereka terhadap perintah Allah bertitik-tolak dari mantapnya kefahaman mereka tentang pengertian mereka terhadap Rab dan Ilah serta mantap penghayatan mereka terhadap Tauhid Ubudiyah dan Tauhid Uluhiyah.

Sebagaimana Surah-surah Al-Alaq, Al-Muzzammil dan Al-Muddath-thir memberi pencerahan pengertian Rab dan Ilah, maka seawal dan semantap itu kedua-dua asas tauhid Rububiyah dan tauhid Uluhiyah telah ditanam kukuh dari awal-awal lagi oleh Surah Al-Alaq. *Allahu d'lam*.



Bukan untuk aib Mahathir

SUNGGUHPUN 30 tahun telah berlalu, ia tetap igauan yang menghantui mangsanya. Anak perempuan mendiang Irene Fernandez yang berusia 6 tahun pada 1987, kini enggan kembali ke Lake Garden, tempat di mana ibunya dikasari oleh SB (*Special Branch*) dalam satu aktiviti untuk bersolidariti bersama keluarga tahanan Operasi Lalang.

YB Sim Tong Him, salah seorang daripada 106 tahanan ketika itu, berkongsi bagaimana dirinya cuba direbahkan secara psikologi sepanjang proses soal-siasat. Sungguhpun ramai yang terus berjuang setelah bebas daripada penahanan, ada juga yang rebah akhirnya dan meninggalkan perjuangan.

Malah, Sim berkongsi bagaimana dirinya dipesan oleh isteri agar jangan "terlebih cakap" sebelum hadir ke forum sempena ulang-tahun ke-30 Operasi Lalang, memperlihatkan bagaimana ketakutan itu ditanam dalam hati mereka yang melalui pengalaman pahit ini, sungguhpun tiga dekad telah berlalu.

Jangan sesekali Operasi Lalang dilihat sebagai dendam individu. Sejarah ini perlu dibaca dalam konteks di mana Perdana Menteri yang berdepan dengan kemelut perebutan kuasa ketika itu, mengerah segala jentera negara untuk mencetuskan "krisis baru", agar tumpuan umum dialih.



Siang-Malam
Lim Hong Siang

"Musuh" direka dengan tuduhan tanpa perbicaraan dan pembuktian. Akhirnya musuh politik dimangsakan, untuk melanjutkan hayat politik seseorang penguasa yang tersepit.

Kesan Akta Keselamatan Negara (ISA, juga digelar sebagai Ikut Suka Aku) mendalam. Akta ini digubal pada tahun 1960 dengan alasan untuk memerangi komunis, tetapi digunakan secara besar-besaran pada tahun 1987 untuk menyalahkan musuh politik, dan mereka yang berbeza pandangan.

Walaupun pembangkang tidak lenyap lantaran akta ini, namun tidak dinafikan bahawa beberapa generasi terbelenggu dengan ketakutan yang disemai ISA. Saya sendiri melalui zaman itu. Apabila isu politik dibincangkan secara terbuka, misalnya di kedai kopi, maka orang di keliling anda akan menunjukkan isyarat tangan agar anda mendingkan diri, atau sekurang-kurangnya merendahkan suara, kerana wujudnya ISA.

Justeru, suasana yang menekan ini memupuk satu budaya di mana rakyat takut untuk bersuara. Rakyat membisukan diri apabila rasuah berlaku secara terang-terang di depan mata. Pada masa yang sama, rakyat juga disuapkan, sambil diberi amaran jangan digigit tangan yang memberi makanan.

Selagi perut diisi, maka hak demokrasi boleh diketepikan. Kedudukan kuasa seseorang diktator disamakan dengan kedudukan kuasa partinya, dan kemudian disamakan dengan martabat bangsanya.

Konsep dan logik yang mudah inilah yang berlegar-legar dalam masyarakat kita, sebagaimana yang terpampang di depan mata pada hari ini. Ada yang membisukan diri apabila skandal 1MDB berlaku terang-terang di depan mata. Pada masa yang sama, rakyat digula-gulakan dengan BRIM, pemimpin bawahan pula disuapkan dengan "dedak", sambil diberi amaran agar jangan mencabar Najib Razak.

Kedudukan Najib disamakan dengan kedudukan Umno, malah Melayu - mesejnya seolah-olah berbunyi, jatuhnya Najib, rebahnya Umno, maka kedudukan Melayu tergunag.

Inilah fenomena yang dikritik oleh Dr Mahathir Mohamad pada hari ini. Namun senang sahaja Najib dan konco-konconya

menangkis kritikan Dr Mahathir, dengan hanya menggilap semula sejarah yang lukanya masih belum sembuh sehingga hari ini. Penangkapan dan penahanan pada skala terbesar, di samping tiga akhbar ditutup - siapa dalang di sebalik tabir?

Lebih-lebih lagi apabila Dr Mahathir mengaku dalam satu wawancara baru-baru ini bahawa beliau memburuk-burukkan mereka (tahanan Operasi Lalang) untuk memenangi pilihan raya. Sudah tentu pihak Najib akan mempertikaikan, "Bukankah Mahathir sedang memburuk-burukkan Najib dengan 1MDB sekarang untuk menang dalam pilihan raya?"

Sesungguhnya, perjuangan untuk mereformasikan dan mendemokrasikan sistem negara harus diteruskan, dan ia tidak ke mana selagi Najib tidak ditumbangkan. Hakikatnya, perjuangan ini telah dimulakan sejak berdekad-dekad yang lalu. Pembangkang tidak harus menafikan perjuangan dirinya, sungguhpun terpaksa bekerjasama dengan Dr Mahathir pada hari ini.

Hal ini dibangkit setelah YB Lim Kit Siang mengeluarkan satu kenyataan media berhubung Operasi Lalang tanpa menyebut nama Mahathir, dan ia mengundang reaksi negatif daripada penyokong pembangkang. Mereka mempersoalkan mengapa Kit Siang

menyelindungi Mahathir, sedangkan kenyataan beliau selama ini menuding jari kepada Mahathir dalam isu Operasi Lalang?

Persoalan timbul, bagaimana pengundi boleh diyakinkan dengan janji-janji manis pembangkang untuk masa depan, sedangkan pembangkang gagal berdepan dengan sejarah secara jujur?

Dr. Mahathir boleh terus menyumbang dalam perjuangan pembangkang pada hari ini. Persoalannya, bagaimana pembangkang pergi lebih jauh tanpa dibebankan kesilapan yang dilakukan Dr Mahathir? Tiada manusia yang kebal daripada melakukan kesilapan. Dan berulang-kali pembangkang menegaskan, kita perlu berkorban untuk menyelamatkan Malaysia. Ironinya, bagaimana Malaysia diselamatkan, jikalau ego seorang pemimpin pun gagal diketepikan?

Waktunya tiba untuk kita mengorak langkah ke depan. Tuntutan mohon maaf bukan untuk mengaibkan Dr Mahathir, sebaliknya pengakuan jujur bahawa sistem sedia ada telah bobrok dan wajib dirombak. Ia harus dibubuhkan noktah, sebelum sistem demokrasi kita diberi nafas baru. Mahathir harus membunuh Mahathirisme, sebelum Malaysia diberi nafas baru.

AMANAH Johor yakin cetus perubahan dalam PRU14

Sejak lebih setengah abad lamanya, negeri Johor menjadi pangkalan kukuh parti Umno, justeru parti itu ditubuhkan di negeri selatan tanah air itu.

Negeri Johor memang sangat unik dalam sejarah dan tradisinya. Orang Johor dikatakan sinonim dengan Umno, tidak ada sebarang parti lain, selama ini, yang boleh mengalahkan Umno sejak 13 kali pilihan raya.

Namun, kini sudah banyak tanda perubahan akan berlaku di negeri selatan tanah air itu. Kedatangan parti AMANAH di Johor di bawah pimpinan anak Johor sendiri, Salahuddin Ayub bersama Aminolhuda Hasan dan pimpinan AMANAH yang lain di Johor dilihat diterima baik oleh ramai rakyat Johor.

Satu isyarat yang sangat memberangsangkan. Ertinya orang Johor yang terkenal dengan zapin dan ghazalnya serta tradisi yang lain sedang mengalu-ngalukan parti warna oren - AMANAH - itu.



CETUSAN MINDA
ABDUL SHUKUR HARUN

Dengan itu, orang Umno Johor jangan lagi berbangga bahawa ia menjadi banteng kukuh parti itu selama puluhan tahun. Benteng partu itu kini dilihat sedang runtuh.

Dengan kepimpinan Tan Sri Muhyiddin Yasin, bekas orang kuat Umno puluhan tahun, yang kini memimpin parti Bersatu, demikian ramai penduduk Umno berpindah ke parti baru itu yang menjadi salah satu komponen Pakatan Harapan.

Dengan kedatangan AMANAH, komponen Pakatan Harapan, maka semakin jelas isyarat Umno di negeri Johor akan runtuh, justeru semakin ramai yang menyertai AMANAH di samping Bersatu.

Beberapa bulan lalu, Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir

Mohamad diberikan sambutan luar biasa ketika berceramah di Tanjung Piai, Pontian, wilayah paling selatan dataran benua Asia, tempat lahir Salahuddin dan saya sendiri dibesarkan.

Dr Mahathir ketika berceramah di Tanjung Piai mengakui "ini pertama kali saya dataang ke sini", katanya ketika berucap di halaman rumah Salahuddin sendiri, yang tidak jauh jaraknya dari rumah saya.

Ribuan orang kampung, bahkan ada yang datang dari Batu Pahat, Muar, Kota Tinggi dan daerah lain di Johor, menghadiri majlis ceramah Pakatan Harapan di Tanjung Piai itu.

Sangat jelas, perubahan yang berlaku di negeri Johor sekarang ini. Salahuddin bertekad untuk memperkukuhkan Pakatan Harapan Johor selepas beliau memaklumkan berkenaan dengan strategi untuk menawan negeri itu.

Beliau menyatakan peranan

AMANAH adalah penting untuk membentuk PH Johor selain nilai tambah dari segi kepimpinan AMANAH Johor itu sendiri. "Penggukuan PH Johor itu mestilah menjadi agenda utama. Saya sendiri berazam untuk memaksimumkan peranan AMANAH supaya kehadiran kita benar-benar dapat memberikan nilai tambah kepada imej serta penampilan dan juga kekuatan PH itu sendiri.

"Segala kepimpinan dalam AMANAH Johor akan dipasti-



kan cemerlang dan saya yakin kepimpinan AMANAH Johor dapat merealisasikan kecemerlangan tersebut kerana barisan kepimpinan AMANAH Johor terdiri daripada orang yang berpengalaman serta mereka yang berkebolehan.

"AMANAH Johor akan menampilkan para tokoh kepimpinan yang mampu untuk mengatasi kepimpinan Umno di Johor dan ini penting untuk rakyat yakin bagi memberi mandat kepada kita pada pilihan raya umum yang akan datang," ujarnya.

Menurut Salahuddin, AMANAH Johor akan mengemukakan calon yang berkualiti dan berpotensi menang. Itulah potensi perubahan lanskap politik negeri Johor yang dilihat akan segera berubah menjelang PRU14.

Di sinilah AMANAH, melalui Pakatan Harapan, akan muncul sebagai tenaga politik baru dan berpotensi membuat perubahan di selatan tanah air.

Hasrat AMANAH memelihara warisan & merakyat ekonomi Terengganu

Terengganu, negeri Pantai Timur yang kaya dengan warisan dan keindahan alam semulajadi. Namun kekayaan alam dan warisan itu gagal mengeluarkannya dari kelompok negeri termiskin walaupun digelar 'Kuwait Malaysia' kerana sumber minyaknya. Apa yang tidak kena dengan negeri Darul Iman ini? Mingguan Amanah berkesempatan mewawancara Pengerusi AMANAH Terengganu Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad yang juga Ahli Parlimen Kuala Terengganu untuk mendapatkan jawapannya. Ikuti bahagian pertama wawancara mingguan Amanah dengan tokoh arkitek negara ini.

Boleh Datuk jelaskan tentang perkembangan AMANAH Terengganu?

Alhamdulillah dari segi penerimaan rakyat berbanding 24 bulan lepas, masa kita baru ditubuhkan semakin baik. Pada awalnya ramai yang tidak faham tentang kewujudan kita. Ada juga yang tidak memandang dengan sihat penubuhan AMANAH. Tapi Alhamdulillah, sejak hampir setahun lalu saya nampak memang banyak perubahan daripada kalangan masyarakat.

Mereka yang dahulunya menjauhi kita sekarang sudah mulai mendekati kita. Ini adalah suatu yang di luar jangkaan. Perubahan ini menyeluruh walaupun di kalangan ahli Pas. Mereka sudah boleh duduk berbincang dengan kita. Antara persoalan yang mereka timbulkan, mengapa berlaku perubahan yang besar dalam Pas sekarang ini. Pada 24 bulan lalu, mereka tidak nampak kenapa orang yang sudah begitu lama berjuang dalam Pas bertindak keluar parti. Sekarang ini, selepas dua tahun mereka sendiri menyoal apa yang sedang berlaku dalam Pas.

Untuk masyarakat umum, orang atas pagar atau orang yang tidak berparti, mereka tiada masalah dengan kita.

Umno pula menghadapi masalah dalaman mereka sendiri apabila Pengerusi Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman tidak dihormati kalangan ahli Umno sendiri atas sebab-sebab dalaman mereka. Saya rasa tidak ada penyelesaian dalam masa terdekat ini.

Oleh itu saya dapati orang Umno pun mula mendekati kita kerana hilang keyakinan dengan kepimpinan Datuk Razif. Mereka mencari alternatif. Di peringkat nasional, isu membabitkan (Perdana Menteri) Datuk Seri Najib Razak dan 1MDB menjadi satu faktor membawa ahli Umno dekat dengan kita.

Selain faktor-faktor dalaman parti politik, apa dia faktor luaran yang Datuk rasa boleh menarik

orang ramai kepada AMANAH?

Apa yang menarik orang ramai kepada AMANAH adalah sikap inklusif kita atau pada moto kita, sikap peduli rakyat. Kita tidak ambil topik-topik atau isu yang besar. Hari ini kita menghadapi masalah asas yang amat meruncing.

Daripada awal kita mengambil sikap pergi bertemu rakyat. Kita tidak hanya bergantung kepada buat ceramah umum dan tunggu orang datang. Menjadi budaya kepada AMANAH Terengganu untuk buat ceramah di pasar malam, pasar minggu dan pasar tani. Kita berdiri di belakang Hilux dan berceramah. Lepas kita berceramah, kita terus bertemu rakyat, bersalaman dan berbual. Itu adalah pendekatan yang lebih mesra rakyat.

Kita bertemu peniaga, bertanyakan masalah mereka dan cuba merasai denyut nadi rakyat. Isu yang selalu mereka utarakan adalah kenaikan harga barang, GST, inflasi dan sebagainya.

Kita juga bertemu anak-anak muda dan bertanyakan masalah mereka. Ramai yang sudah menamatkan pengajian (graduate) tetapi masih belum mendapat kerja sedangkan mereka perlu menjelaskan pinjaman pelajaran mereka.

Inilah budaya kita. Kita turun ke bawah mencari rakyat dan bukan sekadar berceramah.

Program ceramah kita buat juga tapi bukan suatu yang utama.

Pendekatan ini boleh merapatkan kita dengan rakyat.

Masyarakat Terengganu ini kita lihat konservatif sifatnya. Bagaimana AMANAH sebagai parti Islam yang progresif boleh mendekati mereka?

Kita sedar, kita menghadapi dua parti yang telah berakar umbi dan bertapak lama di Terengganu. Orang Terengganu tidak kenal parti politik selain Pas dan Umno. Itu satu cabaran besar bagi kita. Sebab itulah pendekatan kita bukan mengkritik atau menyerang mereka, tetapi pendekatan kita adalah menimbulkan kesedaran kepada rakyat adakah kewujudan dua parti ini masih relevan untuk membela nasib mereka. Kita memberi pilihan.

Bila kita timbulkan isu-isu semasa, mereka sedar bahawa pihak-pihak yang sedang berkuasa seperti Umno-BN dan Pas yang pernah berkuasa selama satu penggal (1999-2004) tidak begitu peka dalam membela isu rakyat.

Isu paling relevan di Terengganu adalah isu nelayan. Bukan sahaja nelayan yang menangkap ikan di laut, tetapi juga mereka yang terlibat dalam industri kecil, membuat keropok lekor dan sebagainya. Sejak menjadi ahli parlimen, setiap tahun saya membawa wakil nelayan untuk bertemu menteri-menteri dan pihak berkenaan bagi menyelesaikan masalah mereka.

Pada tahun ini, nelayan-nelayan menolak pelawaan kita untuk hadir ke parlimen kerana pada mereka, tiada langsung kepekaan menteri-menteri berkenaan untuk menyelesaikan masalah mereka.

Kita bukan sahaja cuba menangani masalah mereka di peringkat negeri tetapi hingga ke peringkat nasional dengan membawa mereka bertemu para menteri. Kita pernah bawa mereka bertemu (Tan Sri) Shahidan Kasim, (Datuk Seri) Noh Omar dan sekarang ini Menteri Pertanian ialah orang Terengganu, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

“ AMANAH Terengganu akan memberi tumpuan kepada aspek memelihara warisan ini. Ia bukan sahaja warisan yang patut dikenang tetapi warisan yang menjadi punca pendapatan orang Terengganu. Industri kraftangan dan cottage industry, boleh menjadi punca pendapatan yang konsisten kepada penduduk negeri ini.

Masalah yang perlu diberi perhatian adalah nasib nelayan kecil. Menangkap ikan menjadi sumber pendapatan tradisi negeri Terengganu. Jika kita melihat perniagaan lain, ianya tidak 'sustainable' secara semulajadi. Sumber minyak dan gas, dengan rizab yang ada mungkin dalam masa 15 tahun sudah tiada lagi. Tapi industri perikanan jika diurus dengan baik akan terus menjadi sumber pendapatan kepada rakyat Terengganu yang utama.

Yang kedua adalah isu peniaga-peniaga kecil. Kita balik ke pasar.

Pendekatan kita dengan peniaga-peniaga yang sentiasa terumbang-ambing. Para peniaga pasar malam, pasar

minggu. Kadang-kadang tapak perniagaan mereka juga tidak kekal. Sekali boleh, sekali tak boleh. Ada mereka yang bayar sewa tapak perniagaan untuk sebulan, tapi bila ada keramaian, 'funfair' dan sebagainya, mereka tidak dibenarkan berniaga untuk seminggu. Tiada satu peraturan dan solusi yang tetap.

Dan ikon bagi negeri Terengganu yang perlu pembelaan adalah Pasar Payang. Ia seperti Grand Bazaar di Istanbul. Siapa yang pergi ke Istanbul tapi tidak pergi ke Grand Bazaar, kunjungannya itu macam tak sah (tidak bermakna). Sebab itu Pasar Payang ini amat penting kerana di situlah letaknya para peniaga Terengganu yang tulen. Mereka tidak mengharapkan bantuan kerajaan, mereka ini berdikari dan duduk (berniaga) di Pasar Payang sejak dua tiga generasi. Mereka patut diberikan pembelaan dan saya rasa kerajaan tidak memberi perhatian kepada mereka.

Pada satu ketika dulu masa Datuk Seri Md Said (menjawab Menteri Besar), kerajaan ingin merobohkan Pasar Payang. Hari ini Datuk Seri Ahmad Razif pun nak hidupkan semula projek membina Pasar Payang yang baru. Ini tidak kena dengan aspirasi peniaga dan pengunjung Pasar Payang. Bagi kita Pasar Payang tidak perlu dirobohkan secara total dan buat bangunan pasaraya yang moden.

Kalau nak buat pembaharuan dan tambah nilai pun, buat secara berperingkat. Roboh separuh dan separuh lagi boleh terus beroperasi. Pasar manapun, sama ada basah atau kering, jika ditutup dua tiga tahun apabila dibuka semula ia tidak akan maju. Ini sudah berlaku di Pantai Barat, Kelantan, Terengganu. Kesilapan yang sama berulang.

Kita rasa perlu ada kesinambungan. Separuh pasar masih beroperasi, separuh lagi dibaiki. Proses renovasi tiada masalah kerana ia bagi menjaga warisan. Apabila separuh dah siap, kita teruskan yang separuh lagi. Perniagaan perlu berterusan, jika tidak akan hilang pasaran.

Yang ketiga adalah warisan orang Melayu Terengganu sendiri. Orang datang ke Terengganu untuk melihat kampung dan warisan Melayu yang kaya dan kekal keasliannya. Tetapi hari ini bila kita pergi ke Kuala Terengganu, kampung tradisi yang amat terkenal seperti Kampung Ladang dan Kampung Tanjung sudah hampir tiada (pupus).

Kampung Ladang khususnya Kampung Ladang Tok Pelam yang terletak bersebelah



pantai Primula, bukan sahaja terkenal sebagai kampung warisan tradisional dari seni binanya tapi juga industri yang bergiat dan hidup; warisan yang hidup (living heritage). Di sini terdapat pembuat barangan tembaga, emas, perak, batik, songket dan kuih muih. Tapi sekarang apa yang tinggal hanyalah makam Tok Pelam, seorang tokoh guru yang terkenal. Kampung itu sudah habis dirobohkan.

Untuk apa ia dirobohkan kerana itulah warisan Terengganu? Tempat pembuatan (barangan tradisi Terengganu) di Kampung Tok Pelam, dan tempat penjualannya di Pasar Payang. Kampung Tok Pelam sudah dirobohkan kini Pasar Payang pula.

Antara industri yang paling unik di Kampung Tok Pelam adalah industri pembuatan barangan tembaga. Pembuatan barangan tembaga adalah industri yang agak unik di Terengganu. Antara barangan yang dihasilkan adalah tempat sireh, kertuk dan barangan tradisi. Ia digunakan untuk kemudahan harian orang dahulu yang merupakan simbol orang Terengganu dan orang Melayu.

Pada suatu ketika dahulu, ada 130 pembuat barangan tembaga di Kampung Tok Pelam. Dan kajian daripada Eropah juga mendapati kualiti pembuatan tembaga di sini sangat tinggi. Hari ini kajian yang dibuat sebuah universiti tempatan mendapati hanya lima pembuat tembaga yang tinggal. Ke mana pergi yang lainnya?

Dulu orang sampai ke Terengganu untuk cari barangan tembaga pergi ke Ladang Tok Pelam. Orang Singapura, Jepun, Eropah. Di Kampung Ladang Tok Pelam juga ada pembuat keris namun kini sudah tiada lagi.

Di mana mereka hari ini? Struktur keluarga (pembuat barangan tradisi ini) sudah dipecahkan. Ada yang duduk di Bukit Payung, Seberang Takir, ada yang berpindah ke Hulu Terengganu, ada yang duduk di rumah-rumah flat.

Bukan hanya struktur kekeluargaan dipecahkan apabila rumah-rumah kampung ini diranapkan, warisan kita yang unik juga telah hilang begitu sahaja. Kalau kita pergi ke Kuala Terengganu hari ini, mana kampung warisan yang masih ada, yang kekal dengan keadaan asal. Jawapannya Kampung Cina. Kita tidak salahkan orang Cina kerana mereka amat bijak dan berpandangan jauh tentang kepentingan menjaga warisan. Tapi mana kampung Melayu dalam Kuala Terengganu? Sudah tidak ada lagi.

Kita (di Kuala Terengganu) tidak ada lagi kampung Melayu yang boleh dibanggakan berbanding bandar Melaka. Di bandar Melaka ada Jonker Street yang juga kampung Cina. Tapi Melaka menyelamatkan Kampung Morten, kampung Melayu yang terletak di tengah-tengah bandar Melaka. Kampung Morten adalah kampung warisan Melayu yang hidup, ada homestay, ada cottage industry.

Kalau Melaka boleh buat, mengapa tidak Terengganu sedangkan warisan Terengganu lebih kaya. Ini semua bergantung kepada kebijaksanaan pihak yang memerintah.

Saya rasakan orang Terengganu sekarang ini sudah mula sedar. Mereka hilang segala-galanya. Nak kata kayapun tidak. Duit minyak keluar masuk tapi tidak memanfaatkan mereka. Warisan asli mereka pun hilang. Jadi apa yang boleh kita banggakan sebagai rakyat Terengganu.

Sehubungan itu AMANAH Terengganu akan memberi tumpuan kepada aspek memelihara warisan ini. Ia bukan sahaja warisan yang patut dikenang tetapi warisan yang menjadi punca pendapatan orang Terengganu. Industri kraftangan dan cottage industry, boleh menjadi punca pendapatan yang konsisten kepada penduduk negeri ini.



Satu lagi produk pelancongan yang terkenal di Terengganu adalah pulau-pulau dan sebagainya. Jadi inilah yang kita rasa banyak perlu diperbaiki dan kita bermula daripada bawah.

Insya Allah jika AMANAH (dan Pakatan Harapan) diberi peluang memerintah Terengganu, kita tidak akan tertumpu kepada hasil minyak (sebagai sumber pendapatan negeri) kerana itulah yang dijanjikan kerajaan BN hari ini. Dah hampir 40, tapi apakah bidang industri minyak yang orang tempatan boleh ambil bahagian dan dapat manfaat daripadanya.

Berbeza dengan industri pelancongan yang boleh disertai rakyat dari asas dan dari usia muda.

Jadi Pakatan Harapan berhasrat untuk membangunkan industri pelancongan tempatan sebagai sumber pendapatan negeri?

Kita akan merakyatkan kembali ekonomi Terengganu dengan mengusahakan barangan tempatan dan industri tempatan yang rakyat sudah mahir dan lama berkecimpung dalam bidang itu.

Kita bukan nak beri harapan palsu kepada rakyat dengan industri minyak dan gas seperti dijanjikan kerajaan BN hari ini. Di mana pengusaha atau ahli korporat Terengganu dalam bidang minyak dan gas? Tiada.

Adakah Datuk mempunyai keyakinan bahawa produk-produk tradisi dan pelancongan Terengganu ini boleh menembusi pasaran nasional dan antarabangsa?

Bukan nasional sahaja tapi antarabangsa. Jika Indonesia ada Bali, saya rasa 'Bali Malaysia' adalah Terengganu kerana kepelbagaian industri kotej dan tradisinya amat kaya.

Kalau kita ingat kata-kata arwah Tan Sri Mubin Shepperd, salah seorang daripada pengasas Muzium Negara, budayawan dan negarawan, beliau dalam bukunya Taman Indera menyebut, "Terengganu is the cradle of Malay civilization". Terengganulah tempat tamadun, budaya dan warisan Malaysia dilahirkan.

Songket dan batik Terengganu misalnya lebih pelbagai.

Kita perlu bangunkan industri kita daripada kekuatan yang kita ada. Kita jangan beri harapan kosong kepada rakyat dengan industri minyak dan sebagainya seperti kata pepatah, "yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran".

Sebelum terlambat kita perlu mencari pengusaha-pengusaha lama ini yang semakin pupus. Jika kita tidak lakukan sesuatu, kita akan

“Insya Allah jika AMANAH (dan Pakatan Harapan) diberi peluang memerintah Terengganu, kita tidak akan tertumpu kepada hasil minyak (sebagai sumber pendapatan negeri) kerana itulah yang dijanjikan kerajaan BN hari ini. Dah hampir 40, tapi apakah bidang industri minyak yang orang tempatan boleh ambil bahagian dan dapat manfaat daripadanya.

kehilangan segala-galanya. Hanya ilusi... negeri ini dipanggil 'Kuwait Malaysia'. Atas kertas kita kaya tetapi rakyat terus menderita.

Terengganu masih lagi terkelompok dalam empat negeri termiskin selain Kelantan, Sabah dan Sarawak. Kelantan walaupun miskin kita boleh fahami sebab royalti minyak tak pernah ia dapat. Tapi Terengganu dapat royalti minyak dan walaupun royalti minyak dihentikan, kita masih dapat 'wang ehsan'... hampir sama tapi bentuknya berbeza. Jadi mana perginya (hasil minyak itu). Terengganu masih dikategorikan sebagai negeri miskin?

Jadi masalah Terengganu bukan soal duit kerana bajet Terengganu antara yang tertinggi di Malaysia. Selangor bajetnya antara RM1.6 bilion hingga RM1.8 bilion untuk rakyat lebih kurang 5 juta orang. Terengganu rakyatnya 1 juta tapi bajetnya RM2.2 bilion. Ke mana pergi hasil Terengganu? Rakyat masih macam ini.

Kita tidak ketandusan aset tapi pengurusan amat lemah. Ketirisan, kebocoran (dalam perbelanjaan). Kalau kita sebut rasuah nanti orang marah, tapi inilah hakikat sebenarnya.

Kalau dilihat daripada projek yang dilaksanakan kerajaan BN seperti Piala Monsun, Masjid Kristal dan sebagainya, tidakkah ia membantu menggalakkan industri pelancongan Terengganu?

Apakah manfaat yang dibawa Piala Monsun? Pada asalnya Piala Monsun adalah satu idea yang bagus untuk memperkenalkan Terengganu. Tetapi Piala Monsun tidak boleh menyelesaikan masalah kita. Dari segi promosi, Piala Monsun dapat liputan terus menerus (live) CNN, Sports Channel dan sebagainya pada empat tahun pertama, tetapi kerajaan BN negeri tidak mengambil kesempatan daripadanya.

Kita dapat 'mileage', coverage (liputan) tetapi mana promosi kita (untuk memperkenalkan produk pelancongan Terengganu)? Program susulannya bagaimana? Apa jadi pada Piala Monsun hari ini? Sudah tiada.

Semasa Piala Monsun diadakan, orang tempatan sangat sedikit dapat manfaatnya. Pelancong tidak ramai datang sedangkan kita berbelanja puluhan juta setahun. Buat hotel mewah, pelabuhan perahu layar (yacht). Untuk siapa? Orang luar pun tak simpan perahu layar di situ.

Kini hotel mewah yang dibina sudah bertukar tangan beberapa kali. Jadi Piala Monsun itu cuma projek 'syok sendiri', selebriti datang, buat 'gala dinner'. Ia semata-mata untuk bina imej, hanya untuk golongan elit dan tiada manfaat bagi rakyat.

Tentang Masjid Kristal, kebetulan baru-baru ini sebuah akhbar tempatan, Sinar Harian siarkan rungutan orang ramai terhadap Masjid Kristal. Macam tidak terurus, atapnya bocor, tandasnya rosak dan banyak lagi perkara tidak elok sedangkan ia ikon pelancongan negeri. Sekali lagi, asetnya cantik tapi pengurusannya teruk. Apabila Sinar Harian siarkan laporan tersebut, kerajaan negeri nak saman. Patutnya

kita berterima kasih kerana akhbar itu siarkan rungutan orang ramai.

Sebenarnya bukan sahaja Masjid Kristal, ada beberapa lagi projek kerajaan BN negeri yang terbengkalai. Stadium negeri di Gong Badak, Kuala Terengganu berharga RM300 juta roboh bumbungnya. Sehingga hari ini dah lebih 10 tahun tidak diperbaiki. Generator, kabel, peralatan hilang dicuri orang. Akhirnya terpaksa bermain di stadium lama.

Taman Ilmu di Besut berharga RM350 juta. Sudah lapan tahun tidak siap-siap juga. Generator dan barangan dicuri, bangunan rosak, tak boleh guna juga sedangkan ia aset pendidikan yang baik.

Kolam renang di Batu Burok, bumbungnya runtuh hingga hari ini tidak dibaiki semula.

Pembinaan pusat bebas cukai. Kita dah kata, tidak betul buat pusat bebas cukai di tengah-tengah hutan belantara Tasik Kenyir. Kosnya lebih RM300 juta dan tak siap-siap hingga ke hari ini... terbengkalai. Tapi publisiti macam-macam. Pusat bebas cukai dah dibuka. Saya tanya di parlimen di mana pusat bebas cukai Terengganu. Di Pulau Bayas kah? Maka menteri jawab, di Pangkalan Gawi. Pangkalan Gawi itu bukan di pulau, tapi di tanah besar. Memang dah ada dua tiga bangunan di situ.

Sebenarnya pusat bebas cukai itu tak siap-siap. Kontraktor dan cabut lari. Inilah sedihnya Terengganu. Saya sudah jumlahkan lebih RM1 bilion, empat atau lima projek mega yang terbengkalai, rosak dan tidak digunakan. Taman Ilmu di Besut contohnya boleh menampung enam atau tujuh universiti. Namun sehingga kini gagal disiapkan.

Sedangkan kita tahu ramai pelajar cemerlang Terengganu setiap kali keputusan peperiksaan SPM dan STPM diumumkan. Soalnya ke mana perginya para pelajar cemerlang ini? Jika Taman Ilmu di Besut siap, mereka boleh menyambung pengajian di sini. Terengganu boleh menghasilkan cerdik pandai dalam pelbagai bidang untuk membangunkan negeri.

Jadi inilah nasib Terengganu. Bajet ada, duit ada, tapi tidak tahu mengurus. Hanya tahu belanja untuk perhabis duit. Tidak ada minat sebenarnya. Kini nak buat projek baru, projek jambatan antara Tanjung ke Seberang Takir.

Memanglah jambatan itu diperlukan, tetapi mengapa perlu buat jambatan macam London Bridge, yang boleh diangkat. Belanja sudah pasti tinggi. Nanti lepas beberapa bulan rosak. Kita tidak pernah belajar daripada kegagalan projek-projek sebelumnya.

Gajah putih banyak di Terengganu dan kita rasa kerajaan BN negeri sengaja nak mengaburi mata rakyat kononnya kita kaya, kita ada duit. Boleh laksana projek-projek besar. Segelintir kontraktor besar dapatlah projek, tapi apa hasilnya pada rakyat?

Jadi kita bukan kekurangan duit, tapi lemah aspek pengurusan. Tiada sikap amanah dan wujud ketirisan. Masalah ini berulang setiap tahun. Kita sudah banyak membina imej, tetapi imej yang kosong.

Pidato Presiden AMANAH (Bahagian 2 dan akhir)

Bersiap hadapi ibu segala peperangan

APAKAH yang boleh dibanggakan dengan jolokan 'Najibnomiks', seolah-olah seperti 'Raegenomics' atau juga 'Mahathirnomiks' membawa satu pendekatan atau 'school' atau sekolah pemikiran ekonomi yang punya ciri-ciri khusus. Kalau Raegenomik terkenal dengan pendekatan antaranya 'mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan memotong cukai bagi mendepani inflasi dan pengangguran. Begitu juga 'Mahathirnomiks' agak terkenal, antara lainnya, dengan 'Kawalan Kapital' dan 'Program-Bailout' besar-besaran semasa Krisis Kewangan Asia.

Nah, apakah yang mahu dimajukan oleh ahli ekonomi apabila membicarakan perihal 'Najibnomiks'? Saya kira, orang awam akan ingat beberapa ciri khusus tentang ekonomi semasa era Najib. Mudah-mudahan adalah skandal-skandal mega-besar yang dibongkar sepanjang pentadbiran Perdana Menteri Najib 2009-2017. Ini membuka mata bahawa salah guna kuasa, rasuah dan ketirisan boleh meranapkan negara yang kaya ini sepertimana ia telah berlakunya ke atas badan dan syarikat kerajaan seperti 1MDB, MARA, FELDA, Tabung Haji, KWAP dan YAPEIM. Negara boleh bankrap kerana rasuah dan tadbit-urus yang tempang dan curang seperti dalam era Najib.

Bayangkan apakah yang dapat kita lakukan dengan wang sejumlah RM19.3 bilion yang dirampas dalam kes rasuah 1MDB. Congakan mudah-mudahan, kita mampu membina 460,000 rumah rakyat atau menghapuskan PTPN dan memberi pendidikan percuma kepada mahasiswa atau membina 100 buah hospital baru terutamanya di kawasan luar bandar.

Bukan saya tokohnya untuk membuat apa-apa komen tentang Najibnomiks. Tetapi memetik dari analisis dari ahli-ahli ekonomi, cubaan seorang konsultan ekonomi Dr Bruce Gale baru-baru ini untuk menilai seluruh kegiatan ekonomi semasa era Najib dalam bukunya 'Najibnomiks' berdepan dengan pelbagai kritik yang tajam dan sinis. Pujian beliau terhadap langkah-langkah polisi ekonomi Najib dikatakan ahli ekonomi sebagai agak tersasar dan tidak dapat dipertahankan, termasuk isu nilai ringgit, hutang, pertumbuhan dan sebagainya.

Yang jelasnya, rakyat pada hari ini bijak dan sedar bahawa negara ini sedang dirompak serakusnya demi tembok kleptokrat yang seterusnya menjawab, akan persoalan "kemana hilangnya hasil negara?", rupanya dari poket rakyat ia datang, ke poket kleptokrat UMNO BN ia pergi.

Kerana gagal mengurus dan mentadbir kekayaan negara dengan amanah, maka "Pertumbuhan KDNK" tidak lagi mempunyai erti buat rakyat.

Tidak ada apa-apa yang ajaib tentang Model Pertumbuhan KDNK yang dipacu Najib Razak. Berpandukan pertumbuhan yang dipacu dengan suntikan 'modal' atau 'capital', (model lama *input-based growth*), dengan cara 'meminjam' dan 'berhutang', era Najib menyaksikan hutang melonjak hampir ke paras maksimum (had statutory) yang tidak dibenarkan "meminjam" melebihi 55% paras KDNK.

Menjadi rahsia umum bahawa Hutang Kerajaan Persekutuan telah mencecah RM685, 057 billion (BNM, Q2/17). Ini tidak termasuk RM195 billion hutang yang dijamin kerajaan Malaysia (*Contingent Liabilities*) (BNM, Q2/17) yang sengaja dibuat melalui 'Belanja Luar Bajet' atau "Off-Budget Spending" bagi mengelakkan kerajaan melepasi had hutang 55% KDNK. Akhirnya, rakyat juga yang akan dipaksa bayar sepertimana yang telah berlaku dalam menanggung hutang 1MDB.

Soal kritikalnya ialah sementara berhutang sakan ini, mampukah kerajaan menjaga kepentingan rakyat di segi kos kehidupan dan perkerjaan untuk rakyat jelata?

Terdahulu banyak bantuan dan subsidi telah dikurangkan dari RM43.3 bilion pada 2013 kepada RM24.6 bilion pada 2016. Kini 2017, rakyat terus ditekan dengan tiada lagi subsidi petrol, tepung, gula, beras dan minyak masak yang menjadi keperluan asas



rakyat terbanyak.

Kajian penyelidikan mendapati bahawa kesan cukai GST kepada rakyat mengurangkan lebih kurang 50% perbelanjaan isi rumah secara langsung dan hampir 20% secara tak langsung. Penarikan subsidi ini mengakibatkan harga barang berkenaan naik antara 14% hingga 31%.

Yang paling menekan, kata mereka adalah kenaikan harga petrol dan diesel yang kini terapung menyebabkan peningkatan harga barang asas terus mencanak. Ketiadaan mekanisme penstabilan harga petrol hari ini menyebabkan rakyat dan pengusaha menghadapi tekanan yang lebih dahsyat lagi.

Berpindah kepada perihal pekerjaan dan pengangguran. Berjayakah Najib atau 'Najibnomik' mengurus ekonomi yang mapan dan mencipta pekerjaan untuk rakyat?

Sedikit masa dulu Najib megah mengisytiharkan bahawa Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah menjana 1.8 juta pekerjaan. Ternyata kebanggaannya tersasar apabila laporan BNM mendedahkan pengangguran di kalangan belia mencecah hampir 11% yakni 3 kali ganda kadar pengangguran keseluruhan di negara ini (yakni 3.1%).

Rata-ratanya pekerjaan yang didakwa dicipta Najib adalah terdiri dalam rantai nilai-tambah yang rendah dan memberikan pekerjaan kepada warga asing khususnya bidang perladangan dan pembinaan.

Dalam pada itu, kelompok graduan adalah yang paling malang. 23% penganggur di kalangan belia adalah graduan. Menteri Pendidikan Tinggi baru-baru ini menjawab soalan di Dewan Negara bahawa seramai 54,103 siswazah universiti menganggur dalam tempoh enam bulan selepas mereka menamatkan pengajian masing-masing pada tahun lepas (dari 238,187 siswazah). Ini juga bermaksud 22% peratus graduan yang keluar universiti tidak punya pekerjaan paling tidaknya untuk 6 bulan dan ramai juga seterusnya.

Apakah yang Najib bolih kata tatkala kerajaan gagal membekalkan pekerjaan? Itu belum lagi kita bercakap tentang cabaran untuk mencipta pekerjaan yang memberi upah dan gaji yang menasabah tinggi. Sudahlah graduan ini berhutang kurang lebih RM30,000 kepada PTPN, kini ancaman pengangguran mencekik mereka.

Jelasnya kerajaan gagal menjana pekerjaan di bidang-bidang yang akan membangunkan daya saing dan produktiviti negara. Ya, pastinya mudah memacu kegiatan pembangunan dalam sektor pembinaan (*bricks and mortar*) atau perladangan secara manual.

Sebagai contoh, sepatutnya kerajaan melaburkan berbilion ringgit dana Felda dan FGV dalam kegiatan urusniaga 'Penggabungan dan Perolehan' (M&A) yang

membangunkan industri hiliran (*downstream activities*) yang berteraskan minyak sawit. Bukan sekadar melebarkan ladang dengan pembelian Eagle High Plantation yang penuh kontroversi itu dengan harga 2.5 kali ganda harga pasaran, sekaligus menguntungkan kroni dan orang tengah. Begitu juga tabiat yang sama dalam pelbagai urusniaga dan pelaburan yang lain oleh kerajaan kleptokrat ini. Kitaran ganas ini sukar di pecahkan kerana menjadi tabiat buruk pihak penguas atau birokrat kerana mencontohi gelagat pimpinan politik mereka.

Sebaliknya, andainya dapat dirancakkan kegiatan-kegiatan 'pelaburan hiliran' yang menghasilkan produk yang punya nilai-tambah yang tinggi, lalu upah gaji yang lebih lumayan akan dapat dijana, sekaligus akan mencipta 'permintaan' (demand) untuk graduan kita, samada berijazah sarjana muda, sarjana dan PhDs dalam pelbagai bidang terutama dalam bidang bidang 'digital economy' termasuk dalam syarikat 'financial



technology' atau FinTech. Begitulah pada seluruh bidang-bidang lain termasuk aerospace, solar teknologi, elektrik dan elektronik, bioteknologi, pembuatan dan sebagainya.

Amanah yakin seandainya negara yang punya sumber kekayaan yang baik ini dapat ditadbir urus dengan penuh bertanggungjawab dan amanah oleh sebuah pimpinan yang kompeten dan berintegriti, maka kami yakin negara tercinta ini akan dapat dibangunkan kembali.

Perumusan tawaran-tawaran mengatasi masalah-masalah (kepada semua segmen rakyat) ini telah pun disiapkan dalam tawaran manifesto Pakatan Harapan dan sebahagiannya dalam Belanjawaan Pakatan Harapan yang akan dibentangkan sebelum Belanjawaan 2018 BN nanti.

Seperkara lagi, tanpa tunduk kepada mana-mana kuasa hegemoni Barat atau Timur, samada Amerika Syarikat mahu pun China, kami yakin negara ini akan dapat kita jana daya saing yang tinggi, bagi mendepani cabaran persaingan 'geo-politik' ini, dengan mengukuhkan kedudukan Malaysia yang unik dalam aturan politik serantau mahupun di peringkat global.

MENGALAS HARAPAN PERUBAHAN - #PEMUDABEKERJA

Pemuda dan pemudi di pelbagai peringkat kepimpinan adalah aset penting untuk mendepani masa hadapan Malaysia yang lebih mencabar. Maka, potensi-potensi yang ada dalam dan luar parti perlu sentiasa diraikan bersama dalam perjuangan ini.

Jangan kita lupa, ramai tokoh kemerdekaan negara dan dunia bermula perjuangan mereka sejak dari muda, seperti Dr Burhanuddin Al-Helmy, Abu Bakar Al-Bakir, Ahmad Boestaman, Ishak Muhammad, Ibrahim Yakob, Sukarno, Mohammad Hatta, Nelson Mandela, Malcolm X.

Saya percaya bahawa anak muda dalam parti ini samada Pemuda Amanah ataupun Wanita Muda Amanah (WARDA) bersemangat dalam mendepani pertembungan pilihanraya akan datang dan bersedia mendepani pelbagai kemungkinan mendatang.

Cabaran ekonomi yang dihadapi anak muda pada hari ini begitu kritikal. Kadar gaji berbanding kenaikan berterusan kos sara hidup menyebabkan nilai gaji yang diterima menyusut. Ini berbeza dengan zaman 80-an dan sebelumnya. Ramai generasi muda hari ini tidak mampu memiliki rumah yang selesa akibat himpitan pendapatan yang rendah dan ini ditambah lagi dengan kos sara hidup yang tinggi, hutang PTPN dan harga rumah yang semakin mahal.

Sikap tidak peduli kerajaan Umno-BN terhadap generasi muda hari ini dapat dilihat melalui Belanjawaan 2017 apabila kerajaan sengaja menggalakkan rakyat berbelanja dengan berhutang. Hutang domestik kini melepasi 88% KDNK.

Parti Amanah perlu tingkatkan lagi peranan Pemuda dan Wanita Amanah untuk mendengar denyut nadi permasalahan anak muda dan seluruh segmen rakyat dalam memberi harapan yang tepat. Saya ucapkan syabas kepada anak muda yang mengorak langkah berani untuk mencabar sistem yang telah dikorupkan oleh UMNO dan Barisan Nasional.

MEMBERDAYAKAN DAN KMEMPERKASAKAN WANITA

Malaysia pada hari ini tidak akan mampu berdiri sendiri hari ini tanpa adanya peranan wanita bersama dalam pembangunan negara. Justeru, Amanah sentiasa berusaha untuk mengangkat maruah wanita dalam pembangunan masyarakat.

Wanita perlu diberikan peluang untuk mendapatkan pendidikan dan pekerjaan secara adil dan saksama. Segala bentuk diskriminasi terhadap wanita perlu dihapuskan. Pada masa yang sama, wanita juga perlu komited membuktikan diri bahawa anda juga boleh berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan yang lain.

Negara ini perlu membantu wanita yang bekerja dengan meningkatkan sistem sokongan kepada wanita. Sistem sokongan yang paling penting ialah menyediakan kemudahan penjagaan bayi dan anak dengan kos yang munasabah.

Polisi kerajaan perlu menggalakkan majikan dan semua institusi awam dan swasta menyediakan ruang untuk premis nurseri dan taska.

Polisi yang anjal untuk membenarkan wanita bercuti untuk membesarkan dan mendidik anak sendiri dan kemudian kembali bekerja perlu dirangka untuk mengelakkan kehilangan tenaga terlatih dari kalangan wanita.

Seterusnya polisi kerajaan perlu menggalakkan kaum bapa turut serta terlibat di dalam penjagaan anak-anak. Jika seorang bapa memilih untuk bercuti bertujuan menjaga anak maka mereka perlu diberi kemudahan yang sama dengan wanita.

Justeru, tekad Amanah dalam mendukung usaha serta komited memartabatkan wanita dan mengembalikan wanita pada kedudukan sewajarnya tidak akan terhenti. Usaha bersifat apologetik kerana bimbang dituduh bersekongkol dengan kumpulan yang memperjuangkan feminisme dan liberalisme. Pentingnya ialah kita katakan yang haq dalam semua keadaan dan berperanan membawa mesej Pencerahan dan Islah (Penambahbaikan).

Saya mengambil maklum dan akan dipertimbangkan secara serius di peringkat Amanah akan cadangan Wanita Pakatan Harapan dalam pembaharuan gender di dalam pilihanraya melalui inisiatif WOAS (*Women Only Additional Seats*) atau kerusi-kerusi tambahan tanpa kawasan untuk menambah bilangan wanita di dalam parli-men dan dewan-dewan undangan negeri.

MENDEPANI CABARAN PERSIAPAN PILIHANRAYA PRU 14

Kovensyen tahun ini bukan sahaja acara tahunan Parti Amanah Negara. Tetapi kali ini, ia juga satu acara yang amat penting dalam menuju Pilihan Raya Umum ke 14 yang dijangka menjadi medan pertempuran "survival" antara kerajaan kleptokrasi Barisan Nasional dan kerajaan menanti Pakatan Harapan. Tidak syak lagi, PRU ke-14 telah pun dinobatkan sebagai 'Ibu Segala Peperangan' (The Mother of All Battles). Keputusan PRU 14 penentu kesinambungan pemerintahan rejim korup Barisan Nasional atau kemenangan perubahan kepada Malaysia Baru yang didambakan rakyat.

PRU 14: MENGGALAS HARAPAN DAN AMANAH RAKYAT

Realiti sistem pilihan raya Malaysia yang tempang dan kali ini akan dirosakkan lagi dengan mainan isu perkauman dan agama secara sempit, menuntut semua parti politik dalam Pakatan Harapan bergabung tenaga bagi menewaskan UMNO-BN. Dua perkara atau hakikat yang harus menjadi teras dalam melakar strategi berhadapan PRU 14 ialah, pertama, Kepentingan menggembel seluruh tenaga rakyat dengan mewujudkan satu koalisi besar atau 'Mega-Coalition' parti-parti politik pembangkang dipimpin Pakatan Harapan dan Kedua, menerima hakikat bahawa landskap pertembungan tiga penjurur tidak dapat dielakkan apabila wujud parti-parti pembangkang yang tidak bersedia untuk bersama koalisi PH dan tidak juga mahu mewujudkan apa jua bentuk persefahaman pilihanraya atau 'electoral understanding'.

1. Pilihan Raya ke 14 mesti dimenangi.

Semua menginsafi implikasi buruk sekiranya PRU ke 14 ini dimenangi BN sekali lagi. Amalan Kleptokrasi bukan sekadar akan diteruskan, malahan ianya akan dipertingkatkan dan menjadi lebih licik dan 'sophisticated' lagi. Ini adalah kerana kita berhadapan dengan golongan 'Kleptomania' yang dihipnotis oleh gejala atau sindrom 'Kleptomania' ia-itu manusia yang tidak mampu mengawal apatah lagi menghalang diri dari terus merompak dan

mencuri wang negara.

Atas keinsafan ini maka perlu ditegaskan bahawa kemenangan akan hanya tercapai apabila diwujudkan satu gabungan yang kukuh dan berrsatupada sebagai alternatif kepada BN. Untuk mencapai matlamat ini, kita semua kena memahami bahawa kepentingan gabungan dan kemenangan mesti sentiasa diutamakan. Rakyat ingin melihat satu gabungan yang utuh dan berfungsi, 'a working coalition', yang tidak disibukkan dengan perbalahan dalaman tetapi sebaliknya dengan usaha menghadapi BN dan menyelesaikan masalah rakyat! Ini tanggungjawab bersama bagi kita yang membentuk Pakatan Harapan. Dan AMANAH akan memainkan peranannya untuk mencapai matlamat ini secara jujur dan bersungguh-sungguh. Biar rakyat dan sejarah menjadi saksi akan usaha kami untuk memenuhi tanggungjawab kami sebagai sebuah parti pembangkang yang ingin menjatuhkan BN.

Gabungan Pakatan Harapan kali ini mesti bebas dari unsur-unsur khianat dan ketidak-jujuran sepertimana yang pernah menghantui Pakatan Rakyat. Jangan ada walaupun satu kerusi yang ditandingi bersama oleh anggota Pakatan Harapan. Jangan ada juga di mana-mana kerusi ahli parti anggota PH tidak menyokong dan mengundi calon PH seperti pernah dilakukan PAS di Machang, Ketereh dan Tanah Merah. Masalah-masalah lama yang kita lihat pernah berlaku dalam Pakatan Rakyat, kebanyakannya angkara PAS, adalah perkara bahan sejarah untuk kita insafi dan tidak kita ulangi! AMANAH akan memperjuangkan prinsip kejujuran dalam berpakat dan tidak akan sekali-kali mengkhianati apa-apa keputusan yang telah dipersetujui bersama melalui Majlis Presiden PH. Saya sebagai Presiden AMANAH ingin melihat AMANAH menjadi parti yang menyatupadukan dan mengukuhkan Pakatan Harapan dan bukan punca perbalahan antara kami.

Biar semua faham. Tiada mana-mana parti yang mampu menjatuhkan BN secara bersendirian, samada Keadilan, DAP, PPBM, AMANAH apatah lagi PAS! Biar kita tinggalkan cara pemikiran dangkal dan angkuh PAS jauh di luar pintu masuk Pakatan Harapan! Setiap parti ada 'niche market'nya atau segmen pasaran yang dikuasainya



yang tertentu dan penyatuan segmen pasaran ini dalam satu Pakatan adalah satu-satunya cara untuk mengalahkan BN. Ini keyakinan AMANAH dan ini antara sebabnya kami keluar PAS dan tubuhkan AMANAH. Kalau ada ahli AMANAH yang masih membawa fikrah PAS dalam soal ini, maka anda tersilap parti.

2. Tiga Penjurur satu realiti.

Senario di pilihanraya akan datang sudah hampir pasti akan menyaksikan pertembungan lebih daripada dua penjurur. Itu realiti dan Pakatan Harapan perlu bersedia. PAS yang telah mengambil pendekatan untuk "bersendirian" dalam wadah ketiga dan menyatakan kesediaan bertanding di 100 kerusi Parlimen menandakan Pakatan Harapan akan berhadapan dengan PAS dan Barisan Nasional pada PRU 14 serentak.

Dalam menghadapi suasana tiga penjurur sebegini adalah penting untuk kami yakinkan pengundi bahawa hanya Pakatan Harapan mempunyai kemampuan untuk membentuk kerajaan baharu menggantikan BN. Oleh itu undi untuk mana-mana calon PAS akan menjadi satu pembaziran kerana sekiranya calon-calon PAS menang sekalipun, mereka hanya mampu untuk menjadi 'King Maker'. Ini adalah kerana kerusi yang dimenangi PAS tidak cukup untuk membentuk kerajaan secara bersendirian. Sekiranya mereka menjadi 'King Maker' maka hampir pasti mereka akan bersama BN. Maka dengan itu BN akan terus memerintah walaupun dengan PAS sebagai rakan minoritinya. Oleh itu sukar

mengelakkan tanggapan bahawa 'strategi' PAS untuk bersendirian telah diilhamkan oleh UMNO kerana ianya strategi yang menguntungkan UMNO/BN. Sebagai rakan minoriti dalam kerajaan bersama BN, PAS akan kerugian besar sehingga kehilangan arah dan maruah perjuangan serta segala-galanya.

Walaupun bagaimanapun, kemenangan Pakatan Harapan dalam suasana tiga penjurur banyak bergantung kepada kemampuan PPBM menarik undi UMNO dan AMANAH menarik undi golongan yang telah kecewa dengan pimpinan tertinggi PAS. Oleh itu persoalan-persoalan yang kritikal terhadap mendapatkan undi-undi ini perlu dikaji dan dikenal-pasti dan diambilkira dalam kempen Pakatan Harapan sementara memastikan sokongan yang sedia ada tidak terjejas.

REALITI BARU MENGAJAK PENDEKATAN BARU

Realiti dan dinamika baru ini menuntut Pakatan Harapan merangka strategi dan pendekatan yang sesuai bagi menghadapi PRU 14. Formula yang telah memberikan Pakatan Rakyat 51% undi popular dan kemenangan di 82 kerusi parlimen sebelum ini perlu diubah suai mengikut realiti dan cabaran semasa. Kita perlu jelas dengan pendekatan strategik dan teras strategi pilihanraya yang amat kompleks dan rumit ini.

Meminjam kata-kata pujangga Inggeris; "If you want what you never had, you must do what you never did". Kalau anda mahu apa yang anda belum dapat, maka anda perlu lakukan apa yang anda belum pernah buat. Perlu ada keberanian dalam melakar original dan kreatif thinking dalam mengatur strategi penerangan bagi memenangi hati budi dan akal pengundi, sekaligus menangani ketakutan mereka serta mengisi harapan dan impian mereka. Taktik mobilisasi pendapat awam dengan penggunaan seluruh wahana komunikasi, secara khusus (*targeted*) dan umum (*generic*) kepada segmentasi pengundi semestinya berteraskan maklumat serta dapatan-dapatan kajian termasuk kaedah terkini data besar atau 'big data' serta 'data analytics'.

Sentiasa berfikir dua langkah ke hadapan dari taktik kotor lawan. Ingat kita telah memasuki era 'Politik Toksik' - 'Politik Keganasan dan Intimidasi' tanpa ihsan belas-musuh menggunakan kaedah 'Matlamat Menghalalkan Cara'. Mereka menggunakan segala sumber dan cara untuk kekal berkuasa. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam PRU-13 yang lalu. Tambahan kini Najib mengisytiharkan 'Cash Is King'. Maka semua rakyat mahu dibelinya Najib dengan RM!

Justeru persiapan jentera dan strategi penerangan adalah mustahak. Pembinaan

rohani, minda dan kemahiran pengurusan pilihanraya dikalangan ahli dan aktivis perlu berada pada tahap yang maksima. Pada tahap Ahli dan aktivis parti perlulah; Mempertingkatkan amalan peribadi seperti zikir dan solat malam bagi membina kekuatan rohani, Membina minda positif dan cekal yang sentiasa fokus kepada kejayaan dan cara untuk berjaya. Minda juga perlu cekal dalam menghadapi serangan musuh dari pelbagai arah.

Di peringkat negeri dan kawasan mestilah menyediakan program-program pembinaan kapasiti ahli ini dengan terancang dan berkesan. Disamping itu, negeri dan kawasan juga perlu bijak membina "networking" dan memberi ruang kepada anggota masyarakat yang ingin bersama aspirasi perjuangan tetapi tidak mahu terikat dengan politik kepartian.

Pakatan Harapan kini punyai struktur dan dasar yang jelas, malah komited bersama atas satu logo, satu manifesto dan satu gerak kerja. Hanya kerjasama politik seperti ini sahajalah yang mampu memberi jawapan kepada dilema politik di negara kita.

Saya melihat hingga kini, hanya Pakatan Harapan yang mempunyai persediaan ke arah itu. Dan kita sedar bahawa semangat politik semata-mata untuk mengalahkan UMNO-BN, tanpa disertai komitmen untuk membina kerjasama politik yang padu, tidak mampu melakukan reformasi total ke atas sistem sosio-ekonomi dan politik tanah air.

Prinsip menghormati keputusan bersama dalam Pakatan Harapan menjadi asas kepada komitmen Parti Amanah Negara dalam bersama mengorak langkah untuk menggantikan kerajaan kleptokrasi UMNO BN dalam pemerintahan akan datang.

RUMUSAN

Pun begitu, saya peringatkan semua agar membuat persiapan lebih awal lagi. Kita mengharap yang terbaik, namun mesti bersedia dengan senario paling buruk.

Di samping itu, sayugia saya ingatkan amat penting untuk kita sentiasa bertindak dalam semangat setiakawan Pakatan Harapan dan gabungan yang lebih luas lagi hari ini. Sebab kita adalah Parti Amanah, maka pastikan sifat ini mesti kita hayati bermula dengan diri kita dan ahli keluarga kita dahulu, sebelum dapat kitacernakan dalam masyarakat dan negara kita... *insyaAllah*.

Dengan bertekad 'Menjunjung Amanah Rakyat, maka Parti Amanah Negara dengan ini merakamkan komitmen untuk bersama-sama menubuhkan kerajaan kleptokrat Najib Umno-Barisan Nasional buat membebaskan rakyat dan benar-benar memerdekakan negara.

Semoga Allah membantu dan sentiasa menganugerahkan kita dengan ketajaman bacaan politik dan pedoman taufiq-Nya, untuk mampu mengemudi bersama perjuangan yang semakin mencabar ini demi agama dan tanah air Malaysia tercinta.

Jutaan terima kasih kepada kepimpinan tertinggi Pakatan Harapan yakni Parti Keadilan Rakyat, Democratic Action Party (DAP) dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PBBM) yang saling bertindak saling lengkap-melengkapi, kukuh-memperkuhi satu sama lain. Terima Kasih kepada semua pimpinan peringkat akar umbi serta pendukung parti-parti PH yang sedang gigih mendekati pengundi dan mempersiapkan jentera bagi mendepani cabaran lawan politik Umno-Barisan Nasional.



Rakyat Malaysia dipelawa untuk menjadi wartawan di sebuah laman berita. Syarat-syaratnya adalah:

- 1) Mempunyai diploma atau ijazah dalam bidang komunikasi atau kewartawanan @ berpengalaman sebagai pemberita.
- 2) Berminat dengan berita hal ehwal semasa dan berunsurkan politik.

Sila hantarkan resume anda kepada:
luqman.malaysiadateline@gmail.com
Sebelum 11 November 2017

Pakatan Harapan tetap bela hak penjawat awam

Oleh **ARIF ATAN**

IPOH: Presiden AMANAH, Mohamad Sabu memberi jaminan hak dan kedudukan penjawat awam di seluruh negara tetap akan dibela sekiranya Pakatan Harapan mendapat mandat di Putrajaya.

Beliau berkata, hanya kakitangan kerajaan yang disahkan terbahit dalam salah laku seperti rasuah akan dikenakan tindakan bukannya keseluruhan penjawat awam termasuk dakwaan pengurangan kakitangan atau penutupan jabatan seperti digembur-gemburkan.

"Saya ingatkan sekali lagi kamu semua (penjawat awam) kalau dibuang kerana kesalahan individu bukan kerana jabatan kamu yang akan ditutup kalau Pakatan Harapan

memerintah.

"Kalau ada pegawai polis dan penjawat awam yang rasuah, itu yang kita akan ambil tindakan bukan kepada pegawai-pegawai kerajaan secara umumnya, tegasnya dalam Ceramah Pakatan Harapan (PH) di Buntong, dekat sini, baru-baru ini.

Menurutnya, PH tidak akan sama sekali mengurangkan walau sedikit pun peruntukan untuk penjawat awam jika gabungan AMANAH, PPBM, DAP dan Keadilan itu mengambil alih Putrajaya selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

"Bermakna pegawai kerajaan yang ada semuanya kekal di bawah kerajaan PH. Oleh itu, polis tentera pegawai kerajaan jangan bimbang.

"Bang Mat ini Melayu, Islam. Takkan tergamak saya melihat kedudu-

kan pegawai-pegawai kerajaan Melayu diketepikan di bawah PH," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan penjawat awam agar tidak termakan dengan dakyah perkauman yang sengaja menakut-nakutkan kedudukan mereka kerana realiti sebaliknya berlaku di negeri-negeri yang pernah dan sedang diperintah parti pembangkang.

"Lihat perubahan kerajaan negeri di Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kelantan, Terengganu, di Sabah berlaku perubahan parti politik yang memerintah, pegawai kerajaan dibuang atau tidak?" soalnya kepada ribuan hadirin yang terdiri daripada masyarakat setempat berbilang kaum.

Tegasnya, paling ramai kakitangan awam dalam kerajaan negeri Pulau



Mohamad Sabu

Pinang terdiri daripada orang Melayu yang disifatkan beliau sebagai gembira dan bekerja kuat di bawah pentadbiran Ketua Menteri, Lim Guan Eng.

"Saya 'salute' kepada mereka. Pegawai-pegawai kerajaan negeri di Pulau Pinang itu Melayu tapi mereka duduk di bawah Ketua Menteri, Lim Guan Eng. Dia (Guan Eng) tutup segala ketirisan, rasuah. Akhirnya Pulau Pinang (ada) banyak duit.

"Peruntukan kepada Jabatan Agama Islam naik hampir 80 peratus berbanding BN memerintah dulu kerana kerajaan Pulau Pinang ada duit, mereka ada Ketua Menteri yang kuat bekerja dibantu pegawai-pegawai kerajaan Melayu.

"Sebab mereka lihat inilah Ketua Menteri yang menjaga amanah rakyat. Sebab itu pilihan raya akan datang Pulau Pinang, dalam Islam sebut Insya Allah, PH menang besar di Pulau Pinang," jelas Pengarah Komunikasi dan Mobilisasi PH itu lagi.

Mana pelan pemulihan Felda dalam Bajet 2018, soal Anak

Oleh **AKMAL HAZIQ**

KUALA LUMPUR: Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) kecewa dengan kegagalan kerajaan menjelaskan pelan pemulihan Felda dalam Bajet 2018 yang dikemukakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Parlimen, 27 Okt lalu.

Presidennya, Mazliman Aliman berkata, meskipun beberapa peruntukan berkaitan Felda diumumkan, ia tidak menyeluruh dan gagal merungkai situasi kritikal yang melanda Felda kebelakangan ini.

Sehubungan itu, beliau mahukan penjelasan berhubung Projek Perumahan Generasi Baru Felda (PGBF) sebanyak 20,000 unit dengan kos RM1.4 bilion, yang diumumkan pada 2012.

"Dimaklumkan oleh Pengerusi Felda ketika itu, Tan Sri Isa Samad, sebanyak 8,570 unit akan mula dibina dan dijangka siap dalam masa 5 tahun.

"Yang pasti, perumahan generasi baru ini terbengkalai sehingga kini, dan tidak dapat dipastikan bila ia mahu dipulihkan," kata beliau dalam satu kenyataan.

Beliau juga inginkan kepastian sama ada 5,000 unit rumah Generasi Baru Felda dengan kos RM164 juta yang diumumkan pada pembentangan Bajet 2018 dibina di lokasi baru atau termasuk kawasan perumahan yang terbengkalai.

Mazlan juga mahukan penjelasan

berhubung Projek Sentuhan Kasih Felda di Felda Tenggaroh 3, Felda Chini Timur 2 dan Felda Tenang (Besut) yang dikatakan sebagai projek perintis berteknologi tinggi yang menelan belanja RM120 juta.

"Setakat ini daripada tinjauan Anak, hanya di Felda Tenggaroh 3 sahaja 100 buah rumah berjaya disiapkan. Namun pakej pembangunannya dianggap gagal.

"Hingga kini peserta projek tidak tahu berapa hutang sebenar atas pinjaman rumah kononnya 'ala bango' yang mereka diami," katanya.

Beliau turut menyentuh isu wang SES atau Kumpulan Wang Perusahaan Getah.

"Anak masih ingat ketika kempen PRK Kerdu pada tahun 2011, YAB Perdana Menteri berjanji kepada 7,800 peneroka getah di 28 Felda seluruh negara.

"Kini komitmen kerajaan adalah untuk memulangkan wang SES ini kepada 8925 peneroka dengan peruntukan RM43 juta.

"Tetapi realitinya para peneroka getah ini sudah terlalu letih berulang alik ke pejabat Risda bagi menuntut hak mereka," ujar beliau.

Mazlan turut mempersoalkan sama ada wang SES itu dibayar Risda atau disalurkan melalui Felda yang penuh kerenah birokrasi.

Anak bimbang wang SES tersebut akan dipotong dan menjejaskan program tanam semula yang menjadi tujuan tabung SES itu diwujudkan.

Mazlan berpendapat, pembentangan Bajet 2018 sepatutnya diambil kesempatan oleh Najib untuk menjelaskan Pelan Induk Transformasi Felda 2013-2056.

Ini katanya termasuk penjelasan mengenai kedudukan terkini Felda Investment Corporation (FIC) melalui 12 pelaburan bernilai berbilion ringgit yang sedang disiasat SPRM dan telah ada mereka yang ditahan serta didakwa atas pelbagai penyelewengan.

"Ketika ini terdapat 59,569 orang peneroka Felda diurus kebun mereka melalui Felda Technoplant Sdn Bhd yang ditubuhkan pada 22 Jun 2005.

"Isu pendapatan yang rendah, pengurusan ladang yang tidak sempurna dan timbunan hutang masih menghantui para peneroka dan bilakah ia akan berakhir?" soal beliau.

Anak katanya tidak menolak kewibawaan bekas Pengarah Besar Felda Datuk Dzulkifli Abd Wahab yang dilantik menerajui Felda Technoplant, namun kerajaan harus mengkaji semula kedudukan Technoplant yang menimbulkan kemarahan peneroka atas berbagai isu.

"Mengapa tidak diperkasa peranan Koperasi Permodalan Felda (KPF) dan koperasi di setiap rancangan Felda yang berkepentingan langsung dengan pengurusan kebun peneroka bagi melahirkan usahawan ladang di kalangan generasi baru Felda," ujarnya.

Lima pasar raya Giant tutup mulai 5 November

KUALA LUMPUR: Lima pasar raya besar Giant akan menutup operasinya mulai 5 Nov ini walaupun Perdana Menteri menguar-uarkan ekonomi Malaysia berada pada kedudukan baik pada pembentangan Bajet 2018.

Kenyataan yang dikeluarkan oleh GCH Retail (Malaysia) Sdn Bhd berkata, keputusan tersebut diambil setelah "mengkaji semula operasi dan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti".

Kesemua cawangan pasar raya besar itu adalah di Sri Manjung, Sungai Petani, Pusat Bandaraya Shah Alam (SACC), Sibul dan Selayang Lama.

Dalam kenyataan yang sama, Giant berkata ia akan memindahkan kedainya di Bercham ke premis yang diperluaskan.

"Ini akan menggandakan saiz kedai yang akan menyediakan lebih banyak penawaran, pelbagai produk yang lebih besar dan lebih banyak kemudahan untuk para pelanggannya.

"Di samping itu, menjelang akhir tahun ini, GCH Retail akan melancarkan semula kedai konsep baru yang menarik oleh Cold Storage di KLCC di Kuala Lumpur," dipetik dari sumber FMT.

Syarikat itu dalam kenyataannya juga memaklumkan untuk "mencipta pengalaman runcit positif untuk para pelanggan kami".

Walau bagaimanapun, tidak diketahui kedudukan kakitangan Giant yang terjejas akibat penutupan premis terbabit.

Sebelum ini, ribuan rangkaian pelu-



ang pekerjaan ditawarkan kepada penduduk tempatan seperti pernah diakui Ketua Pegawai Eksekutif GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd. (GCH Retail), Pierre Olivier Deplanck dalam majlis pembukaan Giant Tunjung, di Kota Bharu pada 30 Mac lalu.

Baru-baru ini, tular di media sosial gambar yang dikaitkan dengan jualan penghabisan stok oleh Giant sebelum menutup perniagaannya mulai 5 Nov ini.

Pelbagai barangan dijual pada potongan harga yang tinggi sehingga mencecah 70 peratus berbanding harga asal.

Giant dahulunya dikenali sebagai Dairy Farm Giant Retail Sdn Bhd dengan pada masa ini mengendalikan lebih daripada 120 kedai.

Tahun lalu, Giant dilapor menaik taraf 28 cawangannya di seluruh negara dengan perbelanjaan modal bagi sesebuah cawangan yang dinaik taraf ialah RM2.5 juta bergantung kepada saiz pasar raya itu.

Giant juga pada Disember 2015 merancang untuk membuka empat cawangan baharu menjelang pertengahan 2016 antaranya di Jertih, Terengganu; Setapak, Kuala Lumpur; Kangar, Perlis dan Kota Bharu, Kelantan.

Serum Alami keluaran Dr. Olive Bodycare

Assalamualaikum dan salam sejahtera para pembaca sekalian. Artikel kita kali ini membicarakan tentang serum, jenis-jenis serum yang dikeluarkan, bahan yang digunakan, kelebihan dan cara menggunakannya.

Selama ini kita biasa menggunakan krim muka untuk memelihara kecantikan kulit muka. Dalam pasaran terdapat banyak jenis krim muka. Krim pelembab untuk siang dan malam, krim pemutih, krim anti jerawat. Krim ini pula dirumus khas untuk berbagai jenis kulit. Untuk kulit kering, kulit berminyak, kulit bermasalah dan sebagainya. Krim muka disediakan untuk melembab dan melindungi kulit dari sinaran matahari, pancaran UV, angin yang sejuk dan kering, cuaca yang ekstrim seperti musim sejuk dan musim panas. Krim muka apabila dipakai akan menghasilkan satu lapisan perlindungan diantara kulit muka kita dengan alam persekitaran.

Sebagai rutin harian untuk menjaga kulit wajah supaya sentiasa cantik dan sihat, kita menggunakan 3-produk utama, iaitu: pencuci, toner dan pelembap. Kami ingin mengesyorkan anda menambah satu lagi produk yang sangat baik untuk kulit wajah anda - Serum muka!

Serum komersil yang terdapat di pasaran biasanya mengandungi kimia dan bahan-bahan lain yang bukan alami. Serum kami diperbuat daripada minyak-minyak alami seperti Minyak Zaitun, Minyak Avocado, Minyak Badam, Minyak Vitamin E, Minyak

kelapa Dara, Minyak Biji Anggur, Minyak Delima, Minyak Wheatgerm dan Minyak Rosehip Seed.

Mengapa kita perlu pakai serum pula? Dah pakai moisturizer(pelembap) dahlah, takkan tak cukup lagi!. Jawapannya ialah kerana molekul serum jauh lebih kecil dari molekul pelembap. Ini membolehkan serum diserap dengan lebih banyak dan cepat ke dalam pori-pori. Bermakna, bahan-bahan aktif dapat meresap terus ke lapisan kulit yang disasarkan. Serum pula mengandungi 10 kali ganda bahan aktif daripada apa yang terdapat dalam pelembap. Pendek kata, serum lebih berkesan daripada krim pelembap, merawat lapisan kulit atas dan membuat kulit awet muda dan berseri.

Walaupun bagaimanapun, ini tidak bermakna yang kita tidak perlukan pelembap langsung. Pelembap membantu untuk mengekalkan serum dalam kulit. Malahan, serum dan pelembap bertindak dengan begitu efektif, terutamanya untuk jenis kulit yang kering.

Kelebihan menggunakan serum muka:

1. Serum dapat memelihara kulit supaya sentiasa dalam keadaan awet muda dengan meningkatkan kelembapan kulit dan membekalkan bahan-bahan aktif yang diperlukan oleh kulit kita. Apabila kulit kita kering, kita memerlukan produk yang boleh meresap ke dalam pori-pori dan memberikan kelembapan yang secukupnya. Tahap kelembapan yang tinggi akan merangsang kulit untuk membentuk kolagen dan elastin. Kedua-dua struktur protin ini sangat diperlukan

untuk wajah yang sentiasa awet muda. Apabila umur kita semakin meningkat, kolagen dan elastin kita menurun. Ini akan membawa kepada kemunculan garis-garis halus, kedutan dan kekenduran kulit. Jadi, amatlah penting kita menjaga kelembapan kulit dan meningkatkan bekalan kolagen dan elastin.

2. Serum dapat mneyembuhkan dan merawat kulit dengan bahan-bahan aktif yang terkandung dalamnya. Jika anda mempunyai kulit yang berminyak, anda perlu meningkatkan lagi tahap kelembapannya untuk mencegah kulit anda daripada mengeluarkan minyak yang berlebihan. Bahan aktif dan antioxida yang terdapat dalam serum boleh merawat dan memperbaiki kulit anda. Sekali gus penggunaan serum akan melindungi kulit anda dari kerosakkan yang berpunca daripada persekitaran.

Empat jenis serum keluaran Dr Olive Bodycare:

- 1) Anti-ageing Serum untuk membuat kulit wajah sentiasa awet muda dan menghilangkan garis-garis halus pada wajah.
- 2) Clear Facial Skin Serum untuk menghilangkan bintik-bintik hitam, jerawat dan meratakan tona warna muka.
- 3) Dark Circle Eye Serum untuk menghilangkan lebam bawah mata.
- 4) Scar Serum untuk menghilangkan cela dan parut bekas jerawat pada kulit.
- 5) Eye Lash Growth Serum untuk menggalakkan pertumbuhan bulu mata dengan lebih panjang dan lebat.

Cara menggunakan Serum:

Serum boleh tahan lama, walaupun ia

nampak sedikit sahaja di dalam botol yang kecil. Sebelum menggunakan serum, muka hendaklah dicuci terlebih dulu. Serum dapat diserap dengan cepat sekiranya kulit anda masih lembat sedikit selepas dicuci. Ambil beberapa titik serum sahaja dan urutlah perlahan-lahan dikuliti muka. Setelah selesai, bolehlah diikuti pula dengan pelembap.

Berapa kali sehari? Disyorkan 2 kali sehari. Tetapi saya suka pakai serum selepas saya mengambil wuduk. Kalau kita nak pakai dua jenis serum macam mana? Misalnya anda ingin menggunakan serum Anti-ageing dan Clear Facial Skin. Anda boleh guna serum Clear Facial Skin selepas mengambil Wuduk untuk Solat Fajar. Selepas mengambil wuduk untuk solat zohor, anda boleh menggunakan Serum AntiAgeing pula. Begitulah seterusnya.

Nah... itu dia cerita pasal serum. Apalagi, jom kita mula gunakan serum. Kami sudah mula menerima testimony untuk serum-serum kami. Apa lagi!!! Jom mula guna serum.

Semoga maklumat yang diberikan ini dapat mendatangkan manfaat kepada semua pembaca dan pengguna produk Dr. Olive Bodycare. Produk yang alami, selamat dan berkesan. Jika anda ingin menjadi ejen kami atau ingin mendapatkan info tambahan sila email atau whatsapp kami di nombor yang tertera. Sehingga berjumpa lagi di lain siaran, jom tukar kepada produk Dr. Olive Bodycare dan salam hormat dari kami.

- ✓ HANDMADE
- ✓ NO HARMFUL CHEMICALS
- ✓ PARABEN FREE
- ✓ HALAL

SERUM

CONTENT:

OLIVE OIL, AVOCADO OIL, ROSEHIP SEED OIL, ARGAN OIL, VITAMIN E OIL, VIRGIN COCONUT OIL, SWEET ALMOND OIL, GRAPE SEED OIL, CASTOR OIL, JOJOBA OIL



-20% Sale

DISCOUNT

20 ML

RM 159.60

RM 127.70



OTHER PRODUCTS:

- SOAPS
- BODYSCRUBS
- SERUMS
- DEODORANT
- SUNSCREEN
- TEA
- SUPPLEMENTS

DR. OLIVE BODY CARE

Contact Info:
 TEL: +6013 754 9335
 EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
 WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

Najib lebih prihatin 'jalan kampung' menuju Putrajaya

SAYA bersedia mengakui Bajet 2018 bersifat menyeluruh dan mungkin juga inklusif. Untuk melakukan itu PM Najib terpaksa berbelanja besar mencecah RM280 bilion, berbanding dengan RM260 bilion pada tahun 2017, menambah RM20 bilion. Usah bicara tentang nisbah pembangunan dan pengurusan yang semakin menngecil. Najib persetankan.

Sebenarnya Najib tidak punya pilihan. Dengan bajet sebegini 'komprehensif' pun tidak ada jaminan beliau akan 'survive' untuk membentangi Belanjawan 2019!

Tetapi Najib tidak pula tambah pemberian BRIM dan kekal maksima RM1,200. Dia juga gagal atau lebih tepat lagi, tidak mampu membayar walau sebulan bonus pun. Hanya RM-1,500 sebagai bantuan khas dan itu pun dua kali bayaran. Kenapa lekeh sangat. Sah tak boleh bubar parlimen macam ini!

Namun meneliti lebih mendalam mendedahkan perhitungan licik Najib. Memang sengaja dia lakukan sedemikian. Ada 7 juta penerima BRIM. Dan belum pasti mengundi Umno-BN. Buat apa belanja besar, tambah BRIM?

Begitu juga menjawab awam. Mentelah ramai yang menderita akibat barang naik dan kos hidup yang semakin membeban. Mereka marah dan juga bosan hidup susah. Tidak bijak kalau Najib tambah secara 'borong atau blanket' macam itu. Yang jelas, "jalan ke Putrajaya" hakikatnya, masih melalui jalan kampung dan luar bandar.

Maka Najib tala pendekatannya. Sasaran Najib sememang nak pastikan sokongan tegarnya tidak lari bahkan hendak menambah sedikit lagi bagi menampung kehilangan sejak PBBM atau parti 3M terus subur. Najib menyasarkan pemberian kepada kelompok yang akan memenangkannya. Perhatikan kelompok berikut

a) Peruntukan paling besar dalam sejarah kepada pesawah, petani, peladang, nelayan, pekebun kecil dan penoreh getah sebanyak RM6.5 bilion (RM2.3 bilion untuk baja dan input pertanian, tanam semula getah dan kelapa sawit, saluran air, termasuk bayaran RM200 sebulan untuk pesawah selama 3 bulan menanti padi dituai).

b) Orang Asli mendapat RM60 juta.

c) Warga Felda RM60 juta peruntukan tanam semula dan RM43 juta Cess dan RM160 juta r umah generasi ke-2.

d) RM1,500 bantuan khas tok batin dan ketua kampung.

e) RM1,500 bantuan khas guru KAFA, takmir, imam, bilal dan tok siak.

Bagi menggembarakan pihak ATM, diperuntukkan RM14 bilion termasuk RM40 juta menaik taraf 5 hospital, 4 poliklinik dan hospital untuk pesara tentera atau veteran. Sementara PDRM menerima RM9 bilion dan Maritim RM900 juta dan banyak lagi 'kumpulan asar' Najib termasuk cubaan menyantuni golongan wanita.

Di segi itu nampak bijak atau licik Najib ini. Dia lebih fokus dan terarah. Najib tahu dia kena 'berhemah' kerana dia tidak punya "ruang fiskal" untuk berbelanja besar. Hutang sudah mencecah 'had statutori'. Agensi penarafan memantau bejatnya. Fitch Rating telah bersuara. Silap haribulan penarafan atau 'rating' negara boleh diturunkan. Buruk buat Najib, khususnya impak ke atas posisi 'kedaulatan negara' dan nilai ringgit.

Lalu ini yang termampu Najib lakukan. Kaedah "Bajet Memberi Habuan Depan" atau dengan istilah "Front-Loaded Cash Budget". Beri sebanyak yang boleh di awal tahun. Suntik dan cetuskan 'rasa sedap' (feel good) kepada kumpulan sasaran.

Beban bayaran pembiayaan mengurus serta pembangunan bahkan perbelanjaan mengurus kemudian! Ya, selepas dia menang pilihan raya. Itu pun kalau menang.

Yang penting Najib mesti umumkan. Lebih besar dan lebih banyak lebih baik dan menyuntik 'rasa sedap'. Semua pihak mesti digembirakan Najib dan jangan ada yang tertinggal. Itu sebabnya 'inklusif'.

Justeru jangan ditanya dari mana sumber hendak membiayai semua projek 'big ticket items' ini. Lazimnya juga projek-projek ini adalah 'Perbelanjaan Luar-Bajet' atau 'Off-Budget Spending'.

Kerap juga Najib akan memasukkan dalam anggaran belanjawan tambahan atau 'Supplementary Budget'. Najib adalah PM yang tidak pernah gagal memohon 'Bajet Tambahan' sejak 2009. Berbilion RM setahun dan lazimnya juga dua kali setahun.

Lebih culas lagi, dia belanja dahulu dan 'paksa' parlimen luluskan. Memang 'celaka' cara macam ini kerana berlawanan dengan disiplin fiskal yang pruden.

Bila nak kawal defisit fiskal? Sasaran 2020 kononnya nak bentang 'Bajet Berimbang' (Balanced Budget). Peruntukan 'Perbelanjaan' sama dengan 'Pendapatan'. Sampai kiamat pun tak boleh kalau tabiat buruk ini berterusan. Sebab itu rakyat kena 'pencenkan' Najib dan kerajaan BN.

Najib umumkan program mega seperti MRT2 dengan kos RM32 bilion, MRT3 atau 'Circle Line', projek LRT3 menghubungkan Bandar Utama ke Johan Setia, Klang dan West Coast Highway menelan RM5 bilion dan banyak lagi.

Nah, kalau dihitung apakah munasabah untuk mengekalkan angka defisit sebanyak 2.8% nisbah KDNK? Biar betul Najib. Jangan



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

kong kali kong! Bank Dunia mengingatkan Malaysia supaya lebih berhati-hati. Mereka meramalkan defisit yang lebih tinggi sebab pendapatan akan terjejas kerana ekonomi dunia akan sedikit gawat, China dan Eoropah.

Sememang Najib bertujuan memikat dan mengikat pengundi sasarannya. Namun apakah pengundi dan rakyat boleh dibeli dengan pemberian yang tidak seberapa ini? Marah rakyat kepada MO1 dan penyangak Jho Low belum reda. Ketirisan ekonomi, prestasi produktiviti dan peluang bekerja masih belum digarap. Lebih ramai menganggur dan diberhentikan.

Derita rakyat kerana GST tidak terjawab sementara kenaikan gaji dan pendapatan ditelan inflasi dan kenaikan kos hidup.

Memetik sepatah kritikan Tan Sri Kamal Saleh, mantan Penasihat Ekonomi era Pak Lah, Bajet Najib "gagal menangani pengupayaan sebenar Kelompok B-40. Langkah-langkahnya semacam 50 tahun dulu..." tegas beliau. Hanya keputusan PRU kayu-ukur dan jawapan segala tandanya. Rakyat kini punya pilihan.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.**

Banyak urusan hartanah Felda di London perlukan penjelasan

SETELAH hampir seminggu saya menimbunkan isu bagaimana bayaran yang diisytiharkan sebagai harga tanah di dalam penyata kewangan Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC) berbeza dengan harga di geran hak milik tanah-tanah berkenaan, barulah FIC memberi jawapan.

Jawapan FIC bahawa £34 juta yang dibayar adalah bagi dua bidang tanah iaitu tanah bagi Felda House (di alamat 575 North End Road) dan tanah bagi Dexion/Howe-rine House (di alamat 2-4 Empire Way, Wembley) dilaporkan oleh Berita Harian dan The Star.

Semakan saya di laman-laman berita dan laman web FIC (<http://fic.net.my/>) tidak menunjukkan apa-apa dokumen yang disertakan bagi menyokong kenyataan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah FIC itu.

Sudah tentu itu tidak membantu menenangkan orang ramai terutamanya keluarga peneroka Felda apabila maklumat-maklumat sahih di dalam dokumen-dokumen yang disediakan di bawah peruntukan undang-undang memberi gambaran yang berbeza.

Persoalan bayaran £34 juta ini timbul kerana jumlah yang diisytiharkan di dalam penyata kewangan FIC yang diaudit oleh PricewaterhouseCoopers (PwC) adalah berbeza dari jumlah yang diisytiharkan kepada Jabatan Pendaftaran Tanah Diraja UK (HM Land Registry) untuk didaftarkan di dalam geran-geran hakmilik tanah berkenaan.

Nota 37 dari penyata kewangan FIC yang diaudit bagi tahun 2014 dengan secara

jelas menyatakan bahawa nilai £34 juta itu adalah bayaran bagi tanah untuk pembangunan penginapan pelajar swasta di atas tapak yang sebelum itu dikenali sebagai Dexion House 1 dan Dexion House 2.

Kedua-dua bangunan itu dirobohkan untuk membina sebuah bangunan baru yang bernama Grand Felda House. Penyata kewangan diaudit FIC langsung tidak menyebut bahawa £34 juta itu juga adalah untuk bayaran satu lagi tanah iaitu Felda House di alamat yang berlainan iaitu 575 North End Road, bukannya di Dexion House 1 dan Dexion House 2 (atau Howe-rine House) seperti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan tersebut.

Lebih teruk lagi, penyata kewangan diaudit FIC secara jelas merujuk kepada perjanjian yang ditandatangani pada 13 Oktober 2014 yang ditandatangani di antara FIC Global dengan Town Estates Limited dan Tide Construction Limited. Maka, kos £34 juta yang diisytiharkan adalah merujuk kepada pembinaan Grand Felda House di atas tapak Dexion House 1 & 2, bukannya Felda House di 575 North End Road.

Lebih-lebih lagi apabila bekas pengerusi Felda, Tan Sri Isa Samad telah merasmikan pembukaan Felda House pada Julai 2014 seperti laporan Bernama di <https://www.malaysiakini.com/news/31573> iaitu 3 bulan sebelum perjanjian ini dimeterai antara FIC Global Limited dengan Town Estates Limited dan Tide Construction Limited.

Kesemua maklumat ini mengesahkan bahawa £34 juta yang dirujuk di dalam

penyata kewangan FIC yang diaudit oleh PwC adalah harga kepada tapak-tapak yang digunakan untuk membangunkan Grand Felda House.

Ini disahkan oleh geran hakmilik Felda House di alamat 575 North End Road yang tidak mengisytiharkan baki £14 juta (yang dipersoalkan) sebagai harga pembelian oleh Felda, seperti lazimnya di dalam geran hakmilik tanah di United Kingdom.

Soalan-soalan yang saya tanya adalah berasaskan dokumen-dokumen rasmi yang diperakukan di bawah peraturan bersumpah oleh pengurusan FIC dan diaudit oleh PwC (iaitu penyata kewangan) dan merupakan geran rasmi di United Kingdom. Jika ada berlaku sebarang pengisytiharan palsu atau maklumat yang salah, pegawai-pegawai terbabit boleh didakwa kerana melanggar undang-undang di Malaysia dan United Kingdom.

Masalahnya, sedang saya memberikan dokumen yang lengkap dan terperinci, FIC hanya membuat penafian dan menyerang saya tanpa menunjukkan dokumen rasmi yang lain yang menunjukkan saya telah tersilap. Oleh itu, untuk memastikan rakyat mendapat maklumat yang tepat, saya mencabar FIC untuk mendedahkan dokumen-dokumen rasmi berikut:

i. Perjanjian jual beli di antara FIC Global Limited dan pihak yang menjual tanah-tanah yang digunakan untuk membangunkan Felda House dan Grand Felda House.

ii. Dokumen-dokumen penubuhan



PENDAPAT

RAFIZI RAMLI

syarikat yang membuktikan bahawa FIC Global Limited dimiliki oleh FIC.

iii. Dokumen pendaftaran hakmilik tanah-tanah yang digunakan untuk membangunkan Felda House dan Grand Felda House untuk melihat sendiri maklumat yang diisytiharkan kepada Jabatan Pendaftaran Tanah Diraja UK untuk menukar hakmilik kepada FIC Global Limited.

iv. Penyata kewangan diaudit FIC Global Limited bagi tahun 2014 dan 2015 untuk menunjukkan bahawa segala pengisytiharan FIC di dalam penyata kewangannya mengenai harga yang dibayar, nilai harta dan pendapatan yang diterima adalah tepat.

Jika FIC enggan untuk membuktikan penafian mereka dengan dokumen seperti yang saya senaraikan di atas, saya akan mengambil satu lagi tindakan undang-undang terhadap pegawai-pegawai FIC sendiri yang terlibat dalam penyediaan dokumen-dokumen ini.

■ **Rafizi Ramli ialah Ahli Parlimen Pandan dan Naib Presiden Keadilan.**

Jho Low juga buat jenayah dalam negara, tegas Pemuda AMANAH

KUALA LUMPUR: Ahli perniagaan rakyat Malaysia, Jho Low yang kini menghadapi saman sivil Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) bukan sahaja melakukan kesalahan di luar negara malah melakukan jenayah perdagangan di negara ini. Menjawab kenyataan Menteri Pelancongan Datuk Seri Nazri Abdul Aziz kononnya Jho Low tidak melakukan kesalahan di negara ini, Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Faiz Fadzil berkata, Nazri jelas tidak memahami butiran yang terkandung dalam saman sivil DoJ yang difailkan 15 Jun lalu.

"Pengakuan Nazri Aziz bahawa terdapat kesalahan Jho Low di luar negara menunjukkan beliau ada membaca saman DoJ kerana saman tersebut adalah satu-satunya dokumen mahkamah yang memperincikan penyelewengan wang 1MDB oleh Jho Low dan MO1, namun gagal memahaminya dengan baik.

"Jika Nazri Aziz membaca secara teliti dan mengkaji secara mendalam saman DoJ, Nazri akan mendapati di perenggan 942



Low Taek Jho @ Jho Low

muka surat 247, DoJ menggariskan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang Malaysia termasuk penipuan menurut seksyen 415 dan 418 Kanun Keseksaan dan pemberian rasuah menurut seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009," jelas beliau dalam satu kenyataan media.

Menurut Faiz, semakan di Bahagian IV perenggan 298-299 pula mendapati sejumlah RM2.6 bilion telah dimasukkan ke akaun peri-

badi MO1 di Ambank daripada Tanore Account yang dimiliki Jho Low.

MO1 disahkan Menteri Datuk Abdul Rahman Dahlan sebagai Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan Ambank adalah institusi kewangan tempatan.

"Jadi wang yang diseleweng daripada 1MDB tersebut boleh dianggap pelakuan merasuah MO1 bagi mengeluarkan Surat Sokongan yang ditandatangani Perdana Menteri bagi menjamin pengelu-

aran bon 1MDB sebanyak AS\$3 bilion. Bukankah kesalahan ini dilakukan di Malaysia?" soal Faiz.

Nazri baru-baru ini membidas pengkritik dan meminta mereka menyenaraikan pelbagai kesalahan yang didakwa dilakukan Low Taek Jho atau Jho Low di Malaysia sebelum meminta tindakan diambil terhadap ahli perniagaan itu.

Menurut Ahli Majlis Tertinggi Umno itu, tindakan hanya boleh diambil terhadap Jho Low sekiranya kesalahan itu dilakukan di negara ini.

Justeru Faiz yang juga seorang pengamal undang-undang menjelaskan, banyak lagi fakta yang menunjukkan kesalahan Jho Low dilakukan di negara ini.

"Kesalahannya boleh dikategorikan bersubhat menipu Bank Negara menurut seksyen 418 dibaca bersama seksyen 107 Kanun Keseksaan seperti yang didedahkan di bahagian II berkenaan pembayaran tipu sebanyak AS\$1.03 bilion kepada Good Star Ltd yang dimiliki Jho Low kononnya syarikat tersebut adalah milik PetroSaudi.

"Nazri Aziz pasti sedar bahawa

Bank Negara telah mendenda 1MDB sebanyak RM115.8 juta atas pelbagai kesalahan melanggar Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, maka Jho Low sebagai pemain utama penyelewengan wang 1MDB telah melakukan kesalahan di dalam negara," katanya.

Faiz menambah, sebagai menteri dan bekas pengamal undang-undang, Nazri sewajarnya bertindak atas prinsip integriti dan menegakkan keluhuran undang-undang.

Beliau menyarankan Nazri agar menasihati Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi yang juga Menteri Dalam Negeri untuk terus mengarahkan polis memburu Jho Low yang telah mencuri lebih RM20 bilion wang negara melalui penyelewengan dana 1MDB.

"Nazri Aziz atau mana-mana Menteri Kabinet tidak seharusnya membiarkan Jho Low terus bebas sedangkan skandal 1MDB ini dianggap punca utama kemerosotan ekonomi negara hari ini dan mencalar maruah negara sehingga digelar kleptokrasi," terangnya.

Pemimpin Pas perlu muktamad kerjasama dengan Umno

Oleh **HUSIN MAHAT**

KUALA LUMPUR: Bekas ahli jawatankuasa Pas Pusat Dr Rosli Yaakob meminta para pemimpin utama Pas menyatakan pendirian sebenar parti itu berhubung kerjasama dengan Umno kerana kegagalan menjelaskan isu kerjasama ini menyebabkan ahli parti berada dalam kekeliruan.

Mengulas kenyataan veteran Pas Datuk Mustafa Ali berhubung kepentingan parti itu memuktamadkan hubungan dengan Umno, Dr Rosli yang juga bekas Pengarah Urusan Harakah berkata, tidak sukar untuk memahami pandangan Mustafa kerana dalam konteks politik negara, tiada sebuah parti politik pun yang mampu memerintah negara secara bersendirian.

"Cikgu Pa kata Umno-Pas kalau nak kerjasama buatlah molek-molek... adakan perundingan. Berundinglah molek-molek tentang asas dan bentuk kerjasama dan bidang kerjasama. Yang berlaku sekarang tak molek, tak tra-

nsparen, mengelirukan ahli-ahli bawahan, mengundang pelbagai persepsi.

"Kalau benarlah hubungan sudah berputik, katakan ia, kalau tidak katakan tidak. Jangan sampai ahli tertanya-tanya, terpinga-pinga," ujarnya.

Menurut Dr Rosli, kenyataan Mustafa atau lebih dikenali sebagai Cikgu Pa di kalangan ahli Pas agak mengelirukan kerana beliau menggunakan terma "bekerjasama" dan bukan "bergabung", juga perkataan Arab, "tahaluf" (yang juga bermaksud kerjasama).

Beliau menyifatkan terma-terma yang digunakan sebagai 'memeningkan ahli' dan tidak menjelaskan apa sebenarnya yang diinginkan pemimpin veteran Pas itu.

"Molek kalau kerjasama itu dimaknakan (dengan) Pas menjadi satu komponen BN seperti mana AMANAH komponen PH (Pakatan Harapan). Bincangkan pembahagian kerusi parlimen dan Dun

(Dewan Undangan Negeri) molek-molek. Bertukarlah Malaysia kepada sistem dua parti. Ini molek bagi masa depan negara kita ini," katanya.

Bekas Penolong Gabenor Bank Negara itu juga bersetuju dengan pandangan Mustafa bahawa tiada parti politik yang boleh memerintah Malaysia secara solo kerana politik Malaysia adalah "politik perikatan" dan bukan politik sebatang karah.

"Tak bergabung Pas-Umno tak mengapa. Kalau bergabung nanti salah satu akan hilang identiti. Pas kekalkan DNA-nya dan begitu juga Umno. DNA Umno dan Pas tak sama. Satu berideologi agama sedangkan satu lagi menganut sekularisme. Takut-takut nanti kalau bergabung, Pas yang hilang identiti. Pas kena ingat Melayu-Umno masih dominan. Takut juga kalau penggabungan nanti melahirkan satu fahaman baru - 'Islamist-sekularist'," katanya.

Beliau yakin ahli Pas amnya akan

bersifat "dengar kata" dan apa jua keputusan pemimpin akan diterima dengan reda.

"Wahai pemimpin Pas, buatlah keputusan molek-molek, matang dan sejahtera. Pas, ambil pusinglah nasihat 'orang tua Pas' ini," saran beliau.

Mustafa dalam satu sidang media di Kuala Terengganu, 22 Okt lalu mahu kepimpinan Pas berhenti main 'tarik tali' dan menilai kembali tawaran kerjasama Umno pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau yang juga pengerusi Lembaga Penasihat Pas berkata, perkara berkenaan adalah alternatif terbaik kepada Pas untuk memenangi lebih banyak kerusi pada pilihan raya umum akan datang seperti yang diusulkan oleh Ketua Penerangan Umno Tan Sri Annuar Musa awal Oktober lalu.

"Bagi saya wajar menyambut (cadangan kerjasama)... dan saya tidak fikir bahawa Annuar akan mengajak Pas untuk menyertai

Umno... kalau ajak menyertai Umno, saya sendiri juga tidak akan setuju dan tetap akan lawan.

"Jika kita ingin bercakap tentang kerjasama ini... macam konsep 'tahaluf' dan 'taawun, saya rasa Umno dan Pas boleh berbincang untuk kepentingan masa depan negara. Tetapi saya tidak nampak sebarang jawapan yang serius dalam pemimpin Pas dan bila tiada respons serius, saya rasa ia sesuatu yang tidak kena," katanya kepada pemberita.

Menurut Mustafa, sebelum ini kedua-dua pihak pernah berbincang mengenai kerjasama tersebut tetapi hingga kini masih tiada kata putus mengenainya.

"Perbincangan terdahulu terlampau banyak syarat yang dikenakan antara dua-dua belah parti sehingga hasilnya tiada... apa yang harus kita buat ialah bincang dahulu supaya Pas boleh memahami perspektif Umno dan Umno juga harus faham perspektif Pas," katanya.

Kem belum siap tetapi sudah ada pengundi tentera?

SEGAMAT: Tular di media sosial tentang dakwaan wujudnya seramai 1,051 pemilih pos bagi kem tentera Segamat yang belum siap.

Maklumat jumlah pemilih itu dikatakan terkandung dalam daftar pemilih terbaru bulan ini walaupun kem tersebut difahamkan hanya siap 60 peratus.

Selain gambar pintu masuk kem yang dalam pembinaan, turut tersebar keratan daftar pemilih dengan terdapat 88 peng-

undi di Pusat Latihan Polis Segamat menjadikan jumlah keseluruhan pemilih pos seramai 1,139 orang.

Kem tentera Segamat adalah antara empat kem baharu yang kesemuanya bernilai RM200 juta dan dijangka siap akhir tahun ini.

Panglima Tentera Darat, Datuk Seri Zulkiple Kassim pada Julai lalu dilaporkan ber-kata, kem baharu lain di Hutan Melintang, Bera dan Pagoh dengan kos setiap satu

kem itu mencecah RM50 juta.

Dalam perkembangan berkaitan, Pengerusi Biro Integrasi Nasional dan Penyelaras Keadilan Segamat, Datuk Seri Dr R Santhara Kumar pada Jun lalu bimbang dengan kemungkinan kemasukan ramai pengundi tentera di kawasan itu.

Sehubungan itu, beliau mendesak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengesahkan status kemasukan nama-nama ang-

gota terbabit dalam daftar pemilih.

Pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 lalu, Presiden MIC, Datuk Seri S Subramaniam meneng dengan majoriti 1,217 undi menewaskan bekas Menteri Pengangkutan, Datuk Chua Jui Meng dari Keadilan.

P140 Segamat adalah kawasan campuran dengan 47,009 pemilih berdaftar pada PRU-13 lalu.

Transaksi Najib dengan China **rugikan** negara

PASIR PUTEH: Cara Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengendalikan hubungan perniagaan dengan China bakal merugikan negara pada masa hadapan.

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Zaid Ibrahim berkata, tindakan Najib membuat pinjaman mega untuk projek-projek berisiko tinggi akan membawa negara ini hilang kedaulatan.

"Kita mesti faham situasi politik antarabangsa dan kedudukan China dalam percaturan ekonomi dunia.

"China yang mempunyai penduduk hampir 2 bilion sedang muncul sebagai gergasi ekonomi dunia dan kita perlu berhati-hati

berurusan dengannya," kata Zaid ketika berucap di majlis santai Dun Semarak di Tok Bali, dekat sini, baru-baru ini.

Menarik pelaburan asing dari ekonomi berkapasiti tinggi katanya memang langkah bijak tetapi China bukan pilihan selamat.

"Tuan-tuan perlu tahu apa yang kini terjadi kepada beberapa projek yang diserahkan kepada negara China di Johor sekarang.

"Kita rakyat Malaysia kena ada pasport untuk ke Singapura sedangkan mereka boleh terus ke Singapura tanpa pasport dan siap dengan keretapi khas pula," katanya.

Menurutnya cadangan projek keretapi laju dari Pengkalan

Kubur ke Gombak yang kini telah memulakan proses pembinaan lebih menggerunkan.

"Mereka kata kos pembinaan projek ini adalah RM55 bilion. Saya ada bersembang dengan pakar yang memberi amaran kos ini boleh melonjak hingga RM70 bilion," katanya.

Kemasukan pelaburan China, jelas beliau membawa dimensi baru pelaburan asing.

"Selama ini pelaburan langsung dari luar (FDI) adalah pelaburan modal dalam bentuk kewangan.

"Bagi pelaburan dari China, ia berbeza kerana pakej mereka akan bersekali dengan tenaga kerja dan semua bahan asas yang diperlukan

dalam sesuatu projek.

"Ini menjadikan peniaga tempatan dan pasaran buruh domestik tidak ada sebarang peluang untuk menyertai proses pembangunan," katanya.

Situasi ini, katanya akan menjadikan masa depan rakyat Malaysia semakin terpinggir di bumi sendiri.

"Kalau ini terjadi, orang Melayulah mangsa yang paling malang.

"Negara kelihatan membangun dengan bangunan-bangunan tinggi mencakar langit tetapi orang Melayu semakin miskin dan terhina dan terpinggir di bumi sendiri," katanya.

Pergantungan negara kepada modal China juga, ujarnya akan memberi impak negatif yang lebih

dahsyat.

"Sekarangpun kita sudah tidak kedengaran lagi tuntutan-tuntutan Malaysia terhadap wilayah-wilayah yang dikatakan bertindih seperti pulau Spratly.

"Jika keadaan berterusan, kita terpaksa jadi 'pak angguk' kepada apa saja kehendak negara China dalam percaturan politik dan keselamatan antarabangsa," katanya.

Turut hadir dan menyampaikan ucapan di majlis itu ialah Pengarah PPBM Dun Semarak Kapten (B) Wan Marzudi Datuk Wan Omar, Ketua Penerangan PPBM Kelantan Zulkifli Zakaria dan Timbalan Pengerusi AMANAH Kelantan Muhammad Hussin.

Tian Chua bebas setelah sebulan dipenjara

KAJANG: Ahli Parlimen Batu, Tian Chua dibebaskan keluar daripada Penjara Kajang kira-kira jam 5.30 pagi, 26 Okt lalu selepas ditahan selama sebulan di penjara Kajang.

Pembebasan beliau disambut Presiden Keadilan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Presiden Keadilan Datuk Seri Azmin Ali dan para pemimpin Keadilan kira-kira 500 meter daripada penjara Kajang.

Turut hadir puluhan penyokong beliau yang berhimpun sejak awal pagi.

Beliau kemudian melepaskan burung merpati sebagai simbolik pembebasan sebelum bersama para

pemimpin dan penyokong bersarapan pagi di gerai berhampiran.

Menurut sumber, Tian Chua telah dihantar pulang ke kediamannya di Sentul oleh pihak penjara setelah dibebaskan namun mengambil keputusan untuk kembali semula ke Kajang setelah dimaklumkan kehadiran para pemimpin PKR dan penyokong di hadapan penjara.

Mahkamah Rayuan 29 September lalu mengarahkan Tian Chua menjalani hukuman penjara sebulan, selepas beliau membuat keputusan mengejut menarik balik rayuan terhadap sabitan melanggar arahan polis untuk meninggalkan Pusat Latihan Polis

(Pulapol) pada 2012.

Panel 3 hakim yang dipengerusikan Datuk Mohtarudin Baki memerintahkan naib presiden PKR terbabit memulakan hukuman penjaranya di Penjara Kajang, hari itu juga.

Tian Chua disabitkan bersalah di bawah Akta Kawasan dan Tempat Larangan 1959 kerana menolak arahan meninggalkan Kompleks Pulapol di Jalan Semarak pada 29 April 2012, sehari selepas dia ditahan dalam perhimpunan Bersih 3 di Kuala Lumpur.

Terdahulu, Tian Chua melucutkan peguamnya, N Surendran dan menyuarakan kesediaannya untuk



Tian Chua bersalaman dengan para penyokong yang menyambut pembebasan beliau dari penjara.

dipenjarakan.

Ketika berada dalam kandang tertuduh, Tian Chua berkata, dia

ditahan bersama 500 peserta Bersih 3 pada 28 April 2012 dan dihantar ke Pulapol.

1MDB hanya 'cengkerang kosong' kaburi rakyat

KUALA LUMPUR: Dakwaan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bahawa 1MDB memberi kesenangan kepada rakyat dan bakal menjana keuntungan hanya semata-mata untuk mengaburi mata rakyat.

Bagaimana 1MDB yang kini menanggung hutang yang besar mampu menjana keuntungan, soal Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua.

Malah katanya, hampir semua kos tajaan haji serta biasiswa yang diberikan syarikat pelaburan negara itu sebenarnya ditanggung pembayar cukai.

"1MDB kini adalah 'cengkerang kosong' tanpa mempunyai apa-apa selain hutang RM40 bilion.

"Justeru itu bagaimana boleh Najib katakan bahawa 1MDB kononnya dalam landasan untuk menjana keuntungan?" katanya dalam satu kenyataan media.

Tony mengulas tulisan Najib di blog rasmi beliau yang antara lainnya mendakwa 1MDB

"berkemungkinan besar akan menjana keuntungan untuk rakyat" selepas pelan rasionalisasi dijalankan.

Mengulas lanjut, Tony yang juga Setiausaha Publisiti DAP berkata, soalan sensitif berkaitan 1MDB tidak harus ditolak di Parlimen jika benar syarikat pelaburan milik negara itu bakal menjadi penyelamat kepada ekonomi negara.

"Bagaimanapun, jika Najib memilih untuk tidak bertanggungjawab di Parlimen, maka ia hanya membuktikan bahawa dia hanyalah seorang Perdana Menteri yang paling korup dan pengecut dalam sejarah Malaysia," ujarnya.

Sekurang-kurangnya 10 soalan berkaitan 1MDB yang ingin diajukan pembangkang ditolak oleh Speaker dalam sidang Dewan Rakyat kali ini dengan pelbagai alasan yang tidak munasabah.

Ia mengulangi tindak-tanduk yang sama dalam sesi Dewan Rakyat sebelum ini di mana Speaker menolak 30 soalan berhubung syarikat terbabit.

RUU persendirian Presiden Pas muncul lagi

KUALA LUMPUR: Rang Undang-Undang (RUU) persendirian Presiden Pas yang juga Ahli Parlimen Marang muncul lagi dalam kertas Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul yang dikeluarkan pejabat Dewan Rakyat, 26 Oktober lalu.

Usul persendirian itu disenaraikan di kedudukan ketiga dalam senarai usul selepas RUU Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 oleh Menteri Kesihatan dan RUU Pusat Jagaan (Pindaan) 2017 oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Usul Datuk Seri Abdul Hadi Awang itu antara lain menyebut:

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Marang untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 seperti berikut: Pindaan Seksyen 2 Akta Mahkamah

Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] dipinda dalam proviso kepada seksyen 2 dengan menggantikan perkataan "penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali" dengan perkataan "penjara selama tempoh melebihi tiga puluh tahun atau denda melebihi satu ratus ribu ringgit atau sebatan satu ratus kali sebagaimana ditadbir selaras dengan tatacara jenayah Syariah."

Sejumlah 27 usul disenaraikan bagi dibahaskan dalam sidang parlimen kali ini. Ini adalah percubaan ketiga Presiden Pas untuk membentangkan usul pindaan Akta 355.

Pada sesi Dewan Rakyat penggal lalu, anggota parlimen Marang itu hanya membentangkan usul persendirian tersebut tanpa dibahas.

Beberapa anggota Dewan Rakyat yang mewakili parti komponen BN mengakui Majlis Tertinggi BN yang bersidang pada minggu sebelumnya bersetuju untuk usul persendirian Abdul Hadi itu dibentangkan tanpa dibahas.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

EZKEMBARA
NO. KFK/LN : 6814

**PELBAGAI
DESTINASI
MENARIK!**

SEOUL

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

TURKI

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ JUMRAH

**PAKEJ
ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		

**PAKEJ
RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800		
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

**PAKEJ
TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

+603 - 6184 1542

WWW.EZKEMBARA.COM

Bajet 2018: A dan n

vPerdana Menteri Datuk Seri najib Razak berjalan masuk ke dalam Dewan Rakyat.



Ahli Parlimen Kota Raja yang juga Ketua Awan Nasional, Dr Siti Mariah Mahmud di petang pembentangan Bajet 2018.



Ahli Parlimen Kuala Krai Dr Mohd Hatta Ramli meneliti teks pembentangan Bajet 2018.


Ahli Parlimen Pakatan Harapan men beri reaksi kepada pembentangan Bajet 2018 oleh Najib.



Ahli Parlimen Pakatan Harapan Dr Mujahid Yusof (AMANAH), Lim Guan Eng (DAP) dan Mohamed Azmin Ali (Keadilan) mengikuti pembentangan Bajet 2018.

Datuk Kamarul Bahrin (Keadilan), Nga Kor Meng, Datuk Ngeh Ko Ham, V Sivakumar dan Teo Nie Chin pada sesi pembentangan Bajet 2018.



	BARISAN NASIONAL (RM bilion)
	239.86
	280.25
	234.25
	46
	40.39
	3%
	GST - dimansuhkan barangan tertentu terbang, kapal
	TOL - hanya 4 tol dimansuhkan
	CUTI BERSALIN -
	Pengurangan cukai pendapatan 2% kelas pertengahan
	PPTN - diskaunkan kepada peminjan
	Membelanjakan bilion lebih

Antara mengubat derita memancing undi rakyat



PERBANDINGAN BELANJAWAN 2018

KATEGORI	PAKATAN HARAPAN (RM bilion)
PENDAPATAN	229.44
PERBELANJAAN	258.52
OPERASI	200.16
PEMBANGUNAN	58.35
DEFISIT	29.08
NISBAH DESIFIT KDNK	2.0%

<p>GST - dimansuhkan</p>	<p>TOL - dimansuhkan</p>
<p>CUTI BERSALIN - 120 hari</p>	<p>Gaji minimum meningkat daripada RM1000 kepada RM1500</p>
<p>TABUNG Pendidikan</p>	<p>PTPTN - peminjam tidak perlu membayar sehingga mereka memperoleh RM 4000 sebulan</p>
<p>Berjanji untuk menjimatkan RM20 bilion dengan mengurangkan pembaziran dan rasuah</p>	



Suasana Dewan Rakyat semasa pembentangan Bajet 2018.



Anggota Parlimen BN mengaminkan doa yang dibaca sebelum Dewan bersidang.



Ahli Parlimen Bagan merangkap Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng menjawab pertanyaan pemberita.



Jurufoto mencari sudut terbaik untuk merakam peristiwa.

Banyak fakta kesalahan Jho Low

Kelolaan **ARIF ATAN**

TIMBALAN Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Muhammad Faiz Fadzil mempersoal reaksi Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz yang mendakwa jutawan bersabit dengan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Jho Low tidak melakukan kesalahan dalam negara.

Menurutnya, banyak fakta penyelewengan wang 1MDB oleh Jho Low dan *Malaysian Official 1* (MO1) yang didedahkan Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (DoJ) adalah berlaku di Malaysia.

Kenyataan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan itu bahawa Jho Low melakukan kesalahan di luar negara, ujarinya, adalah pengakuan secara tidak langsung berkaitan kebenaran fakta bahawa Jho Low telah menyeleweng wang 1MDB seperti didedahkan DoJ.



"Namun begitu, kenyataan bahawa Jho Low tidak melakukan kesalahan di dalam negara menunjukkan Nazri Aziz tidak faham pendedahan fakta di dalam saman sivil forfeiture oleh DoJ (saman DoJ) yang difailkan pada 15 Jun lalu.

"Pengakuan Nazri Aziz bahawa terdapat kesalahan Jho Low di luar

negara menunjukkan beliau ada membaca saman DoJ kerana saman tersebut adalah satu-satunya dokumen mahkamah yang memperincikan penyelewengan wang 1MDB oleh Jho Low dan MO1, namun gagal memahaminya dengan baik," tegasnya.

Jelas Faiz, DoJ menggariskan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang Malaysia termasuk penipuan menurut Seksyen 415 dan 418 Kanun Keseksaan dan pemberian rasuah menurut Seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009 jika Nazri membaca secara teliti saman DoJ di perenggan 942 muka surat 247.

"Semakan di bahagian IV perenggan 298 hingga 299 pula mendapati sejumlah RM2.6 bilion telah dimasukkan ke akaun peribadi MO1 di Ambank daripada Tanore Account yang dimiliki Jho Low.

"MO1 disahkan Menteri Dato' Abdul Rahman Dahlan sebagai Perdana Menteri Datuk Sri Najib Tun Razak dan

Ambank adalah institusi kewangan tempatan.

"Jadi, wang yang diseleweng daripada 1MDB itu boleh dianggap pelakuan merasuah MO1 bagi mengeluarkan Surat Sokongan yang ditandatangani Perdana Menteri bagi menjamin pengeluaran bon 1MDB sebanyak AS\$3 bilion. Bukankah kesalahan ini dilakukan di Malaysia?" hujahnya.

Beliau berkata, banyak lagi fakta yang menunjukkan kesalahan Jho Low dilakukan di negara ini yang boleh dikategorikan bersubahat menipu Bank Negara.

Antaranya, menurut Seksyen 418 dibaca bersama Seksyen 107 Kanun Keseksaan seperti didedahkan di Bahagian II berkenaan pembayaran tipu sebanyak AS\$1.03 bilion kepada Good Star Ltd yang dimiliki Jho Low kononnya syarikat itu milik PetroSaudi.

"Nazri Aziz pasti sedar bahawa Bank Negara telah mendenda 1MDB

sebanyak RM115.8 juta atas pelbagai kesalahan melanggar Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, maka Jho Low sebagai pemain utama penyelewengan wang 1MDB telah melakukan kesalahan dalam negara.

"Sebagai Menteri dan bekas pengamal undang-undang, Nazri Aziz perlu bertindak atas prinsip integriti dan menegakkan keluhuran undang-undang.

"Beliau seharusnya menasihatkan Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk terus mengarahkan pihak polis memburu Jho Low yang telah mencuri lebih RM20 bilion wang negara melalui penyelewengan 1MDB," tegas Faiz.

Nazri atau mana-mana Menteri Kabinet, tambahannya lagi, tidak harus membiarkan Jho Low bebas walhal skandal 1MDB dianggap punca utama kemerosotan ekonomi negara hari ini dan mencalar maruah negara sehingga digelar kleptokrasi.

Langsaikan bayaran petugas, artis Sukan SEA

Kejayaan sebagai pemenang keseluruhan dalam Sukan Sea 2017 (KL 2017) lalu wajar menjadi pemangkin kepada kerajaan untuk menyelesaikan segera segala pembayaran tertunggak, kata Pengarah Biro Sukan, Kesenian dan Kebudayaan Pemuda AMANAH Nasional, Muriza Hazrul Abdul Muhi (*gambar*).

Menurutnya, tiada lagi alasan untuk kerajaan lewat-lewatkan bayaran dalam era teknologi pada masa ini melainkan terdapat isu di sebalik tabir yang cuba disembunyikan.

"Janganlah hanya kerana ingin menempa nama di Asia Tenggara baik sebagai penganjur dan Juara Keseluruhan, kita mengabaikan pihak-



pihak lain yang turut menjayakan KL 2017 ini," ujarinya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas dakwaan wujudnya segelintir petugas, sukarelawan dan artis yang tidak memperoleh bayaran walaupun KL 2017 sudah berakhir pada Ogos lalu.

"Menurut pihak The Malaysian Sea Games Or-

ganising Committee (MASOC) dalam kenyataan melalui pegawai unit media dan komunikasinya, Fahmi Omar; MASOC sudah membayar lebih 50 peratus nilai kontrak untuk persembahan pem-

bukaan dan penutupan bagi pihak kerajaan.

"Dalam erti kata lain, pihak MASOC juga masih tergantung kurang daripada 50 peratus bayaran nilai kontrak sepatutnya yang perlu dibayar kepada agensi yang dilantik.

"Justeru, tidak hairanlah jika terdapat segelintir pihak yang belum dilunaskan bayaran walaupun

KL 2017 sudah melabuhkan tirai dua bulan lalu," jelasnya.

Sehubungan itu, Muriza berkata, Pemuda AMANAH Nasional mendesak agar perkara tersebut dapat diselesaikan segera bagi menjaga nama baik Kuala Lumpur sebagai penganjur dan pemenang keseluruhan KL 2017.

Mansuhkan GST jika bijak pimpin negara

PELAKSANAAN cukai barang dan perkhidmatan (GST) sejak dua tahun lalu bukti kerajaan Umno-BN tidak mampu menjana kantung kewangan negara, tegas Ketua Pemuda AMANAH Melaka, Syafiq Azmi.

Katanya, negara pada masa ini dipimpin oleh kerajaan yang lemah walaupun kononnya mencanangkan mampu menarik pelabur luar datang sekali gus memperbaiki semula ekonomi Malaysia.

"Kalau benar ekonomi Malaysia ini kukuh kerana kebijaksanaan pimpinan negara di bawah Perdana Menteri Najib Razak, sila mansuhkan GST.

"Percayalah GST yang diamalkan dalam negara



membuktikan pemimpin dan kerajaan hari ini dayus kerana mengharap rakyat untuk menyalurkan dana," ujarinya.

Najib pada pembentangan Bajet 2018 di Dewan Rakyat lalu berkata, kutipan GST sebanyak RM41 bilion membolehkan kerajaan menampung banyak perbelanjaan yang

diperlukan untuk kepentingan rakyat.

Menurut Presiden Umno berkenaan, GST mampu menyelamatkan ekonomi negara dan mendakwa beberapa pemimpin pembangkang sendiri sehingga hari ini tidak sepakat tentang keputusan menerima atau menolak rejim cukai enam peratus itu.

Mengulas lanjut, Syafiq menyifatkan rakyat seperti sudah jatuh ditimpa tangga lantaran dijerut dengan rantaian bebanan kos sara hidup akibat penguatkuasaan GST.

"Sudahlah diambil wang mereka (rakyat), kini kehidupan mereka juga turut dibebani oleh kerajaan," tambahannya lagi.



PEMUDA BEKERJA... Sebahagian Exco Pemuda AMANAH Nasional bergambar di hadapan pentas Konvensyen Nasional AMANAH 2017 di Alor Setar baru-baru ini dengan semangat tinggi menjadi sayap parti yang bekerja keras pada pilihan raya akan datang.

SUDAH DEKAT... Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang sudah semakin dekat menyaksikan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Sany Hamzan turun padang mengedarkan risalah belanjawan Pakatan Harapan di Taman Alam Jaya, Batu 9 Cheras Hulu Langat, 1 November lalu.



Perlukah semua **graduan** berniaga?

Oleh **ARIF ATAN**

HAMPIR kesemua universiti awam (UA) telah dan sedang berpesta menyambut istiadat penganugerahan ijazah meliputi peringkat dasar, sarjana dan PhD.

'Hari raya' yang dipanggil konvokesyen bagi warga universiti ini begitu bermakna kerana pengajian penuntut selama tiga hingga lima tahun itu telah diiktiraf secara rasmi sebagai berjaya.

Namun, apa pula liku seterusnya selepas melangkah bergaya di pentas menerima ijazah serta berswafoto bersama ahli keluarga dan rakan-rakan seperjuangan?

Adakah sekadar menjadi penambah kepada hampir 500,000 graduan anak Malaysia sedia ada yang masih teraba-raba kerjaya setimpal dengan pencapaian akademiknya?

Adakah graduan hari ini juga akan menambah senarai 663,000 orang yang tidak pernah membuat sebarang pembayaran kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)?

Hakikatnya, ujian sebenar seorang graduan selepas keluar dari pagar kampus baru bermula. Menempuh badai rangkaian kenaikan mendadak kos sara hidup menuntut tekad dan ikhtiar hidup yang bukan calang-calang.

Apa lagi kala dipukul gelom-



bang kleptokrasi yang melanda tanah air pada masa ini melainkan jika datang dari keluarga sudah sedia berpendapatan tinggi atau dilimpahi lautan simpanan.

Mengharap durian runtuh belanjawan bagi tahun 2018 yang dapat meringankan beban graduan pun seperti hampir mustahil. Tiada pelan jangka panjang daripada Perdana Menteri dalam apa yang dipanggil ibu segala belanjawan itu.

Najib Razak hanya teruja dengan kemenangan Pro-Aspirasi dalam pilihan raya kampus di UA selain mengumumkan diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN yang dinilai banyak pihak termasuk ahli akademik sebagai bersifat jangka pendek.

Bahkan, dibimbangi akan menjejaskan keupayaan perbadanan itu untuk menyediakan pinjaman kepada generasi akan datang lantaran proses kutipan semula pinjaman yang tidak cekap.

Bagi majoriti graduan yang juga menduduki komposisi anak muda dalam masyarakat, persaingan hidup di luar kampus sebenarnya lebih perit berbanding dipaksa hadir ke kuliah dan kelas tutorial.

Peluang kerja untuk yang memiliki sijil tertiar tidak cukup



Ribuan graduan universiti tempatan menganggur ekoran kemuraman ekonomi negara pada masa ini. Foto: umconvo.um.edu.my

untuk menampung ratusan ribu anak Malaysia sehinggakan mencatat kadar pengangguran lebih tinggi berbanding rakan mereka yang tidak berpendidikan tinggi.

Benarlah hendak seribu daya, tidak hendak pelbagai dalih. Graduan boleh menceburi bidang perniagaan dengan berperanan menjadi golongan yang mencipta peluang pekerjaan bukan sekadar makan gaji.

Kerajaan juga diuar-uarkan menyediakan pelbagai dana pembiayaan, geran dan pinjaman yang boleh direbut belia dan maha-

siswa untuk berkecimpung dalam perniagaan kecil dan sederhana.

Namun, adakah seruan supaya mahasiswa berniaga tidak bergantung pada makan gaji itu sebenarnya helah kerajaan untuk

menyelak daripada dipertanggungjawabkan lantaran gagal menyediakan peluang pekerjaan yang sewajarnya?

Dibimbangi, bagi tempoh 10 atau 20 tahun akan datang, pelbagai sektor industri di negara kita hanya diwarisi golongan tidak berpengetahuan tinggi termasuk masih bergantung pada tenaga buruh asing dengan kadar upah relatif rendah.

Kecenderungan ramai graduan mengejar wang melalui bisnes juga secara tidak langsung mengancam kesinambungan tenaga pakar dalam pelbagai bidang ilmu di UA untuk berkembang maju dengan penggalan dan penemuan dapatan baharu.

Jadi, bagaimana Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang kerajaan Umno-BN sendiri tekankan termasuk usaha melahirkan agenda pembangunan yang adil dan saksama serta negara yang memiliki daya saing di peringkat global dapat dicapai?

Suburkan progresif dalam masyarakat

MENJADI progresif dengan menyanggah apa jua yang regresif hanya bermakna apabila disusuli dengan usaha untuk menyuburkan nilai berkenaan dalam masyarakat.

Wacana sosial progresif penting dalam berdepan hal-hal regresif yang secara sadar atau tidak membiakkan penerimaan ciri mundur, tidak produktif dan pasif dalam masyarakat.

Demikian antara idea utama dalam buku, *Penjahanaman Pemikiran Intelektual* (2017) oleh Dr Azhar Ibrahim seperti dipetik dari bab "Tenung Regresif, Timbang Progresif". Terdapat 24 artikel lain turut terkandung dalam buku terbitan Thukul Cetak setebal 197 muka surat ini.

Rangkaian persoalan oleh Felo Pelawat di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura (NUS) ini juga menarik untuk dicermati seperti pro-



gresif dalam erti kata apa yang dimahukan serta sejauh mana persediaan berhadapan dengan

gunan intelektual Melayu juga dapat dilihat pada bab "Membumikan Keuniversalan Islam".

Tegasnya, "Tugas kita hari ini ialah membangunkan keberagaman universal yang juga dikenali sebagai

rahmatan lil alamin dalam pesan-pesan agama Islam."

Penting juga dihadami sikap waspada terhadap 'pengawas idea' yang terdiri daripada ahli akademik, guru, asatizah dan wartawan. Bagi Dr Azhar, mereka inilah mencorakan

kan mutu demokrasi dan sivik masyarakat kita.

kesan daripada proses menjadi progresif itu. Peringatan pengarang juga jelas agar kita tidak terbuai dengan romantisme progresif walhal "segala kekotoran, kepalsuan dan kejahatan regresif masih lagi menggigit dan nanah membusuk."

Tumpuan kajian Dr Azhar dalam sosiologi sastera, teologi sosial, wacana kebudayaan, peradaban dan pemikiran Islam serta pamban-



Sepintas NEWS


Jengah pasaran Rusia

Memoir Tun Dr Mahathir Mohamad, *Doktor Umum* telah mulai dijual di kedai buku di Rusia dalam terjemahan bahasa itu dengan judul *Doktor Negeranya*.

Naib Presiden Persatuan Nusantara Universiti Negara Moscow, Dr Victor A Pogadev memberitahu, buku bekas Perdana Menteri Malaysia terbitan Universiti MGIMO itu dihasilkan dalam dua jilid.

"Penerbitan edisi Rusia yang disediakan oleh Pusat ASEAN di Institut (Universiti) Perhubungan Antarabangsa Moscow (MGIMO) bawah pimpinan Dr Victor Sumsy satu penghormatan kepada tokoh terkenal itu.

"Ia diedarkan ketika pusat ekonomi dunia sedang beralih ke Asia Timur dan Rusia pula sedang mempergiat kerjasama dengan rantau yang dinamik ini," kata bekas pensyarah Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya itu..



Geopolitik Melayu bandar

Kerajaan perlu mengambil langkah penyelesaian segera dalam isu perumahan bagi mengekalkan pola pengundian terutama pengundi muda Melayu di bandar, kata Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Mohd Nizar Sudin.

Antaranya, ujar beliau seperti dipetik, mengawal secara serius penjualan rumah di bandar dan mengawasi gelagat anti-persaingan dalam kalangan pemain di seluruh rangkaian pembekalan industri pembinaan.

Turut kerajaan perlu tangani, jelasnya, adalah kawalan ke atas pembeli rumah kedua atau spekulator yang banyak memasuki pasaran perumahan sebagai satu pelaburan.

Menurutnya, peratusan komposisi pengundi Melayu di lokasi bandar merosot seperti di tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) di Damansara tetapi trend sebaliknya di kawasan pinggiran bandar seperti Kajang, Bangi, Semenyih, Batang Kali dan Rawang.

Bahagian Pertama

Tekad budaya dan kewajaran Islam

BERIKUT ini adalah teks yang saya ucapkan di Universitas Bung Hatta, Padang, Indonesia, 3 November 2017, dalam program Ziarah Kesenian Nusantara anjuran ZK Indonesia, di atas tajuk "Tekad Budaya dan Kewajaran Islam":

Tekad Budaya ialah suatu konsep dan wawasan yang saya selalu ulangi memperkatakannya melalui lisan dan tulisan sejak kira-kira sepuluh tahun yang lalu. Saya telah menghasilkan dua buah buku yang membicarakannya secara langsung, dan terbaru yang terbit baru sebulan ini berbicara mengenai soal "mencari kewajaran Islam di Malaysia", tetapi secara tidak langsung soal Tekad Budaya juga dibincang di dalamnya.

Tekad Budaya ialah mengenai seni-budaya, keilmuan, sikap dan pemikiran; mengenai seniman-budayawan-intelektual-profesional yang percaya bahawa kehidupan ini milik bersama semua orang. Semua orang ada peranan dan semua orang ada hak dalam menentukan kehidupan - yakni bagaimanakah seharusnya atau bagaimanakah sewajarnya kehidupan masyarakat kita.

Masalahnya sekarang ialah, di Malaysia, golongan seniman, budayawan, intelektual dan profesional, termasuk pentadbir, kebanyakannya - sekian lama, sedikit demi sedikit menyerahkan hak dan peranan mereka kepada politik, kepada orang-orang politik (yang di belakangnya ada pula orang bisnes dan kapitalis, termasuk yang jahat), untuk menentukan bagaimanakah kehidupan diatur, bagaimanakah duit/cukai dikutip dan dibelanjakan, dan seterusnya.

Akibatnya hari ini di Malaysia hampir segala-galanya adalah politik. Orang politik dibiarkan berasa seolah-olah negara adalah kepunyaan mereka. Mereka yang berhak menentukan segala-galanya, termasuk pendidikan, agama, dan juga malah seni-

budaya dan sastera; padahal mereka kebanyakannya tak tahu pun mengenai seni-budaya dan sastera.

Tetapi bukan salah orang politik maka terjadinya begitu. Salahnya ialah para seniman, budayawan, intelektual dan profesional - golongan yang sepatutnya menggerakkan pemikiran masyarakat, tetapi yang terjadi kini golongan ini menjadi lemah, malas dan takut mengambil inisiatif dan risiko.

Mereka mengambil jalan mudah dan selamat untuk diri sendiri, mengambil sikap yang enggan bertanggungjawab ke atas sesuatu yang mempunyai risiko keselamatan diri, hingga sanggup menjadi munafik dan tidak mempedulikan kewajipan agama yang menuntut untuk amar makruf dan nahyi mungkar.

Mereka malah menjadi manusia yang tidak begitu mempedulikan harga diri, tidak begitu menghargai kemerdekaan diri, tidak begitu mempedulikan nilai baik dan jahat, adil dan zalim, benar dan bohong, jujur dan hipokrit. Mereka menjadi golongan yang lupa pada tanggungjawab insan sebagai khalifah Allah di bumi. Kecuali sebilangan kecil sahaja daripada mereka, yang masih menghidupkan harapan.

Bagi memudahkan anda memahami maksud Tekad Budaya, biar saya ceritakan sedikit bagaimana bermulanya atau bagaimana teretusnya idea ini. Waktu itu, kira-kira sepuluh tahun yang lalu atau lebih, saya sering mengikuti program-program sastera dan seni-budaya yang dianjurkan oleh pihak-pihak arus perdana (mainstream) seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Jabatan Kebudayaan dan Persatuan Penulis yang bernaung di bawah Gapena (Gabungan Persatuan Penulis Nasional), kerana waktu itu kehadiran saya masih diterima di dalam kelompok itu.

Dalam beberapa program yang melibatkan perbincangan saya mendengar bebe-

rapa tokoh sastera dan seni-budaya merintih dan menyesali nasib golongan seniman-budayawan yang seperti terpinggir dan tidak mendapat dana dengan jumlah yang sewajarnya. Mereka sambil merintih nasib itu sambil menyatakan harapan agar para pimpinan politik negara mempunyai "political will" untuk membantu golongan seniman-budayawan dengan dana yang lebih besar dan lain-lain kemudahan yang diperlukan. Mereka menyebut kata "political will" itu.

Beberapa kali mendengar rintihan dan pengakuan begitu, timbul rasa pelik dan aneh dalam fikiran saya - apakah sampai begitu sekali naif dan daifnya golongan seniman-budayawan ini hingga terpaksa menagih ihsan dan simpati serta bergantung nasib kepada orang-orang politik dan kepada "political will".

Apakah para seniman-budayawan sendiri tidak punya "will" itu, yakni kemahuan, keazaman, tekad; yang saya sebut sebagai "cultural will"? Dan kalau "cultural will" itu ada apakah "cultural will" itu langsung tidak punya daya kekuatan yang boleh berbuat sesuatu bagi memperbaiki nasib sastera dan seni-budaya?

Saat itulah saya mula menyuarakan konsep dan wawasan Tekad Budaya atau "cultural will" ini, sebagai memberi imbalan kepada tekad politik atau "political will" yang memang sudah sangat dikenali. (Baca "Berhentilah merintih wahai budayawan" dalam buku Jelajah Budaya, hal. 163-167).

Jadi Tekad Budaya bertujuan untuk memberi isi atau semangat atau harga diri kepada para seniman-budayawan dan juga intelektual, yang nampaknya seperti kehilangan harga diri kepada orang-orang politik dan kepada tekad politik.

Elok juga dijelaskan di sini bahawa saya bergerak dan menjalankan aktiviti seni-budaya ini bersama dengan satu kelompok



atau kumpulan seniman-budayawan yang sefahaman, pada mulanya, dan kemudian berkembang kepada beberapa kumpulan. Di dalam kumpulan awal saya itu, namanya Seniman Paksi Rakyat atau ringkasnya disebut PAKSI sahaja, terdapat juga ilmuwan atau intelektual yang di antaranya profesor di universiti. Kawan-kawan saya yang di universiti ini mengakui dan mengesahkan bahawa fenomena "golongan yang sepatutnya menggerakkan pemikiran masyarakat tetapi kini menjadi lemah, malas dan takut mengambil inisiatif dan risiko" itu juga termasuk para pensyarah di universiti yang kebanyakannya malah memilih untuk menjadi pengakur dan pengampu kepada pimpinan politik, dengan mengabaikan kepentingan nilai baik dan jahat, adil dan zalim, benar dan bohong yang dibawa oleh pimpinan politik berkenaan.

Tekad Budaya ialah mengenai keseimbangan, mengenai kewajaran, mengenai tidak keterlaluan dan tidak berlebih-lebihan. Tekad Budaya mahukan para seniman-budayawan-intelektual bangun memainkan peranan aktif dalam masyarakat, bagi mengimbangi keaktifan yang dimainkan orang-orang politik.

Jangan biarkan orang politik sahaja mentadbir negara. Budayawan dan intelektual juga perlu turut mentadbir, dengan karya-karya seni, dengan aktiviti-aktiviti seni-budaya dan dengan suara hati atau conscience kemanusiaan yang biasanya menunjangi karya-karya seni. ■

BERSAMBUNG

Kenangan Operasi Lalang bagi aktivis AMANAH

Oleh ABU FIRDAUS

BAGI mereka yang aktif berpolitik pembangkang, walaupun sebagai penyokong pada tahun 1980-an, tentunya tidak akan dapat lupa akan Operasi Lalang yang berlaku pada 27 Oktober 1987. Lebih-lebih lagi bagi mereka yang pernah menjadi mangsa Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) melalui Operasi Lalang iaitu antaranya ialah Presiden Parti Amanah Negara sendiri, Mohamad Sabu dan juga Khalid Samad.

Bagi mereka yang merupakan penyokong Mohamad Sabu dan Khalid Samad tentu berasa marah kepada kerajaan BN pimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad dan didukung oleh anggota-anggota kabinetnya iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datuk Seri Najib Abdul Razak.

Di kalangan pemimpin Pakatan Harapan sekarang, tokoh-tokoh yang menjadi mangsa Operasi Lalang ketika itu, iaitu selain daripa-

da Mohamad Sabu dan Khalid Samad ialah Lim Kit Siang dan Lim Guan Eng dari DAP.

Sementara bekas pemimpin BN yang kini bersama Pakatan Harapan bukannya calang-calang orang tetapi adalah Anwar dan Dr Mahathir sendiri. Kini semua tokoh itu bersama menentang Najib. Walaupun berbeza fahaman dan pendekatan politik, tokoh-tokoh itu, bersama parti masing-masing sudah bermuafakat menyelamatkan Malaysia dengan menghapuskan kleptokrasi. Tentunya kleptokrasi yang dimaksudkan itu ialah kerajaan BN pimpinan Najib.

Ketika berlaku Operasi Lalang itu, Najib adalah Ketua Pemuda Umno yang mengeluharkan kenyataan memberi sokongan kepada tindakan presidennya.

Operasi Lalang akan terus menjadi sebahagian daripada sejarah politik. Ia pasti diperingati oleh mereka yang menjadi mangsa. DAP yang menjadi mangsa dengan pe-

mimpin utamanya ditahan pasti memperingatinya.

Pada waktu itu, Parti Keadilan Rakyat (PKR), AMANAH dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) belum ditubuhkan lagi. Sebahagian pemimpin PKR dan PPBM berada dalam BN sementara sebahagian pemimpin AMANAH adalah anggota Pas.

Apa yang salah tetap salah walaupun ia dilakukan oleh sahabat sendiri. Operasi Lalang itu salah. ISA itu salah. Tindakan kerajaan BN yang didukung Dr Mahathir dan Anwar ke?ka itu adalah salah.

Tetapi itu tahun 1987. Sekarang, 30 tahun kemudian, iaitu tahun 2017, keadaan sudah berbeza. Apa yang sudah lepas itu biarlah berada dalam lipatan sejarah politik. Walaupun mempunyai dasar dan fahaman politik yang berbeza, parti anggota Pakatan Harapan mempunyai matlamat yang sama. Untuk mewujudkan Malaysia yang diurus tadbir dengan baik, demo-

kratik, adil, beramanah dan bebas daripada kleptokrasi. Maka menggantikan kerajaan BN adalah keutamaan.

Jika Pakatan Harapan memerintah, sesuatu tindakan seperti Operasi Lalang dan tangkapan politik seperti yang dibuat di bawah ISA tidak boleh dan tidak akan berlaku. Perkara ini perlu diperingatkan supaya ia tidak berulang. Tetapi politik perlu cukup anjal supaya pendirian seseorang pemimpin dan politik adalah relevan sepanjang zaman.

Setiap manusia dan parti politik boleh berubah untuk menjadi lebih baik, atau buruk. Jika menjadi lebih baik, maka ia perlu disokong. Begitu jugalah sebaliknya. Namun begitu, dalam politik seseorang tidak boleh naif atau bersangka baik secara membuta tuli. Kebijaksanaan dan kearifan adalah penting dalam politik. Tetapi matlamat kena jelas dan kaedah wajar didasari dengan kejujuran.

Perjalanan sejarah BN menjadi

bertambah buruk, dari tahun 1974 ke?ka ditubuhkan hinggalah sekarang. Sejak ia dipimpin Tun Razak Hussein, Tun Hussein Onn, Dr Mahathir, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan sekarang di bawah Najib.

DAP di bawah kepimpinan Kit Siang menentang BN sejak ditubuhkan lagi. Begitu juga dengan sebahagian anggota PKR ketika mereka aktif dalam Parti Rakyat Malaysia (PRM) dahulu. Kebanyakan pemimpin AMANAH mula menentang BN ketika ia dipimpin oleh Dr Mahathir.

Pada masa itu pemimpin AMANAH itu berada dalam Pas. Kemudian pada tahun 1998, kebanyakan anggota PKR memulakan penentangannya terhadap BN. Akhir sekali Dr Mahathir, pada tahun 2017, bersama penyokong-penyokong mereka dalam PPBM mengorak langkah menentang BN. Perkara lepas biarlah menjadi pengajaran tetapi matlamat adalah pada masa depan. ■

Bahagian Kedua

Misi AMANAH makan diri?

KEBANGKITAN AMANAH muncul daripada harapan besar yang diletakkan ke atasnya. Selepas Pas meletakkan titik noktah kepada idea-idea politik progresif dengan kembali kepada wadah konservatif sebagai haluan mereka, dan mencabut sokongan mereka kepada sebuah identiti politik majmuk yang ditampilkan melalui Pakatan selama ini, kemunculan AMANAH memberi kelegaan yang besar.

Untuk pertama kali, kita mempunyai sebuah platform politik yang bersifat progresif, dan menyasarkan golongan terbesar dalam negara; Melayu Islam.

Berhadapan dengan Umno-BN yang bernafas dalam udara masyarakat Melayu Islam konvensional yang secara lahiriahnya cenderung bersifat konservatif, mahu tidak mahu kita memerlukan sebuah organisasi yang boleh bersaing dalam lapangan yang sama. Kita memerlukan sebuah parti politik yang boleh memastikan masyarakat tersebut berasa selamat dan ada pilihan selain Umno. Dahulu peranan ini dimainkan oleh Pas, namun dengan tercabutnya Pas, AMANAH lah yang menggalas peranan ini.

Peranan AMANAH bagaimanapun tidak hanya terhenti sekadar mengaut sokongan masyarakat Melayu Islam tersebut. Sebagai sebuah parti yang mendukung idea dan wadah politik progresif seperti yang diletak dalam kata hikmahnya, AMANAH turut memikul peranan untuk mengubah masyarakat sasaran itu sendiri. Dan di sinilah masalah

mulai muncul.

Masyarakat yang sedia konservatif selepas berkurun disuap dengan agenda-agenda politik yang membantutkan perkembangan fikrah mereka tidak mudah diubah.

Fikrah konservatif dan tertutup tersebut sudah menjadi ruang selesa buat mereka. Struktur dan institusi masyarakat yang wujud dalam negara ini juga sentiasa hanya berperanan untuk memastikan mereka terus begitu; konservatif, jumud, dan tertutup. Idea-idea yang progresif dimomokkan dengan pelbagai gelaran yang tidak enak bunyinya. Dengan demikian sahaja, tugas AMANAH menjadi sukar.

Bagaimana AMANAH mampu untuk melakuan kedua-duanya? Mengubah masyarakat dan dalam masa yang sama cuba memenangi hati mereka (agar boleh menang dalam pilihan raya) adalah tugas yang boleh memakan diri. Mengubah masyarakat ertinya mencabar apa yang sudah dipegang oleh mereka.

Apabila masyarakat sedang dicabar, bagaimana mampu untuk mereka menyukai kita? Walaupun awal kemunculannya menimbulkan impak dan keresahan buat kerajaan dan sekutu-sekutunya, lama-kelamaan impak



tersebut mulai pudar dan surut.

Itu mungkin hanya faktor dalaman kepada merosotnya signifikan AMANAH dalam konteks hari ini. Kalau tidak kerana dihempuk dengan suasana masyarakat yang sedia konservatif, AMANAH mungkin hari ini mampu menjadi parti besar seperti yang seharusnya dan terus segar mendapat sambutan seperti awal kemunculannya. Faktor lain yang lebih jelas menyebabkan kemerosotan impak AMANAH adalah peranannya sebagai parti pilihan buat Melayu Islam sudah diambil alih.

Parti Pribumi Bersatu Malaysia, atau Bersatu muncul dengan mendadak dan sejujurnya, lebih menimbulkan polemik berbanding yang pernah dilakukan oleh MANAH. AMANAH dibebani dengan tanggungjawab untuk menjadi sebuah parti progresif, menafikan diri mereka untuk menjadi populis - Bersatu tidak sebegitu.

Bersatu benar-benar muncul sebagai parti haluan kanan yang menyarungkan wadah konservatif yang lebih kurang sama seperti Umno. Maka sekelip mata, masyarakat Melayu Islam kini mempunyai pilihan yang jauh lebih selesa berbanding AMANAH.

Perkembangan ini akhirnya menghakis peranan AMANAH dalam Pakatan sebagai parti yang boleh menjadi tempat berpaut bagi masyarakat Melayu Islam. Bersatu telah mengambil alih peranan yang sebelum ini digalas oleh AMANAH. Bersatu yang tidak mempunyai tanggungjawab yang sama

seperti yang dipikul AMANAH mampu untuk mendekati masyarakat sasaran ini dengan lebih mudah. Apa lagi ia dikepalai oleh dewa kepada masyarakat Melayu sendiri, Dr Mahathir.

Bersatu tidak mencabar struktur sosial dan cara hidup masyarakat Melayu Islam. Bersatu tidak mengajak masyarakat untuk meninggalkan keselesaan dalam berfikrah yang dimiliki mereka selama ini. Bersatu tidak mengajak masyarakat untuk memikirkan kembali pegangan agamanya. Bersatu mewakili apa yang sudah sedia dipegang oleh masyarakat. Maka kelebihan AMANAH iaitu jalur yang lebih progresif akhirnya menjadi kelemahan mereka dan memakan diri sendiri.

Kalau sahaja AMANAH bersedia untuk menjadi parti yang sama populis seperti Umno, Pas, mahupun Bersatu, AMANAH tidak perlu menyiksa diri sendiri sehingga tidak lagi disambut oleh masyarakat. Namun AMANAH yang terlahir oleh prinsip dan terus hidup juga di atas prinsip, perlu kekal sebegini. Biar pun ia menjadi kelemahan buat AMANAH hari ini, namun ia hanya sementara.

Wadah yang dibawa oleh AMANAH ini memang merugi dan melemahkan buat masa sekarang, namun dari situlah lahirnya misi besar buat AMANAH. Misi inilah yang sebenarnya akan menentukan jatuh bangun AMANAH, dan tidak keterlaluan; jatuh bangun negara ini sendiri.

Benarkah bukan Melayu, Muslim tidak layak jadi pemimpin?

Oleh **MUHAMMAD SYAFIQ AZMI**

ALLAH SWT melalui firman-Nya dalam surah ke 60, Al-Mumtahanah ayat 8: bermaksud: "Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil."

Ini bermakna tidaklah menjadi kesalahan orang bukan Muslim itu dilayan seadilnya selagi mereka tidak memerangi agama Islam. Juga dalam huraian ayat tersebut memberi maksud Muslim tidak pernah ditegah sama sekali untuk memberi layanan yang baik kepada mereka yang bukan Muslim.

Menurut Dr Yusof Al-Qaradawi dalam bukunya Fiqh Daulah Menurut Perspektif Islam, mengikut syarak tiada suatu pun dalil yang melarang yang namanya Muslim untuk mengambil teori ilmiah serta penyelesaian amali yang datangnya dari bukan Muslim.

Lihat saja dalam peperangan Badar bagaimana tawanan perang yang mempunyai kebolehan membaca dan menulis diberikan ruang untuk mengajar anak-anak orang Muslim sekalipun mereka musyrik.

Di dalam pengkisahan perang Khandak, Nabi Muhammad s.a.w. sendiri mendengar pandangan untuk menggali parit yang merupakan antara strategi perang orang Parsi.

Ini kerana hikmah merupakan sesuatu (barang berharga) yang hilang daripada umat Islam. Di mana sahaja dia menjumpainya maka dialah orang yang paling berhak dan layak dengannya.

Ayat 8 dalam surah al-Mumtahanah di permulaan artikel ini, penulis boleh menjawab tentang persoalan pada tajuk perbincangan di atas.

Selain memberi layanan yang adil kepada bukan Muslim dalam pelbagai aspek, adil yang dimaksudkan juga boleh diterjemah dengan kesanggupan perkongsian kuasa di antara Muslim dan bukan Muslim. Keberadaan mereka di dalam dewan Parlimen atau pun Dewan Undangan Negeri bagi konteks politik Malaysia, ia adalah perlu untuk mereka menjadi wakil kepada suara rakyat.

Ini juga adalah jalan untuk mereka terus merasakan mereka adalah sebahagian dari sistem negara yang mereka menjadi warganegara yang sah mengikut lunas undang-undang dalam perlembagaan. Khuatir dengan kesenjangan kesatuan yang masih samar kewujudannya hari ini, bila-bila masa saja

usaha ini mampu dieksploitasi musuh perpaduan dan kemanusiaan.

Dalam kita menjustifikasi kemunasabahan orang bukan Melayu dan bukan Muslim diberi ruang menjadi pemimpin, jangan pula kita lupa melihat corak kepimpinan yang ditonjolkan oleh kelompok Melayu dan Muslim. Apakah dengan kita mempertahankan pemimpin Melayu yang korup itu menjadi jaminan nasib Melayu dan Muslim akan terus terbelah?

Pada 9 Januari 1975, New Straits Times melaporkan pendirian Peguam Negara, Tan Sri Abdul Kadir Yusof berkaitan rasuah yang melibatkan pegawai kerajaan. Beliau menyatakan setinggi mana pun kejujuran pegawai-pegawai kerajaan masih belum mampu memberi jaminan perlakuan rasuah itu tidak akan berlaku. Abdul Kadir berpandangan selagi mana ada yang sanggup memberi sogokan, kejujuran pegawai kerajaan bila-bila masa saja boleh terlebur.

Sarjana yang menjadi rujukan dunia Islam, Al-Ghazali menyatakan kerosakan itu merebak dari atas hingga ke bawah. Begitulah kontradiknya pandangan dan amalannya di antara pemikir hebat dunia dan pemimpin Melayu Muslim yang dari dulu beriman dengan pandangan seperti bekas peguam negara itu.

Maka perdebatan yang kian rancak hari ini

adalah perbicaraan andai berlaku pertembungan antara calon pemimpin Muslim dan bukan Muslim atau Melayu dan bukan Melayu. Ada yang dari awal naratif politiknya berkisar tentang Melayu dan Muslim dominan dalam pengertian diktator, pasti alergi dengan perbincangan seperti di atas.

Ada pihak yang pada awalnya memperkenalkan terma tahaluf siyasi akhirnya mereka sendiri mencabut akar semata untuk bertaawun atas prinsip kepentingan agama dan bangsa. Inilah ragam fikir yang harus didepani untuk melihat karamah insaniah dimartabatkan. Akan ada cabaran hebat dari gerombolan yang ekstrim dalam hidup bermasyarakat. Itu bukanlah sesuatu yang mustahil.

Iktibar yang ditunjukkan oleh pelbagai figur sama ada Muslim atau bukan, sama ada Melayu atau bukan adalah cabaran untuk dipenuhi bersama. Anjakan pemikiran dan perlakuan tidak bisa statik jika mahu melihat negara maju dan sejahtera.

Jika tidak kita akan hidup dibawah penindasan ala zaman kolonial, cuma yang beda watak dan galur penjajah tersebut. Jangan kita hanya merdeka fizikal tetapi mental masih terkurung dan terpenjara.

Memahami makna sebenar masyarakat liberal dan toleran

BERIKUT adalah ucapan Datuk Dr Mujahid Yusof (AMANA-Parit Buntar) ketika bangun membahaskan Bajet 2018 pada 30 Oktober lalu di Dewan Rakyat.

TUJUAN utama manusia diberikan kuasa di bumi adalah untuk memakmurkan dunia ini dengan memastikan keamanan dan kestabilan terpelihara. Sesebuah negara tidak akan tertegak tanpa suasana yang mengembangkannya melalui kepimpinan yang beramanah.

Dalam konteks Malaysia, visi negara bermula dari tahun 1991 diterjemahkan pada usaha mencapai Wawasan 2020 sebagai AMANA pemimpin memakmurkan penduduk negara ini. Dalamnya yang digariskan cabaran secara strategik untuk mencapai HARAPAN rakyat Malaysia.

Pertama: Mewujudkan negara Malaysia BERSATU yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang AMAN, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam HARMONI, berkerjasama sepenuhnya, secara ADIL dan didorong oleh satu BANGSA MALAYSIA yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara;

Kedua: Mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan KEYAKINAN TERHADAP DIRI SENDIRI, bangga dengan apa yang dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah. Masyarakat Malaysia ini mesti dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan, sedar semua kemampuannya, tidak mengalah kepada sesiapa, dan dihormati oleh rakyat negara lain;

Ketiga: Mewujud dan membangunkan MASYARAKAT DEMOKRATIK yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman yang matang, DEMOKRASI Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun;

Keempat: Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, yang mana warga negaranya kukuh dalam nilai agama, dan kejiwaan dan didorong oleh tahap ETIKA PALING TINGGI.

Kelima: Mewujudkan masyarakat LIBERAL dan BERTOLAK ANSUR. Rakyat pelbagai kaum bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing dan pada masa yang sama, meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara;

Keenam: Mewujudkan masyarakat saintifik dan PROGRESIF, mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga menyumbang kepada tamadun

saintifik dan teknologi masa depan;

Ketujuh: Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mana kepentingan masyarakat lebih utama daripada diri sendiri dan KEBAJIKAN INSAN tidak berkisar kepada negara atau individu tetapi di sekeliling SISTEM KEKELUARGAAN yang kukuh;

Kelapan: Pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama di mana wujud perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi. Masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada PENGENALAN KAUM BERDASARKAN EKONOMI dan kesemua kemunduran ekonomi berdasarkan kaum; dan

Kesembilan: Mewujudkan MASYARAKAT MAKMUR yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.

BAJET KRITIKAL

Bajet Negara 2018 kali ini dibentangkan dalam suasana kritikal berlatarbelakangkan beberapa perkara;

- Kita ada dua tahun sebelum 2020 tercapai iaitu menjadi negara maju;
- Pecutan dua tahun terakhir melaksanakan target secara operasi RMK11 (2016-2020);
- Bajet terakhir sebelum pembubaran mandatori parlimen ke-13 (Ogos 2018).

Bagi mengelak sebarang perbincangan tersasar, saya akan menumpukan kepada memberi pandangan dan kritikan saya pada Bajet 2018 berasaskan tiga perkara di atas iaitu Cabaran Wawasan 2020, RMK11 dan pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

CABARAN W2020

Jika kita menyelusuri sembilan cabaran untuk mencapai Wawasan 2020, kita akan dapati negara ini tidak berada pada landasan yang betul. Ini adalah kerana kita tidak mengatasi cabaran di atas dengan set minda yang betul. Saya hanya mengambil tiga cabaran untuk memberi komen pada peruntukan RM280 bilion yang akan dibelanjakan.

A) CABARAN BANGSA MALAYSIA (BOLD)

Ini adalah masalah utama kerajaan (BN) yang hendak membawa cabaran ini apatah lagi mendokongnya. Kepentin-



Dr Mujahid Yusof mengikuti pembentangan Bajet 2018 oleh Perdana Menteri di Dewan Rakyat.

gan politik dan keinginan untuk terus berkuasa meletakkan pencapaian BANGSA MALAYSIA terhalang atas beberapa sebab.

Pertama, gagalannya BN membendung kebangkitan KEBENCIAN KAUM yang kini merebak sebagai barah. Walaupun BN bukan entiti perkauman namun parti yang dominan dalam BN 'dimandulkan' nilai kepelbagaian yang sepatutnya dominan dengan membicarakan isu perkauman berleluasa tanpa satu ketegasan.

Tindakan Pemuda Umno merempuh bangunan Dewan Perhimpunan Cina Selangor kerana menentang tuntutan pilihan raya Suqiu 1999, menghunus keris dalam Perhimpunan Agung Pemuda Umno 2006 oleh ketuanya, memijak kepala lembu (2008) kerana menentang penempatan semula kuil Hindu di Shah Alam, tindakan rasis Ketua Bahagian Umno Sungai Besar Datuk Seri Jamal Md Yunus dan lain-lain kenyataan yang telah melukakan parut perkauman. Di manakah pembentukan Bangsa Malaysia dalam semua ini?

Bangsa Malaysia juga terhalang apabila sesebuah parti politik dijadikan sebagai 'punching bag' untuk menyebarkan lagi kebencian kaum. Saya memberi amaran bahawa menjadikan sesebuah parti sebagai tempat menghamburkan kemarahan walaupun atas motif politik memberi kesan kepada hubungan kaum di negara ini kerana kita masih terjebak lagi dengan identiti politik yang mengaitkan sesuatu parti dengan kaum tertentu.

Apa yang asalnya adalah 'serangan politik' boleh bertukar menjadi serangan kaum yang amat bahaya. Mengaitkan sesebuah parti politik dengan teori konspirasi seperti 'menjadikan Malaysia negara Kristian' agenda rasis, Fasis, konspirasi dengan negara luar dan dominasi sesuatu kaum kononnya

tikan keharmonian tanpa menyekat kebebasan bersuara.

Liberal didefinisikan sewenangnyanya kepada kononnya bahaya pandangan progresif yang menuntut keterangkuman dan menghormati kepelbagaian. Liberal dikaitkan dengan menyamakan semua agama, mencairkan Islam, menyokong LGBT dan tunduk agenda Barat. Sedangkan masyarakat liberal adalah masyarakat yang menghormati kepelbagaian dan menghormati hak masing-masing termasuk hak beragama dalam kerangka perundangan negara dan prinsip keadilan.

Islam menyeru kepada kepelbagaian dan hormat menghormati dalam kerangka yang dizinkan syarak bukan menggalakkan kemaksiatan! Bersikap liberal dalam menilai kepelbagaian bukan menyokong LGBT maupun mencairkan agama.

Masyarakat liberal juga adalah masyarakat yang melihat berbagai pandangan sebagai persaingan ide yang boleh diterima dan ditolak atau dimurnikan.

Islam amat menggalakkan kepelbagaian pandangan ini dan segala penghujahan adalah kayu pengukur menerima atau menolak, bukan menyekat pandangan.

Al Quran menggalakkan pertanyaan walaupun Penciptanya adalah Allah dalam Al-Baqarah: 33, kisah penciptaan Adam yang dipersoalkan oleh Malaikat. Allah menjawab dengan hujah bukan dengan menutup mulut daripada soalan para malaikat.

Apa yang berlaku ke atas penahanan Mustafa Akyol di KLIA baru-baru ini atas tuduhan mengajar agama tanpa tauliah adalah bercanggah dengan semangat dan prinsip kebebasan yang dianjurkan oleh Islam. Pihak autoriti agama memberikan gambaran yang buruk kepada dunia bahawa berdiskusi secara ilmiah pada pandangan yang berhujahkan agama adalah satu kesalahan dan perlu kepada tauliah untuk berbuat demikian.

Program anjuran IRF itu adalah wacana ilmiah yang sifatnya berbagai dimensi dengan hujahan masing-masing bukan majlis membaca kitab di masjid yang sifatnya hitam-putih! Apakah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) yang bertanggungjawab atas penahanan Mustafa Akyol (seorang pemikir Islam Turki) melampaui prinsip artikel 10 Perlembagaan Persekutuan? Malah Datuk Dr Farouk Musa Pengerusi IRF telah didakwa kerana bersubhat membawa pengkuhian yang tidak bertauliah!

Wawasan 2020 meletakkan istilah liberal sebagai kayu pengukur kejayaan bukan masyarakat literal yang kaku.

boleh menghancurkan negara adalah mainan terkotor kerana berjuta rakyat di bawah akan kehilangan peluang mendapat persaingan politik dan tawaran yang terbaik, sebaliknya rakyat dihadapkan politik jijik perkauman dan teori konspirasi yang menimbulkan prejudis dan kebencian.

B) MASYARAKAT LIBERAL DAN TOLERAN (BOLD)

Di manakah masyarakat ini apabila perkataan liberal menjadi terlalu tabu, didefinisikan secara sempit dan dihakmilikkan hanya oleh golongan autoriti agama? Di manakah toleran jika agama diradikalisasikan?

Bagaimana kerajaan mengimbangkan keadaan jika orang di bawah gajinya sendiri dengan berjawatan Penolong Pengarah Kanan Agama Penjara Malaysia memporakperandakan masyarakat Islam dengan pandangan agama yang memecahbelahkan antara mazhab dalam Islam sendiri?

Siapakah melantik orang ini mewakili Ahli Sunnah Wal Jamaah dan mewajarkan semua pandangan ekstremnya? Ironinya orang ini dibawa merata tempat oleh pihak PDRM di bawah Ketua Penolong Pengarah Cawangan Khas untuk 'membangkitkan keganasan'. Bagaimana KDN tidak menapis orang seperti ini sedangkan KDN berada di hadapan sekali membentaras radikalisme dan ekstremisme yang menjadi benih terorisme.

Begitu juga kenyataan Mufti di sebuah negeri di Pantai Timur yang melabel orang bukan Islam tertentu dari parti tertentu sebagai 'kafir harbi' tanpa berfikir panjang kesan dan kewajaran ilmiah pada kenyataan itu. Saya telah mengemukakan RUU atas bil persendirian iaitu Jenayah Kebencian Kaum dan Agama bagi memas-

Hanya satu bilik gerakan PH hadapi PRU14

PASIR PUTEH: Untuk pertama kali dalam sejarah, gabungan parti-parti pembangkang di bawah Pakatan Harapan (PH) akan mewujudkan satu bilik gerakan di semua peringkat.

Pengerusi Pilihan Raya PH Kelantan Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah berkata keempat-empat parti akan bekerja di satu bilik gerakan untuk peringkat negeri, parlimen dan Dun di seluruh negara.

"Dulu hanya BN yang boleh mewujudkan satu bilik gerakan gabungan seperti ini.

"Tapi kali ini Keadilan, DAP, AMANAH dan PPBM akan bekerja dalam satu bumbung bagi menggerakkan jentera pilihan raya ber-

sama di semua peringkat," katanya ketika berucap di majlis penyampaian watak jawatankuasa Dun (JDUN) AMANAH Semarak, baru-baru ini.

Perkara ini katanya telah dipersejuaikan jentera pilihan raya PH di peringkat pusat.

"Insya Allah mesyuarat pertama jentera pilihan raya PH Kelantan yang bakal saya pergunakan minggu depan akan membincangkan kaedah pelaksanaan keputusan ini di negeri Kelantan," katanya.

Mengulas sambutan orang ramai yang semakin rancak kepada gabungan PH, beliau berkata sokongan kepada tiga pihak di Kelantan sekarang kelihatan

setara.

"Berdasarkan pengalaman, saya dapat merumuskan sokongan rakyat Kelantan sekarang kepada PH, BN dan Pas adalah hampir sama iaitu masing-masing disokong 22 peratus.

"Satu pertiga lagi rakyat masih dalam keadaan tunggu dan lihat.

"Mereka akan membuat pemerhatian untuk menentukan sikap apabila hampir pilihan raya berdasarkan calon, isu-isu terakhir, andaian siapa yang akan menang dan faktor-faktor lain," katanya.

Bagaimanapun beliau yakin PH mempunyai peluang paling besar untuk menjadi pilihan mereka yang belum membuat keputusan.

"Walaupun parti-parti dalam gabungan ini adalah baru tetapi peneraju-penerajunya adalah kumpulan berpengalaman yang telah mempunyai rekod kejayaan dalam politik.

"Jentera pilihan raya AMANAH misalnya adalah mereka yang sebenarnya mengendalikan kerja-kerja pilihan raya Pas berpuluh-puluh tahun di peringkat pusat, negeri dan kawasan-kawasan parlimen.

"PPBM pula semua tahu diketuai sendiri Tun Dr Mahathir dan rakan-rakan seangkatan-nya," katanya.



Pengerusi JDUN Semarak Ustaz Ishak menerima watak dari Wan Abdul Rahim.

Lapor SPRM dakwaan bayar untuk dapat anugerah

Oleh **AISHAH HALIM**

IPOH: Pakatan Harapan (PH) Perak, 1 Nov lalu membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung pembayaran dibuat Perbadanan Menteri Besar (MB Inc) dalam isu anugerah Ikon Brandlaureate yang diterima Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Pengerusi AMANAH Perak Asmuni Awi berkata, dalam pertemuan lebih satu jam dengan pihak SPRM, pihaknya turut menyerahkan segala bukti pembayaran bagi membantu SPRM membuat siasatan.

"Saya meminta SPRM membuat penyiasatan secara menyeluruh sama ada terdapat unsur penyalahgunaan kuasa dari pihak MB Inc sendiri di mana Zambry sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah.



Asmuni bercakap kepada pemberita selepas menyerahkan laporan kepada SPRM.

"Ada dua aspek yang perlu dilihat, yang pertama unsur penyalahgunaan kuasa kalau ada, yang kedua

bidang kuasa yang ada pada MB Inc sendiri sama ada mereka ada bidang kuasa di bawah Enakmen Menteri

Besar Negeri Perak untuk membuat pembayaran itu.

"Saya telah serahkan dokumen yang berkaitan bagi membolehkan SPRM mengambil tindakan lanjut," katanya kepada pemberita di luar pejabat SPRM di Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, dekat sini.

Turut hadir Naib Ketua Dapsy Perak Steven Chaw Kam Foon, Setiausaha AMANAH Perak Salman Salleh dan Setiausaha Politik Pengerusi AMANAH negeri, Safarizal Salleh.

Menurut Asmuni, laporan itu dibuat selepas tiada sebarang penafian dibuat pihak MB Inc khususnya Zambry sendiri.

"Saya meminta pihak SPRM membuat siasatan secara telus dan saya nyatakan sampai hari ini saya belum menerima surat saman atau

apa-apa notis dari peguam.

"Saya menanti dan bersedia menerima surat saman daripada mana-mana pihak yang mengatakan nak saman saya. Silakan," katanya.

Pada 24 Oktober lalu, Asmuni mendakwa pemberian anugerah The BrandLaureate Nation Building Brand ICON Leadership Award-Game Changer Icon yang diberikan kepada Zambry pada Ogos lalu, dibayar oleh MB Inc.

Asmuni mendakwa MB Inc membuat pembayaran berjumlah RM381,113.86 bagi membolehkan Zambry menerima anugerah itu.

Presiden BrandLaureate, Dr KK Johan bagaimanapun berkata, pemberian anugerah itu adalah semata-mata berasaskan kepada pencapaian yang ditunjukkan Zambry sebagai pemimpin negeri dan sumbangannya terhadap pertumbuhan serta pembangunan Perak dan Malaysia.

Tanah pangkalan TUDM dimaju syarikat milik pemimpin Umno

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

TASEK GELUGOR: Orang Melayu di negeri ini khususnya dalam kawasan Parlimen Tasek Gelugor dinasihat tidak terpedaya dengan dakwaan sesetengah pihak yang mendakwa kononnya tindakan menjual tanah Pangkalan TUDM di Teluk Air Tawar dilakukan kerajaan Pakatan Harapan (PH) negeri.

Sebaliknya, bekas Ahli Parlimen Tasek Gelugor Datuk Seri Shariff Omar mendakwa ia adalah hasil kerja 'tangan-tangan ghaib' di kalangan pemimpin Umno bagi mengaut keuntungan dengan menggaikan tanah milik kerajaan.

Menurut beliau, cadangan untuk memindahkan pangkalan tentera tersebut tidak datang daripada pemimpin PH sama ada

di Pulau Pinang mahupun di peringkat Pusat.

Oleh itu jelasnya, orang Melayu dinasihat supaya tidak terpengaruh dengan dakwaan itu yang semata-mata bertujuan mengaburi mata rakyat.

Menurutnya, tanah pangkalan TUDM itu terletak berhampiran dengan pantai dan mahu dibangunkan dengan pusat komersial dan kondominium mewah.

"Saya mempunyai banyak bukti bahawa syarikat yang hendak memajukan projek ini juga adalah dimiliki pemimpin Umno.

"Sekiranya siap nanti ia akan bernilai jutaan ringgit dan tidak mampu dibeli oleh orang Melayu apa lagi yang berada dalam kawasan Parlimen Tasek Gelugor.

"Yang lebih pelik ada usaha untuk memindahkan orang Melayu di kawasan perkampungan

mereka di Ara Rendang yang letaknya cuma 10 kilometer dari tapak pangkalan sedia ada," tegasnya ketika ditemui pada program ceramah umum PH, dekat sini, baru-baru ini.

Mantan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang itu menyifatkan pemimpin Umno yang terlibat dalam cadangan pemindahan pangkalan tentera udara itu sebagai pengkhianat orang Melayu.

"Kita jangan terpedaya dengan mainan segelintir pemimpin Umno yang cuba untuk memburukkan kerajaan PH dengan menimbulkan pelbagai dakwaan.

"Sehingga kini kita dapat lihat hanya beberapa kerat sahaja pemimpin Umno yang berani menentang cadangan pemindahan pangkalan tentera udara itu ke kawasan Ara Rendang.

"Sehubungan itu, orang Melayu khususnya penduduk kampung jangan terpedaya dengan

mainan politik segelintir pemimpin Umno yang tamak dan haloba untuk mengaut keuntungan dengan cara pintas," jelasnya lagi.

Beliau juga berkata, banyak lagi pendedahan akan dibuat melibatkan pengagihan tanah di kalangan pemimpin Umno termasuk tanah di Pongsu Seribu.

"Pendedahan demi pendedahan akan dibuat menjelang pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Pembongkaran ini adalah bagi menjelaskan kedudukan sebenar pemimpin Umno yang sering memperalat orang Melayu bagi mendapat sokongan," ujarnya lagi.

Timbalan Pengerusi PPBM negeri itu turut menggesa orang Melayu Pulau Pinang supaya melakukan perubahan politik pada PRU akan datang dengan memilih PH.

Urus sendiri kebersihan pasar Pasir Puteh

PASIR PUTEH: Selepas memotong bekalan air dan elektrik, Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) kini memberhenti-memberhentikan kerja-kerja kebersihan.

Sehubungan itu, lebih 200 peniaga yang bernaung di bawah persatuan peniaga pasar itu bertekad menguruskan sendiri kerja-kerja kebersihan yang ditinggalkan MDPP.

Setiausahanya Ghazali Mamat atau lebih dikenali Abe Bidin berkata, untuk waktu ini peniaga-peniaga bergilir menguruskannya.

Beliau kesal dengan tindakan Unit Amal Pas yang kononnya datang membantu memindahkan peniaga, 27 Oktober lalu namun sebenarnya hanya membantu empat peniaga yang setuju berpindah ke pasar baru.

"InsyaAllah kita akan mengupah pekerja

tetap dengan kutipan dan sumbangan para peniaga," katanya.

"Apa yang menyedihkan mereka telah membuat tindakan hodoh dengan melonggokkan sampah sarap dalam kawasan pasar," katanya selepas mengadakan perbincangan dengan pemuda Pakatan Harapan (PH).

Untuk mengembalikan kekemasan dan keceriaan pasar katanya, gotongroyong anjuran persatuan diadakan pada 1 Nov.



Ghazali Mamat

Sementara itu Ketua Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan berjanji akan terus memberi sokongan dan bantuan kepada para peniaga yang terus menuntut keadilan.



Hazmi mendengar keluhan peniaga tentang sampah yang ditinggalkan Unit Amal Pas.

Pakatan Harapan Perak umum senarai jawatankuasa

Oleh **AISHAH HALIM**

IPOH: Pakatan Harapan (PH) Negeri Perak mengumumkan barisan kepimpinan jawatankuasa gabungan itu, 28 Okt lalu.

Pengumuman itu dibuat Pengerusi PH merangkap Pengerusi PPBM Perak Ahmad Faizal Azumu di Pejabat Bersatu Perak di Bandar Meru, dekat sini.

Ketiga-tiga Pengerusi AMANAH, Keadilan dan DAP dilantik sebagai Timbalan Pengerusi iaitu Asmuni Awi (AMANAH), Senator Dr Mohd Nur Manutty (Keadilan) dan Ngar Kor Ming (DAP).

Manakala Timbalan pengerusi DAP Negeri, V Sivakumar dilantik sebagai Ketua Sekretariat dan Naib Pengerusi Keadilan Negeri Laksamana Pertama (B) Mohamad Imran Abdul Hamid pula sebagai Bendahari.

Jawatan Ketua Pemuda pula disandang oleh Hasnul Zulkarnain Abd Munaim yang juga Ketua Pemuda AMANAH Perak sementara Penolong Setiausaha Publisiti DAP Perak Wong May Ing sebagai Ketua Wanita.

Timbalan Pengerusi AMANAH Perak Datuk



Barisan kepimpinan Pakatan Harapan Perak.

Seri Nizar Jamaluddin dilantik sebagai Pengerah Pilihan Raya dan Naib Pengerusi Keadilan Negeri Chang Lih Kang pula memegang jawatan Ketua Penerangan.

Berikut adalah senarai ahli jawatankuasa PH Perak:

Datuk Ngeh Koo Ham

Wong Kah Woh
Abdul Yunus Jamhari
Dr. Muhaimin Sulam
Dr. Fakhruddin Mohd Hashim
Mohd Ibrahim Hanafiah
Mohd Azni Mohd Ali
Mohd Hafez Mubin Mohd Salleh

Kecewa dengan Umno, lebih 6,000 sertai PPBM

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

PENDANG: Walaupun Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak telah menyediakan pelbagai habuan untuk memancing sokongan rakyat ketika membentangkan Bajet 2018, ia gagal menggugat sokongan rakyat kepada Pakatan Harapan (PH) khususnya di negeri Kedah.

Malah sokongan yang begitu memberangsangkan terbukti apabila 90 peratus daripada 6,700 ahli Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Bahagian Pendang, terdiri daripada bekas ahli Umno.

Perkembangan ini memberi tamparan hebat kepada Umno dan BN di Pendang yang sering mendakwa masih diterima penduduk di kawasan parlimen tersebut.

Demikian dinyatakan Ketua Armada Bahagian Pendang, Mohd Fauzi Ismail.

"Sokongan sehingga mencecah lebih 6,000 ahli ini adalah bukti bahawa Umno semakin tempang di Pendang.

"Mereka sudah tidak mampu untuk menyekat ramai ahli Umno untuk meninggalkan parti, sekaligus memberi kekuatan kepada PH untuk menerobos kubu Umno dan merampas kerusi tersebut dalam pilihan raya umum akan datang," jelasnya lagi.

Manakala itu, Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Negeri Kedah, Abdullah Suady Ramadhan berkata, kerjasama erat antara AMANAH dan PPBM dalam membawa semangat PH begitu utuh.

"Semangat PH yang ditunjukkan di Pendang pada kali ini memberi isyarat jelas kepada rakyat akan kemampuan PH untuk mengambil alih kepimpinan negeri Kedah dan Putrajaya.

"PH bertekad untuk menyelamatkan rakyat daripada gula-gula politik Umno dan BN.

"Sedangkan krisis ekonomi dan kos sara hidup terus meningkat sehingga menyebabkan rakyat sengsara dan derita dalam diam," ujarnya ketika ditemui pada program ziarah tokoh tempatan serta pembentukan jawatankuasa jentera pilihan raya PDM Pulau, baru-baru ini.

Tegas Suady, penduduk tempat khususnya di Pendang amat kecewa dengan janji-janji Umno dan BN khususnya mengenai pembinaan Hospital Pendang yang telah berlarutan sejak 15 tahun.

"Bukan sahaja papan tanda telah usang, malah projek bernilai RM220 juta itu tidak lagi kedengaran," tambahnya.

Masalah subsidi pesawah padi belum selesai

SUNGAI DUA: Isu subsidi benih pesawah padi masih lagi belum selesai walaupun kerajaan melalui Kementerian Kewangan mengumumkan peruntukan RM27 juta bagi menampung keperluan petani.

Masalah dihadapi para petani ini disampaikan kepada Ahli Parlimen Parit Buntar yang juga Pengerusi AMANAH Pulau Pinang Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa.

Dr Mujahid dalam rangka lawatan ke Alor Merah, Sungai Dua bagi bertemu para pesawah.

"Masalah yang sama dihadapi oleh pesawah di seluruh negara khususnya di utara tanah air termasuk Kerian," ujar Dr Mujahid yang juga Naib Presiden AMANAH.

Lawatan kerja pemimpin AMANAH Pulau Pinang di Dun Sungai Dua itu mendapat perhatian golongan pesawah apabila hadir dalam program 'Mengopi bersama AMANAH'.

Selain masalah teknikal, kos benih tanpa subsidi membebankan pesawah ekoran permintaan yang terlalu tinggi.

Dr Mujahid yang ditemui selepas pertemuan itu berkata, kegagalan kerajaan menyalur-



Seorang pesawah mengadu masalah subsidi benih yang membantut tebaran kepada Dr Mujahid.

kan subsidi berpunca daripada masalah kewangan yang dihadapi negara.

Beliau berjanji akan membawa masalah dihadapi pesawah ke sidang parlimen.

Program 'Mengopi bersama AMANAH' anjuran Biro Komunikasi AMANAH negeri

itu diadakan sehingga akhir tahun sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum (PRU).

Pengarah Komunikasi AMANAH negeri Zahar Zainol mengetuai program tersebut.

Komisyon balak diguna untuk beli Wisma Tok Guru

Oleh ZIKRI ABDULLAH

KUALA KRAI: Kelulusan kawasan balak seluas 5,500 ekar kepada tiga syarikat yang dimiliki orang sama didedahkan sebagai modus operandi untuk membiayai pembelian tapak Wisma Tok Guru.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Kelantan, Datuk Husam Musa berkata, beliau dimaklumkan secara jauh bahawa salah seorang Adun Kelantan telah mengutip sejumlah wang daripada pengarah syarikat terbabit.

Sebahagian wang ini digunakan untuk membeli tapak tanah Wisma Tok Guru, dedah beliau ketika berucap di majlis dialog di Lakloh, dekat sini, 27 Okt lalu.

Beliau mempersoalkan asas 5,500 ekar hutan Kuala Pahi diluluskan kepada tiga syarikat yang dimiliki oleh orang yang sama.

"Khazanah hutan dan tanah untuk perladangan baharu negeri Kelantan semakin pupus.

"Kelulusan baharu sepatutnya dibuat secara tender terbuka yang telus demi meningkatkan hasil negeri untuk faedah rakyat Kelantan.

"Juga dengan cara memilih syarikat yang layak dengan kemampuan kewangan yang tidak diragui bagi mengelakkan kroni dan Ali Baba mengambil kesempatan mengaut kekayaan dengan mudah atas harta rakyat," katanya.

Lebih penting lagi menurutnya, hutan dan tanah yang semakin berkurangan di negeri itu patut diutamakan kepada rakyat jelata untuk dibangunkan demi meningkatkan ekonomi.

"Isu yang saya akan bangkitkan kali ini adalah kelulusan hutan tanah kerajaan untuk perladangan sawit seluas 5,566 ekar di Mukim Kuala Pahi, Daerah Batu Mengkebang, Jajahan Kuala Krai kepada tiga syarikat yang dimiliki oleh orang yang sama.

"Ia diluluskan oleh kerajaan negeri melalui Akademi Yakin yang belum diketahui terma-termannya.

"Akademi Yakin dipengerusikan Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Abdullah," ujar Husam.

Menurut beliau, syarat ini terkandung dalam surat Pengurus Operasi Akademi Yakin bertarikh 3 Oktober 2016.

"Berdasarkan syarat ini, boleh difahami selepas perjanjian ditandatangani, syarikat-syarikat ini bebas menjual kawasan yang diluluskan kepada pihak ketiga," katanya.

Tambah Husam, adalah pelik satu daripada syarikat itu hanya ditubuhkan pada 5 Ogos 2016 dan sembilan hari kemudian iaitu pada 14 Ogos, syarikat terus memohon untuk berusaha sama dengan Akademi Yakin.

"Pada 25 September 2016 iaitu 42 hari selepas permohonan itu dibuat, Jawatankuasa Teknikal Pelaburan Akademi Yakin

Bil 3/206 telah secara dasar meluluskan permohonan ini.

"Semakan data-data di Suruhanjaya Syarikat menunjukkan syarikat ini tidak mempunyai apa-apa kenyataan kewangan bagi membuktikan mereka mempunyai kemampuan kewangan memajukan ladang berkenaan.

"Bahkan tercatat, bentuk perniagaan sebagai 'dormant' atau syarikat yang tidak aktif sahaja," ujarnya.

Husam menambah, syarikat kedua mencatat kerugian selepas cukai bagi tahun 2016 sebanyak RM3.7 juta manakala syarikat ketiga yang dimiliki orang yang sama hanya ditubuhkan pada 16 Mei 2016.

"Juga tidak mencatatkan apa-apa mengenai kewangan termasuk kemampuan kewangan," katanya.

Beliau yakin kelulusan ini telah dirancang oleh orang politik sebelum permohonan dibuat.

"Adalah meragukan bagaimana syarikat yang baru ditubuhkan sehari dua sebelum permohonan dibuat, dengan mudah mendapat kelulusan sebegini besar jika ia tidak diatur dengan persetujuan pihak berkuasa terlebih dahulu.

"Dengan latar belakang syarikat yang tidak mempunyai pengalaman perladangan mahupun kedudukan kewangan yang kuat mampu mendapat kelulusan yang besar sebegini, ia menimbulkan tanda tanya mengenai niat sebenar kelulusan ini dibuat," katanya.

Beliau menimbulkan persoalan kenapa

kelulusan 5,566 ekar ini dipecahkan kepada tiga syarikat walaupun pemiliknya adalah orang yang sama dengan syarikat pertama memperoleh 1,478 ekar, syarikat kedua (2,000 ekar) dan syarikat ketiga (2,088 ekar).

Tambah beliau, semakan peta Google yang dibuat menunjukkan kawasan 5,500 ekar Mukim Kuala Pahi, Daerah Batu Mengkebang, Jajahan Kuala Krai mempunyai kepadatan hutan yang tinggi.

"Berapa nilai balak-balak yang ada di sini? Bolehkah Kerajaan Pas Kelantan berlaku telus?"

"Amalan biasa, syarikat yang berjaya mendapat kelulusan ladang akan diberi izin untuk menebang dan menjual balak-balak yang ada dalam kawasan mereka. Jadi, orang ini akan mendapat dua kali durian runtuh," jelas beliau.

Menurut Husam, pemilik tanah akan menjadi kaya raya dengan balak-balak yang ada dalam kawasan itu dan mungkin terus menjual balak dan tanah ladang yang mereka perolehi kemudiannya.

Menurutnya, kawasan hutan yang diluluskan ini adalah termasuk dan berdekatan dengan kawasan perkelahan dengan jeram atau air terjun yang cantik.

"Air Terjun Lata Berangin termasuk dalam kawasan yang diluluskan dan berdekatan pula dengan Hutan Lipur Lata Tembakah. Adakah kesan ekologi kepada tarikan semula jadi ini diambil kira?" soal Husam.

AMANAHA Kubang Kerian lapor polis provokasi Pas

KUBANG KERIAN: Ugutan Pas Kelantan untuk memasuki Wisma Tok Guru pada 16 November seperti dilaporkan sebuah akhbar tempatan 29 Okt lalu dianggap satu provokasi.

Sehubungan itu, Ketua AMANAH Kawasan Kubang Kerian Fauzi Mohamad membuat laporan polis pada 30 Okt lalu.

Menurut beliau, kenyataan Setiausaha Perhubungan Pas Kelantan Datuk Che Abdullah Mat Nawi yang mengerah ahli-ahli Pas supaya berhimpun beramai-ramai pada tarikh tersebut tidak harus dipandang ringan.

"Perbuatan ini adalah satu tindakan provokasi yang boleh menyebabkan pecah keamanan dan huru hara.



Fauzi, Dr Abdul Halim dan aktivis AMANAH Kubang Kerian selepas membuat laporan polis.

"Tindakan Pas ini adalah pramatang serta mendahului proses perundangan kerana hartanah

tersebut masih lagi dalam pertikaian mahkamah di mana kesnya masih lagi dalam perbicaraan di

kedua-dua mahkamah syariah dan sivil," katanya.

Tanah tapak Wisma Tok Guru katanya masih dalam prosiding di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu manakala di Mahkamah Tinggi Kota Bharu satu tuntutan sivil telah dibuat bagi mendapatkan perintah injunksi untuk mengekalkan status quo berkait kedudukan hartanah tersebut.

Menurutnya, adalah tidak wajar pihak Pas mengambil apa-apa tindakan yang boleh mengganggu proses keadilan di Mahkamah Syariah mahupun di Mahkamah Sivil.

"Secara perundangannya tiada kaitan antara Pas dan hartanah terbabit kerana tanah tersebut adalah di atas penama pihak

ketiga.

"Pas tidak pernah dinamakan sebagai benefisiari dalam pendaftaran hartanah tersebut.

"Tindakan tersebut jelas membelakangi undang-undang Malaysia dan merupakan satu provokasi yang boleh mencetuskan pecah keamanan, huru hara dan pergaduhan," katanya.

Fauzi berharap laporan polis itu diambil perhatian dan tindakan supaya satu penyiasatan dimulakan bagi mencegah sebarang kejadian buruk daripada berlaku.

Turut hadir mengemukakan laporan polis ialah Naib Pengerusi AMANAH negeri Prof Datuk Dr Abdul Halim Yusof dan beberapa aktivis AMANAH Kawasan Kubang Kerian.

Kanun desak tunjuk bukti perjanjian jual beli

KUALA LUMPUR: Biro Undang-Undang (Kanun) AMANAH mencabar Pemuda Pas mendedahkan butiran perjanjian jual beli tanah bangunan Wisma Tok Guru bagi membolehkan semua pihak khususnya para waris mendapat maklumat tepat berhubung penjualan tanah tersebut.

Timbalan Pengerusinya Wan Anwar Wan Ibrahim berkata, Kanun melahirkan kecurigaan terhadap status pembeli

tanah tersebut yang mendakwa sebagai pemegang amanah Pas negeri kerana tiada sebarang catatan 'pemegang amanah' di atas geran hak milik tanah tersebut.

Kanun juga memandangkan serius tindakan Pemuda Pas yang membuat provokasi melampau di perkarangan Wisma Tok Guru pada 22 Okt lalu.

"Tindakan Pemuda Pas berkumpul

beramai-ramai dengan diketuai Ketua Pemuda Pas Pusat, Muhammad Khalil Abdul Hadi dan Ketua Pemuda Pas Kelantan Ahmad Fadhli Shaari bagi memasang bendera Pas di pekarangan Wisma Tok Guru adalah suatu tindakan samseng dan tidak mencerminkan doktrin atau prinsip matang dan sejahtera.

"Kanun menegaskan bahawa Pemuda Pas seharusnya mendukung prinsip kedaulatan undang-undang. Kanun menyatakan

bahawa berdasarkan prinsip ekuiti, AMANAH Kelantan telah menduduki tanah tersebut dengan kebenaran tuan punya asal malah telah mendapat kebenaran bertulis daripada penama tanah dan tuan punya asal tanah tersebut," ujar Wan Anwar.

Kanun bagaimanapun yakin AMANAH Kelantan mampu untuk mempertahankan Wisma Tok Guru berdasarkan prinsip ekuiti yang diamalkan di Malaysia.

Jangan undang 1MDB kedua

KUALA LUMPUR: Cadangan pindaan Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 yang membenarkan menteri terlibat dalam penubuhan syarikat dan pada masa sama terlibat dalam perantikan anggota perbadanan, boleh menimbulkan konflik kepentingan.

Mohamed Hanipa Maidin (AMANA-H-Sepang) berkata, oleh kerana harta intelek mempunyai dana yang besar termasuk geran kerajaan, ia boleh mewujudkan suatu keadaan 'bahaya' apatah lagi Seksyen 8 memberi kuasa kepada menteri untuk mem-bahentikan mana-mana anggota tanpa perlu memberi alasan.

Mengambil contoh apa yang berlaku terhadap syarikat pelaburan kerajaan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Hanipa berkata ia perlu diambil pengajaran bagaimana kuasa menteri boleh digunakan untuk



Mohamed Hanipa membaca teks Bajet 2018 yang dibentangkan Perdana Menteri, 27 Okt lalu.

kepentingan tertentu.

"Saya percaya bahawa Menteri terlibat

banyak dalam akta ini. Maka sebab itu kita sepatutnya mengurangkan kuasa Menteri, bukan kita semakin beri lagi kuasa yang lebih besar. Saya hendak beri contoh yang lain.

"Berdasarkan akta ibu ini seksyen 34(1), perbadanan boleh meminjam wang dan peminjaman itu mestilah mendapat persetujuan daripada Menteri dan juga Menteri Kewangan. Begitu juga seksyen 34(2), Jadi ini semua menunjukkan bahawa kuasa Menteri ini begitu luas," katanya.

Mencelah kemudiannya, Ahli Parlimen Bukit Katil Shamsul Iskandar Mohd Akin, melahirkan kebimbangan bahawa pindaan ini hanya akan mengulangi apa yang berlaku terhadap 1MDB.

"Yang Berhormat Sepang bercakap dengan penuh semangat mengenai Jho Low dan sebagainya.



"Adakah Yang Berhormat Sepang berasa bimbang dengan pindaan ini, kita akan melahirkan lagi dua, tiga orang Jho Low dan syarikat-syarikat yang akan membebankan kita," soalnya sambil dipersetujui oleh Hanipa.

Khidmat kerusi roda KLIA patut diberi percuma

KHIDMAT kerusi roda di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2 sepatutnya diberi percuma kepada penumpang yang memerlukan ekoran pelbagai bentuk cukai yang harus dibayar oleh penumpang.

Berucap membahaskan Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2017 di Dewan Rakyat 23 Okt lalu, Dr. Siti Mariah Mahmud (AMANA-H - Kota Raja) berkata, lapangan terbang di negara lain memberikan khidmat kerusi roda secara percuma sedangkan Malaysia mengenakan bayaran.

"Kalau kita tengok di KLIA2, jarak perjalanannya adalah jauh daripada gate-nya, daripada tempat masuk kita check-in itu sendiri. Jadi, perlu bayar dan kadang-kadang perlu booking lebih awal.

"Sekiranya seorang itu mengalami masalah di mana dia tidak memerlukan kerusi roda sepanjang masa tetapi adakalanya dia memerlukan kerusi roda oleh sebab ada masalah otot, saraf dan sebagainya, kita tidak

boleh dapatkan kerusi roda pada masa itu," katanya memohon penjelasan pihak Kementerian khususnya daripada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM).

Dr Siti Mariah turut mempersoal tindakan penyelesaian yang diambil pihak MAVCOM terhadap semua aduan yang diterima mereka, setelah tiga tahun berfungsi.

Apatah lagi jelasnya, penumpang sudah membayar cukai yang bukan sedikit untuk menggunakan khidmat yang disediakan.

Sekalipun khidmat buggy disediakan, namun katanya, kadang kala penumpang terpaksa menunggu lama sehingga ramai mengambil keputusan untuk berjalan kaki walaupun mengalami masalah kesihatan.

"Jadi apa MAVCOM telah buat. Masalah kerusi roda ini bukannya baru, sudah lama. Jadi takkanlah tiga tahun tidak boleh selesai lagi masalah kerusi roda.

"Takkan tidak boleh buat satu peraturan yang boleh diikuti oleh syarikat-syarikat perniagaan untuk memberi servis ini dengan

percuma," soalnya sambil menceritakan pengalamannya diberi khidmat percuma kerusi roda ketika tiba di lapangan terbang di Istanbul.

Potong cukai tidak perlu

Sementara itu ketika membahas akta sama, Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad (AMANA-H-Kuala Terengganu) mempersoal mengapa Malaysia mengenakan pelbagai jenis cukai berbanding negara-negara lain.

Ini katanya termasuk cukai pelancongan, cukai lapangan terbang, APSS atau cukai keselamatan, dan cukai pelepasan.

"Saya hendak sebut di sini contoh, Cartagena Airport di Colombia dengan pemotongan airport tax pada tahun 2013, kedatangan pelancong ke negara itu telah meningkat pada tahun 2014-2015.

"Di negara kita sendiri apabila airport tax di Kota Kinabalu dinaikkan pertumbuhan pelancongan telah menjadi negatif. Inilah hakikat yang perlu kita sedari," katanya.

Pada masa sama, beliau mempersoal

campur tangan MAVCOM terhadap syarikat penerbangan swasta.

"Konsep langit terbuka adalah untuk memberi syarikat swasta menentukan destinasi utamanya yang difikir baik kerana mereka-lah yang akan menanggung untung dan rugi.

"Yang membimbangkan kita pada hari ini adalah MAVCOM pula hendak main peranan penentu dan seolah-olah menjadi pengarah pemasaran syarikat penerbangan swasta dan industri pelancongan," katanya yang mahu polisi itu dikaji semula.

Kerajaan Malaysia tegasnya, perlu melihat kepada persaingan daripada negara-negara jiran seperti Indonesia, Vietnam dan Kemboja apabila industri pelancongan dan penerbangan mereka berkembang pesat ketika ini.

Apatah lagi jelas beliau, penyelidikan pemasaran Tourism Malaysia sendiri menjangkakan pertumbuhan pelancongan yang akan sampai di Malaysia akan menjadi negatif dalam jangka masa terdekat.

Pinda Akta Perbadanan Harta Intelek hanya tambah beban kerajaan

BEBERAPA pindaan terhadap Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002, yang dibentangkan di Dewan Rakyat 24 Okt lalu hanya akan membebankan kewangan negara di samping wujud elemen pertindihan tugas.

Dr Mohd Hatta Md Ramli (AMANA-H - Kuala Krai) menyifatkan cadangan pindaan itu bukan suatu keperluan mendesak.

"Ini boleh juga menyebabkan 'overlap' (pertindihan). Kita difahamkan kerajaan punya dasar Blue Ocean Strategy yang kalau boleh pelbagai kerja itu disatukan di bawah satu badan.

"Jadi kalau kita makin menubuhkan lebih banyak syarikat untuk bersaing sesama sendiri, saya rasa ini tidak boleh menjimatkan perbelanjaan kerajaan dan

tidak semestinya menjadikan ianya lebih efisien," katanya.

Menurut Mohd Hatta, peruntukan 34 dalam akta sedia ada sudah cukup memberikan kuasa bagi membolehkan Perbadanan Harta Intelek untuk melaksanakan semua tanggung jawabnya.

"Saya khuatir ianya akan menjadi satu lagi urusan yang melebarkan dan membesarkan lagi struktur di dalam kerajaan kita yang akan memberatkan lagi tanggung jawab kerajaan dan tidak semestinya membawa pulangan yang lebih baik.

"Kemungkinan ada di sana nanti salah guna kuasa dalam perniagaan, akan timbul isu kerugian, salah guna peruntukan dan sebagainya," katanya sambil meminta cadangan pindaan itu dikaji semula.

Dewan Rakyat digesa siasat paparan logo BN

KEMUNCULAN lambang daging BN selepas pembentangan Belanjawan 2018 oleh Datuk Seri Najib Razak, 27 Okt lalu menimbulkan tanda tanya.

Kasthuri Patto (DAP-Batu Kawan) malah menggesa agar perkara tersebut disiasat. "Selepas ucapan beliau (Najib Razak) lambang BN terpapar dalam skrin di Dewan Rakyat. Adakah tindakan ini wajar dan dibenarkan di dewan yang mulia ini?

"Saya memohon budi bicara agar siasatan diadakan untuk mengenal pasti bagaimana logo sebuah parti politik boleh ada dalam dewan semasa persidangan," katanya.

Menurut beliau, itu adalah kali pertama

logo BN terpampang di Dewan yang mulia ini.

"Ketika pembentangan perdana menteri mengungkapkan inisiatif dan insentif, bendera BN dipaparkan di skrin tersebut.

"Ia adalah belanjawan negara bukannya belanjawan BN.

"Adakah ini bererti BN sudah terdesak dan menggunakan apa sahaja cara untuk menunjukkan logo mereka kepada rakyat?" soalnya dalam sidang media di lobi Parlimen, 30 Okt lalu.

Desakan supaya perkara itu disiasat dipersetujui Timbalan Speaker Datuk Ismail Mohamed Said.

Bebaskan negara dari pemikiran perkauman

DARI MUKA 22

TOLERANKAH masyarakat kita apabila kerajaan mengheret rakyat dalam polemik Rang Undang-Undang Akta 355 (RUU 355) yang menyaksikan budaya label melabel atas nama agama? Permainan apakah ini sehingga sebuah parti Islam terjebak dalam perangkap permainan politik yang amat berbahaya?

Asalnya hanyalah satu akta yang mahu dipinda, tiba-tiba menjadi 'medan perang' antara Islam Iwn Anti-Islam. Ahli Parlimen Islam 'wajib' sokong, tolak RUU 355 adalah anti-hudud, MP bukan Islam diam!, jikalau tolak mati akan masuk jirat Cina, munafiq, liberal dan lain-lain. Takfiri atas nama agama tular dalam media sosial hanya kerana RUU 355 yang mahu ditingkatkan hukumannya.

Saya mengatakan Kerajaan BN bertanggungjawab sepenuhnya terhadap polemik ini, kerana beberapa sebab.

Kerajaan harus jujur isu perundangan Islam bukan terletak pada RUU 355 tetapi masalah penguatkuasaan serta pentadbiran dan pengurusan sumber manusia Mahkamah Syariah yang perlu ditangani secara holistik.

Berhenti bermain tarik tali permainan politik dengan parti tertentu atas nama RUU 355 dan kembali kepada inisiatif kerajaan memperkenalkan apa juga bentuk pindaan yang lebih menyeluruh dan berobjektif dalam perundangan Syariah.

Kerajaan seolah membiarkan semangat perbahasan di parlimen dihampakan dengan melebarkan lagi jurang antara Muslim dan non-Muslim sedangkan proses demokrasi berparlimen memberikan hak untuk dibahaskan oleh semua pihak sebagai perkara perundangan dan bukan persoalan akidah yang mewajibkan batal kekufuran antara dosa atau pahala mahupun halal atau haram.

Polemik RUU 355 adalah kes awalan yang amat buruk dibuka pintunya oleh BN dan sekaligus memecahbelahkan masyarakat berbagai kaum di bawah sana. Kita menjadi tidak toleran dan keras.

c) Masyarakat Demokratik

Negara dalam Wawasan 2020 mensasarkan sebuah masyarakat yang bukan sahaja demokratik, tetapi matang dengan mengekalkan kesetiaan kepada negara sebagai faktor penyatu.

Malaysia terbina atas keyakinannya terhadap prinsip demokrasi. Perjalanan kita sepanjang 61 tahun melalui kejelasan Bapa Kemerdekaan dan tokoh Pembina Negara adalah AMANAH yang dipikul oleh pewaris negara bertuah ini.

Kita hanya perlu melihat indikator sama ada tercapai atau tidak status masyarakat demokratik yang matang. Saya menggunakan 11 indikator untuk menilai kejayaan sama ada tercapai atau tidak wawasan ini yang merangkumi:

1. Hak sivil
2. Hak ekonomi dan sosial
3. Penyertaan sivil dan politik
4. Parti politik
5. Pilihan raya yang adil dan bebas
6. Kedaulatan undang-undang
7. Kawalan polis dan tentera
8. Akauntabiliti kerajaan
9. Rasuah
10. Media
11. Tindak balas kerajaan (Government responsiveness)



Anggota parlimen pembangkang pada sesi pembentangan Bajet 2018 di Dewan Rakyat 27 Okt lalu.

Secara jujurnya banyak isu melalui indikator ini yang menjadikan demokrasi di Malaysia masih jauh perjalanannya.

Pertama, undang-undang menekan semakin disalahguna.

Kedua, kebebasan pilihan raya, keber-tanggungjawaban tidak terlaksana, korupsi dan kleptokrasi, serta media yang tidak bebas.

Tak perlu saya mengimbau dan mendalami isu harta negara yang disalahgunakan sehingga didakwa berlaku kecurian besar-besaran. Respons amat mendukacitakan apabila suara rakyat dinafikan untuk mendapat jawapan yang telus dan bertanggungjawab.

Apakah ini masyarakat yang kita mahu jika kerajaan yang diamanahkan tidak mengikut panduan-panduan yang melahirkan sebuah masyarakat demokratik yang matang. Kita tidak punya masa.

Saya tidak yakin bajet ini boleh dijayakan dalam suasana perisian (software) yang pincang malah membawa kita jauh dan melambatkan cita-cita negara dalam mencapai Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Tun Mahathir Mohamad sejak tahun 1991 lagi.

Rancangan Malaysia ke-11 (bold)

Di manakah kita dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) sebagai 'blue print' pembangunan yang didasari oleh Model Ekonomi Baru? Perlu diingatkan semua Rancangan Malaysia perlu membantu ke arah mencapai dasar-dasar yang digariskan selama 10 tahun bagi setiap dasar.

Dari DEB kepada Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Dasar Wawasan Negara dan kini Model Ekonomi Baru (2011-2020). Saya akan mengkritik berdasarkan kepada tujuan utama segala perancangan ini dibuat oleh pemimpin awal negara yang malangnya gagal difahami oleh generasi pewaris yang memerintah.

Tun Dr Ismail menyebut:

"...but unfortunately the Malays themselves have tended to give the impression consciously or unconsciously that it is a sign that the Malays are placed superior to other races in the country. The biggest mistake that the Malay made was to coin the term Bumiputra because the term tended to convey an entirely different meaning to what was intended for the special position of the Malay" (Tun Dr Ismail Papers letters 23, Feb 1970)

Tun Ghazali Syafie pula menyebut:

"The successful implementation of this plan say 20 years will create a Malaysian society in which the races will be less identified with vocations and environment with social groups interacting among themselves in purposeful inter-relations...the emergence of new system values and norms providing for a new solidarity-based social behaviour and social order as a result of calculated and conscious plan" (Tun Ghazali Syafie, August 1971).

Di mana kita dari wawasan hebat untuk negara berbilang kaum dan agama ini? Kerangka pembangunan kita masih lagi dalam 'kerangka pemikiran perkauman' dengan menimbulkan keadaan rasa tidak selamat (insecure) antara kaum di negara ini. Melayu terasa terancam apatah lagi NGO yang berhaluan kanan memainkan perasaan ini. Kaum Cina merasakan hak mereka dicerobohi manakala orang India merintih keadaan mereka tidak diperjuangkan. Cara perasaan ini disalurkan adalah melalui tingkatnya kadar perkauman sempit dan radikal agama kerana perasaan 'insecure' (tidak selamat) pada jati dirinya, agamanya dan kaumnya.

Pembangunan kita tidak menangani isu korupsi dan ketelusan maka ketirisan berleluasa dan umpama air diisi dalam baldi dengan hasrat memenuhinya tetapi sentiasa berkorangan sebab baldi itu kebocoran. Budaya buruk ini cuba ditangani dengan alasan menampung kantong negara maka GST diperkenalkan.

Suasana kondusif seperti kenaikan gaji, produktiviti dan dasar buruh yang progresif tidak diperkenalkan terlebih dahulu sudapudun dibebankan 6% kadar cukai. Tahap keberhutangan yang tinggi pula menimbulkan persoalan apakah kutipan GST kembali kepada rakyat atukah hanya untuk membayar hutang?

PRU KE-14

PRU adalah proses demokrasi bagi meneruskan mandat rakyat untuk memrintah negara tanpa mengira mana-mana parti yang menang. Melaungkan retorik PRU adalah demokrasi, kita jangan lupa memaknai demokrasi juga adalah meneruskan pendemokrasian dengan menginstitusikan usaha pengislahan itu sendiri.

Transformasi politik telah jauh ketinggalan dan ia bukan alasan seperti yang disebut oleh Pekan kononnya untuk menumpukan 'economic reform' (reformasi ekonomi) dahulu. Bukankah 'econo-

mic reform' itu sendiri ditampung oleh suasana demokrasi yang kondusif, telus dan ada kawalan terhadap keber-tanggungjawaban?

'Power' atau kuasa wasilahnya adalah politik, dasar ekonomi dibuat oleh mereka yang berkuasa, bagaimana kuasa hendak digunakan jika cara mendapat kuasa itu tempang dan penuh kediktatoran?

"What corrupts from the begining corrupts at the end."

Saya mencadangkan parti-parti politik yang ingin berada di persada kuasa dibuat reform melalui perundangan pembiayaan parti-parti politik. Rakyat dan para pengundi mahu parti politik dikawal dari mana sumber kewangannya kerana mereka adalah pengundi parti-parti ini.

Rakyat diberi peranan menentukan dana awam mengawal parti-parti ini untuk menghindari parti-parti politik menjadi sasaran pihak berkepentingan atau parti politik dan kepimpinannya menjadi bahan komoditi dipasarkan untuk mendapat habuan tertentu.

Kita mendengar ketua-ketua bahagian parti politik berkuasa menghimpun harta dengan menggunakan kuasa politik dan atas alasan menyumbang kepada parti. Kitaran 'supply dan demand' (permintaan dan penawaran) ini perlu dihentikan dengan memperkenalkan perundangan pembiayaan parti-parti politik.

Contohnya sesebuah parti akan mendapat pembiayaan dana awam mengikut undi yang diperolehi dengan kadar tertentu. Satu had jumlah maksimum ditetapkan dan jumlah diterima parti-parti boleh dibahagikan antara Federal dan Negeri.

Parti boleh menerima dana tetapi hendaklah diperundangkan agar ada mekanisme ketelusan.

Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) hendaklah mengisytiharkan harta mereka secara akuan bersumpah setiap tahun bagi membuktikan ia tidak menjadikan kedudukannya sebagai komoditi untuk kepentingan para pemodal.

Reformasi ini penting agar rakyat lebih yakin kepada politik kepartian dan berasa bertanggungjawab berpartisipasi kerana dana awam menentukan pembiayaan parti-parti politik. Selain itu masalah korupsi dan kuasa dapat dikawal.

Reformasi politik juga memerlukan penglibatan wanita dalam politik sebagai suara dalam persada kuasa. Kajian Penang Institute tentang WOS (Woman Only Seat) perlu diterjemahkan dalam kuota tanpa tandingan agar suara wanita diberi kedudukan yang wajar. Pergelutan wanita dalam politik kepartian mungkin menyukarkan mereka untuk berada di persada, jadi peruntukan kerusi khas wanita di Dun atau Parlimen boleh melonjakkan keterlibatan berkualiti suara wanita.

Jikalau rakyat dikemukakan dengan polisi dan advokasi yang mengunjur ke hadapan dalam suasana pendemokrasian berterusan, saya yakin rakyat akan mendapat pilihan lebih baik dalam menentukan parti manakah yang boleh membawa aspirasi mereka.

Cukuplah aspirasi yang dipaksakan ke atas mereka dan kita hanya perlu 'menggunakan' mereka tanpa partisipasi bermakna dari akar umbi.

KE MUKA 28

A budget to game everyone

By **Dr DZULKEFLY AHMAD**

YES, despite being overly comprehensive and ostensibly an "inclusive" budget, I would have to call it a "mumbo-jumbo" budget of trying to do "everything".

It depicts aptly of a desperate finance minister fighting for his survival to be re-elected as the prime minister.

So, despite not being able to increase the 1Malaysia People's Aid (BR1M) handout or pay a month bonus to civil servants, is it still an election budget?

The answer is yes! But why? Well, because bonuses and BR1M are a "blanket cash hand-out".

Meaning, it is given across the board to both Barisan Nasional and opposition supporters. And mind you, to seven million recipients.

A lot of money for an increase, surely. So, not much of a smart move to secure votes. That is not going to help Najib Razak win the 14th general election. Hence, no good reason to do it.

But on closer examination, you will see a

more "targeted cash handout", selectively given to Najib's "captive voters" (fixed-deposit type) or for those whom he hopes to secure support.

Remember, the way to Putrajaya because of the 'malapportionment' in the electoral design is still through the kampung and rural constituencies. Hence, among the targeted groups are invariably:

a) Farmers, rubber tappers, padi planters, smallholders... RM6.5 billion (including RM2.3 billion fertilisers and input, RM340 million replanting rubber and oil palm trees, RM500 million irrigation, RM200 per month for three months before harvesting);

b) Orang Asli (RM60 million);

b) Felda (RM60 million replanting, RM43 million Cess, RM164 million second-generation housing);

c) Malaysian armed forces (RM14 billion), including RM40 million to upgrade five hospitals, build four polyclinics and hospitals for veterans;

d) Police (RM9 billion) and navy (RM900 million); and,

e) other specific target groups.

So, Najib tries to play it smarter and be more focused in injecting the "feel-good factor".

This is despite being handicapped by fiscal constraint and space, due to huge government debts and the risk of being downgraded by rating agencies.

Looking at the entire Najib budget, you can't help noticing that this is a "front-loaded cash budget" for the elections.

Payout to be done early as to induce the desired outcome. The real financial burden on the big-ticket items are put at the back-burner until after the elections.

How will he be funding for all those items is for now irrelevant, as much as it is anybody's guess. If Najib can't balance the books, he will of course resort to more borrowing, hence more debts will be incurred.

Most of the spending is also not in the actual budget anyway, that is, in "off-budget" spending or perhaps slated for his imminent "supplementary budget". This is irresponsible and despicable!

Najib's penchant for mega-infrastructure projects makes him unable to resist announ-

cing all the MRT2 Line costing RM32 billion and MRT3 or Circle Line (ready for 2025), LRT 3 project linking Bandar Utama to Johar Setia, Klang, West Coast Highway costing RM5 billion and many other infrastructural spending.

After all the pronouncement on big spending, one wonders whether Najib could still talk of reducing the fiscal deficit to 2.8% of GDP?

Let's get real! It augurs well for Malaysia if Najib is to take the World Bank's advice seriously on the fiscal deficit, for fear it may blow up going forward.

In the final analysis, one can't help thinking that it is a budget meant to appease everyone, on some, more than others.

While the perennial problems of productivity and leakages in the economy and the high cost of living are not directly addressed, will Najib be successful in appeasing the majority of voters this time? Unfortunately, only the GE14 will tell.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad is Strategy Director of Parti Amanah Negara.**

Landslide in Penang and pollution in Johor, why a different?

By **TEO NIE CHING**

AROUND 1.8 million residents in Johor Baru, Kulai and Kota Tinggi have been affected by a major water supply disruption last Saturday, after operations at three water treatment plants were stopped due to high ammonia levels found in their raw water from the Johor River.

The million-dollar question is: will anyone be held responsible for the inconvenience caused by the major water supply disruption?

Yes, Johor State Government has directed a poultry farm and a factory that converts manure into fertiliser located along the Johor River to close down, after identifying the facilities as being responsible for pollution that disrupted water supply.

But that is far from sufficient.

According to Johor Health, Environment, Education and Information Committee chairman Ayub Rahmat, this was the third incident of ammonia pollution and based on Syarikat Air Johor (SAJ) investigation, it was caused by the same chicken droppings processing factory.

So my question is, what actions have been taken when the first and second incidents of ammonia pollution occurred?

Not only that, Ayub Rahmat also said that the Department of Environment (DOE) previously did not support the approval in the Preliminary Assessment Site (PAT) to proceed with the project in the area.

Penang Government was heavily criticized for approving Tanjung Bungah affordable housing project despite DOE's disapproval. Penang State Government has explained that it was because it received the approval from the Department of Minerals and Geoscience (DMG), the agency responsible for mining activities as well as slope and soil stability and DOE has no objection to the Tunku Abdul Rahman College project, which located adjacent to the accident site and just as close if not nearer to the quarry in question.

So now, can Johor State Government be as transparent as Penang State Government and provide reasons why the project was allowed despite DOE's disapproval?

In a report by the New Straits Times (NST), director for Johor's DOE Mohammad

Ezanni Mat Salleh said based on checks conducted by DOE staff at the farm since the previous case of pollution last year, the factory did not adhere to proper storage techniques for its fertiliser.

Whose responsibility is it to ensure that the factory adhere to the requirements imposed? And why operating licence was issued or the factory was allowed to operate before it adhered to all technical requirements?

Kulai District Land Administrative Office issued a 7A notice for violating terms under Section 129 of the National Land Code to the owner in September last year, two months after the previous big case of ammonia pollution in July last year, for violating its land usage terms under the National Land Code 1965. The notice required the owner to return to the original terms for land use.

Kulai District Officer Md Za'nal Misran said after the first notice was issued, investigations were carried out, and Kulai District Land Administrative Office continued to monitor the premises, but the owner did not adhere to it.

However, Kulai District Land Administrative Office waited till September this

year, to issue its second notice known as 7B under Section 129 of the National Land Code 1965, which is a showcase notice that required the owner to give his reason why he did not revert to the original terms of the land usage.

Why does it take so long to issue the 2nd notice to the operators? Looking at the limited information available now, can we not say the water supply disruption could have been avoided if the state government had adhered to the advice of the relevant agencies and prevailing rules and guidelines?

In Penang, an Exco was detained by MACC in illegal factory probe. My question to Ministry of Natural Resources and Environment, MACC and all Federal Government Agencies is, will Johor State Government also be subject to the same degree of scrutiny like Penang State Government and if Johor State Government is prepared to be as open and transparent as Penang State Government when dealing with public outrage on the issue?

■ **Teo Nei Ching is MP for Kulai.**

DARI MUKA 27

MAQASID SHARIAH

Alhamdulillah, falsafah Maqasid disebut oleh Pekan dalam mukadimah berfalsafahnya, namun Maqasid ada dua landasan iaitu 'maqasid umum' manakala satu lagi ialah 'maqasid khusus'.

Dalam urusan bersiasah, ada maqasid khusus tentang persoalan urusan harta dan kewangan di mana tujuan utamanya atau maqasidnya adalah mencapai kesejahteraan hidup untuk rakyat teramai melalui dasar yang penuh amanah, bertanggungjawab dan ketelusan. Sebab itu Islam melarang rasuah dan kleptokrasi.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Janganlah kamu makan (ambil harta) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada para hakim kerana hendak memakan sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa, padahal kamu mengetahui ianya kesalahan." (Al Baqarah: 188)

Begitu juga harta kekayaan hendaklah dipulangkan kepada rakyat yang terbanyak bukan berlegar pada kelompok tertentu sahaja.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Supaya harta itu tidak berlegar di kalangan orang yang kaya di kalangan kamu..." (Surah al-Haysr: 7)

Itulah bezanya falsafah maqasid dari pen-

gamatan kami bahawa rangsangan ekonomi dengan melegakan bebanan rakyat dari GST ke dalam pasaran agar terangsang bagi lonjakan ekonomi rakyat sebenar dan sekaligus membanyakkan korporat untung dan kemudian diagihkan semula dalam bentuk cukai pendapatan korporat. Begitu lah maqasid ekonomi yang terangsang secara adil dan kerajaan akan menikmati pendapatan yang lebih besar melalui konsep ligaran wang ke pasaran domestik.

Kita akan berbabas lagi di peringkat Jawatankuasa untuk menilai ringgit dan sen ke manakah ia dibelanjakan dan bagaimana ia diperturukkan kerana di situlah 'ibu segala masalah' yang ruangnya diselina masuk

bala-bala ketirisan dan manusia yang hidupnya pakar dalam tiris meniris ini.

Saya tutup dengan kata-kata Al Rumi, pujangga Sufi Agung:

"Tingkatkan perjuangan anda bukan tinggikan suara anda kerana bukanlah guruh itu yang memberi kehidupan kepada bunga di bumi tetapi hujanlah yang menyuburkan bunga-bunga itu..."

Guruh petir Bajet 2018 sama sekali tidak akan menghasilkan kesuburan yang diidamkan, rakyat menanti hujan yang akan menyuburkan negara ini dengan disusuli mentari cerah dengan laungan Malaysia Baru untuk semua.

Sekian, Parit Buntar menolak Bajet 2018.

Menentang kemungkaran politik

BILA berdepan dengan berbagai kemungkaran dan keonaran politik, negara memerlukan kesedaran tinggi di kalangan warganegara. Dengan semangat sivil, para ulama dan cendekiawan golongan terpelajar ini perlu tampil ke depan untuk memimpin kesedaran di kalangan rakyat jelata.

Para ulama dan cendekiawan mempunyai tanggung jawab besar untuk memimpin pemikiran rakyat tidak cuma membisu dan mendongkol berhadapan dengan berbagai masalah negara. Peranan golongan ulama-cendekiawan di setiap institusi dan organisasi mencerahkan pemikiran rakyat adalah suatu yang amat didambakan.

Siddiq Fadzil dalam makalah yang berjudul Misi Kecendekiawanan Dalam Reformasi Islahi menulis:

(start italic)"Cendekiawan, ilmuan, intelektual dan ulama harus memiliki keberanian bersikap, keberanian menyatakan benar, dan keberanian menghadapi risiko. Keberanian ulama silam seperti al-Imam Ahmad ibn Hanbal, ʿIzzuddin ibn ʿAbd al-Salam, Ibn Taymiyyah dan lain-lain seharusnya menginspirasi kebangkitan



PENDAPAT
MOHD ANUAR TAHIR

kecendekiawanan dengan semangat sahaja ʿat al-ʿulamāʾ (keberanian para ulama). Sudah sekian lama kita terbelenggu dalam budaya takut (culture of fear) dan budaya bisu, membiarkan pelbagai kezaliman dan kemungkaran yang berlaku di hadapan mata. Al-sukut ʿan al-munkar (membisu terhadap kemungkaran) adalah satu pengkhianatan intelektual.

"Ilmuwan harus berakhlak dengan sifat zuhud dalam pengertian tidak tersihir dengan pesona dunia, baik berupa harta, pangkat, gelar atau lain-lain sejenisnya. Ilmuwan harus ikhlas dalam erti ketulusan hati semata-mata demi mencari keredhaan Allah, bukan mengejar populariti, publisiti atau citra selebriti. Ilmuwan juga harus memiliki sifat ʿizzah, menjaga maruah,

kehormatan dan kekayaan. ʿIzzah tidak bererti membesarkan diri atau angkuh. Kerana itu ia tidak bertentangan dengan sifat tawadūʾ yang juga menjadi bahagian daripada akhlaq al-ʿulamāʾ." (end italic)

Hari ini kita melihat jumlah golongan terpelajar sama ada yang berkhidmat di pusat-pusat pengajian tinggi atau di perkhidmatan awam tidak berani bersuara, malah ada kalanya bersekongkol dengan pihak berkuasa tatkala berdepan dengan rakyat. Agak aneh memikirkan orang kampung yang tidak berpendidikan tinggi kadang-kadang lebih berani daripada mereka.

Barangkali golongan mustadʿafin yang tidak mempunyai pengajian tinggi itu tidak punya sebarang kepentingan duniawi berbanding dengan para penjawat tinggi yang berkot dan bertali leher. Barangkali golongan ulama-cendekiawan ini berasa sudah cukup beragama dan beriman dengan penampilan pakaian keagamaan dan amal ibadah ritual yang cukup kuat. Bagi mereka amal soleh itu cukup sekadar amalan-amalan agama secara peribadi.

"Para ulama-cendekiawan meletak-

kan pembebasan manusia (dalam erti liberation) dari segala bentuk ketertindasan dan ketidakadilan sebagai bahagian besar dari amal soleh. Walhal sistem tauhid yang ada pada Islam itu sentiasa mengembangkan sikap keberagamaan sebagai projek kemanusiaan, yakni menafsirkan perilaku kesolehan bukan sekadar pendekatan diri kepada Allah SWT dalam perspektif ritual tetapi lebih dari itu. Kesolehan itu wujud secara konkrit dalam bentuk penyelesaian, persoalan-persoalan sosial dan pembebasan kaum tertindas dari segala bentuk penindasan." (Wacana Islam Progresif, Sudarto, Jogjakarta, 2014)

Saya amat berharap agar Parti Amanah Negara akan dapat memainkan peranan yang berkesan untuk menggerakkan seluruh elemen dan seluruh unsur cendekiawan ulama untuk memainkan peranan menggerakkan pendidikan rakyat untuk mempertahankan kepentingan warganegara.

Pedagogi untuk kumpulan tertindas yang dipopularkan oleh Paulo Freire, di mana peranan kaum cerdik pandai untuk tujuan pencerdasan umat masih tetap relevan di alaf baru. Gerakan yang mengumpulkan kebangkitan

baru di kalangan para ulama dan asatizah Nadwah Ulama Li Nahdah Al-Jadidah (Nunji) yang sudah masuk ke tahun yang ketiga, para pengarah syariah dan jawatan kuasanya di seluruh negara hendaklah mengisi ruang menumbuhkan kesedaran di kalangan ulama-intelek agar berada di barisan depan.

Keadaan negara hari ini, dengan segala rencam isu yang melanda, menuntut kumpulan ulama-intelek ini bergerak lebih pantas, sentiasa selangkah di hadapan di atas pentas gerakan politik terbuka bagi mencerah dan mencerdaskan pemikiran umat.

Segala ilmu yang ditimba, sama ada di dewan-dewan kuliah, pembacaan buku dan makalah, wacana ilmiah dan lain-lain, haruslah diterjemah kepada umat teramai.

Berhadapan PRU14 yang disebut sebagai 'ibu segala pilihan raya', yang mungkin diadakan dalam masa terdekat ini, saya merasakan inilah masa terbaik untuk para ulamak-intelek ini bereksperimentasi untuk kemaslahatan ummah dan masa depan negara.

Mohd Anuar Tahir ialah Setiausaha Agung Parti Amanah Negara.

Pernyataan pembelaan Editor Sarawak Report dedahkan peranan Nasharudin

Berikut disiarkan sedutan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas Editor Sarawak Report, Clare Rewcastle-Brown terhadap saman Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang di Mahkamah London berhubung dakwaan Pas menerima wang daripada Perdana Menteri bersumberkan dana 1MDB. Terjemahan bebas oleh Mohd Nor Samad.

MAKLUMAT bermula di muka 50

26.4 Lebih RM200 juta telah dibayar kepada Nasharudin (Datuk Dr Nasharudin Mat Isa) oleh atau bagi pihak Najib Razak untuk membiayai secara sulit program mempromosikan kumpulan ulama yang diketuai oleh Penuntut (Claimant).

26.5 Berjuta ringgit telah digunakan untuk membiayai program Pas yang dianjurkan dalam 2014 dan 2015 oleh puak konservatif dalam Pas di Selangor, Kelantan, Kedah dan di tempat-tempat lain, bagi menonjolkan kumpulan ulama bagi menguasai Muktamar 2015. Ia dibiayai secara sulit menggunakan wang ini yang diperolehi daripada Najib dan Umno.

26.6 Program-program ini telah menentang kumpulan pro-ulama dan pro-Umno dalam Pas. Mereka juga turut menonjol dan mempromosikan Penuntut, sebaik sahaja beliau dilantik sebagai Timbalan Presiden Kesatuan Ulama Dunia yang diumumkan dalam bulan September 2014. Antara program yang dibuat ialah Persidangan Ulama Dunia dalam bulan Mac 2015 yang dihoskan oleh Penuntut di Rusila dalam kawasan parlimen Terengganu yang diwakilinya.

26.7 Pembiayaan secara sulit terus dibuat sepanjang 2015 dan selepas itu, termasuk Muktamar Agung dalam bulan Jun 2015 dan program-program seperti Himpunan Istiqamah Sampai Kemenangan dalam bulan Jun 2015, Himpunan 60K/Himpunan Fastaqim dalam bulan Oktober 2015,



Himpunan Anak Muda Istiqamah (HAMASAH 2015), September 2015, Himpunan Bantah TPPA, Januari 2016, RUU di Padang Merbok, Februari 2017 dan Persidangan Perpaduan Muslim Antarabangsa, Kota Bharu, Julai 2017.

26.8 Pimpinan kanan Pas yang menerima bayaran secara sulit bersumber daripada Najib termasuk Takiyuddin bin Hassan (Ahli Parlimen Kota Bharu dan Setiausaha Agung Pas), Nik Mohamad Abduh (Ketua Pemuda), dan Ahmad Samsuri Mokhtar (Setiausaha Politik Penyaman).

26.10 Nasharudin telah mempamerkan

kekayaan baru yang diperolehinya dengan membeli kenderaan yang berharga tidak kurang RM1.5 juta (termasuk sebuah BMW 525 berharga RM388,000, kereta Mini berharga RM230,000 dan Toyota Velfire berharga RM200,000 serta hartanah termasuk sebuah rumah di Bangi Selangor bernilai RM3 juta yang dibeli secara tunai. Beberapa orang MP dan pimpinan kanan Pas turut membeli kereta mewah, rumah baru, kawin dua dan tiga, dan membelanja lebih daripada pendapatan dan harta yang dimiliki sebelumnya.

26.11 Dengan cara ini, Timbalan Menteri Besar Kelantan, Mohd Amar Nik

Abdullah telah memiliki banyak kenderaan mewah, termasuk Range Rover, Audi 6, Toyota Velfire dan Toyota Altis dan membina beberapa buah rumah untuk ahli keluarganya. Mursyidul Am, Hashim Jasin membeli sebuah kereta Porsche Cayman. MP dan Ketua Penerangan Khairuddin Aman Razali menghadiahkan kepada isteri keduanya kereta Audi 7 berharga RM500,000.

Ketua Penerangan Pas, Nasrudin Hassan Tantawi membeli Toyota Velfire berharga lebih RM300,000. Setiausaha Majlis Syura, Nik Muhammad Zawawi Nik Salleh memiliki Mercedes mewah dengan nombor plat PAS 9 berharga RM100,000 dan kereta mewah Audi. Takiyuddin bin Hassan, MP Kota Bharu, yang juga Setiausaha Agung Pas, memiliki sebaris kereta mewah dan juga sebuah motorsikal mewah, termasuk Volkswagen Passat yang berharga lebih kurang RM160,000 dengan nombor plat peribadi TAK 11, yang bernilai sehingga RM100,000, Muhammad Khalil, Ketua Pemuda Pas, memiliki motorsikal mewah, BMW. Mokhtar Senik, pengerusi Dewan Ulama Pahang memiliki sebuah Mercedes mewah dan sebuah Toyota.

Bajet 2018 PH berhemah, mesra rakyat

KUALA LUMPUR: Belanjawan Alternatif 2018 yang dibentangkan Pakatan Harapan (PH) 25 OKt lalu memberi fokus kepada pengurangan bebanan rakyat melalui penjimatan perbelanjaan kerajaan daripada pembaziran, rasuah serta penghapusan cukai GST.

Bertemakan "Belanja Berhemah, Potong Cukai, Pilih Harapan", cadangan belanjawan ini menyasarkan kumpulan berpendapatan rendah bandar dan desa, golongan petani, nelayan, masyarakat FELDA, golongan wanita dan kumpulan masyarakat minoriti.

Belanjawan Alternatif 2018 ini turut menyatakan komitmen menaikkan royalti bahan api sebanyak 20 peratus kepada negeri Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Majlis pembentangan dilancarkan Presiden PH, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bersama para pemimpin PH di Bilik Taklimat Parlimen.

Berdasarkan unjuran Keluaran

Dalam Negeri Kasar (KDNK) 2018 berjumlah RM1,426 bilion, belanjawan alternatif ini mencatatkan nilai defisit rendah sebanyak RM29.08 bilion jauh lebih baik berbanding UMNO-BN yang berjumlah RM41.02 bilion.

Ia turut menyatakan nisbah sebanyak 77:23 perbelanjaan mengurus dan pembangunan iaitu RM200.16 bilion dan RM58.35 berbanding Umno-BN sebanyak RM285.50 bilion dengan nisbah perbelanjaan mengurus dan pembangunan 80:20.

Berikut adalah 10 intipati Belanjawan Alternatif 2018 PH:

- Cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dimansuhkan yang menjurus kepada penurunan dalam kos sara hidup ke atas semua rakyat Malaysia di segenap lapisan.

- Penjimatan sebanyak RM20 bilion hasil daripada usaha dan dasar-dasar mengelakkan pembaziran dan membanteras rasuah.

- Pelaksanaan gaji minima RM1,500 di seluruh negara.

- Kemudahan kepada penghutang PTPTN yang masih belum mendapat pekerjaan dengan gaji di bawah RM4,000 sebulan.

- Pelaksanaan skim perumahan – sewa milik (rent to own) – yang akan membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia memiliki rumah sendiri.

- Suntikan dana pembangunan RM75 bilion buat penduduk Sabah dan Sarawak.

- Lima pembaharuan untuk FELDA selain jaminan tiada lagi campur tangan politik dalam pengurusan organisasi tersebut.

- Peruntukan untuk perkampungan baru masyarakat Cina dinaikkan kepada RM60 juta daripada RM20 juta oleh BN pada masa ini.

- Penyediaan dana RM2 bilion kepada masyarakat India dengan faedah serendah empat peratus dan RM200 juta bagi menggiatkan NGO kebajikan sosial kaum itu.

- Kaum pekerja wanita akan menerima cuti bersalin 120 hari dengan paras gaji yang setara dengan kakitangan lelaki. – *Roketkini.com*

Belanjawan alternatif PH 2018 mesra wanita

BAJET Alternatif 2018 yang dibentangkan Presiden Pakatan Harapan (PH) dianggap 'mesra wanita' dan membuktikan komitmen gabungan pembangkang itu untuk memberdayakan golongan wanita.

Ketua Angkatan Wanita AMANAH Negara (Awan) Dr Siti Mariah Mahmud berkata, bajet itu mampu membantu rakyat menghadapi tekanan kos sara hidup yang terus meningkat.

Bajet alternatif bertemakan 'Belanja Berhemah, Potong Cukai, Pilih HARAPAN' itu, katanya diyakini mampu memulihkan masalah cukai regresif yang menindas serta salah urus tadbir yang belum berjaya dipulihkan oleh kerajaan Umno-BN.

"Ada dua perkara penting yang menunjukkan kesungguhan PH membantu rakyat iaitu soal gaji dan pemberdayaan wanita yang mana topik ini cukup dekat dengan perjuangan saya selama ini.

"Dalam bajet ini, selain langkah PH memperkenalkan gaji minimum RM1,500, apa yang lebih menarik adalah tawaran kadar gaji yang sama untuk pekerja wanita dan lelaki berbanding sebelum ini yang mana telah menjadi halangan serta faktor yang mencipta jurang antara dua kelompok itu," ujar beliau.

Dr Mariah turut memetik statistik RM2,500 purata gaji lelaki berbanding RM2,398 gaji wanita sebulan.

Jelas wujud jurang ketara dalam hal ini, yang katanya membawa satu lagi masalah lain iaitu kekurangan peluang kepada pekerja wanita untuk memegang jawatan di peringkat pegawai kanan dan juga profesional.

Walau bagaimanapun, beliau yakin PH bukan bertindak populis dengan membuat tawaran tersebut kerana kesannya akan ditanggung oleh para majikan.

Sehubungan itu, beliau menyambut baik komitmen PH untuk membentuk mekanisme baharu dengan menjanjikan pembiayaan gaji tersebut sebanyak 50 peratus dalam tempoh tiga tahun.

"Selain itu, tawaran PH untuk merangka undang-undang baharu bagi melindungi hak pekerja wanita dari segi kesamarataan pendapatan dan kebajikan mampu meringankan bebanan tugas dan emosi yang berlaku ketika ini.

"Antaranya, adalah melanjutkan cuti bersalin daripada 90 hari kepada 120 hari dengan gaji penuh dan boleh dilanjutkan 60 hari tetapi dengan gaji separuh dalam sektor kerajaan," ujar beliau.

Bagi memastikan keistimewaan ini turut dilaksanakan dalam sektor swasta, PH katanya menawarkan insentif kepada sektor itu untuk menerima piawaian ini dalam tempoh 5 tahun pelaksanaan.

PH katanya turut memberi pilihan kepada pekerja wanita untuk menukar separuh cuti mereka kepada 'cuti paternity' bagi suami turut membantu isteri menjaga cahaya mata yang baru lahir.

"Pendekatan ini bukanlah asing kerana turut dilaksanakan oleh negara-negara membangun seperti Singapura yang memberikan dua minggu 'cuti paternity' dan juga sektor swasta iaitu CIMB yang memberi 30 hari.

"Saya percaya tawaran PH ini merupakan satu inisiatif ini mampu memberi

sokongan moral dan motivasi kepada para isteri yang baru melahirkan cahaya mata," jelas Ahli Parlimen Kota Raja itu.

Beliau berpendapat, Bajet Alternatif kali ini mewujudkan set langkah-langkah proaktif PH dan bukan hanya sekadar 'belanjawan populis' yang sering diuar-uarkan oleh pihak yang gagal dalam membawa penyelesaian kepada masalah rakyat.

Dr Mariah yakin PH sentiasa komited dalam usaha memberdayakan wanita dan gaji yang lebih baik untuk rakyat Malaysia.

10 INTIPATI BELANJAWAN RAKYAT 2018

UNDI PAKATAN HARAPAN HARAPAN UNTUK RAKYAT



HAPUS GST
Mansuhkan cukai GST yang membebankan rakyat



PENDIDIKAN PERCUMA
Bantu penghutang PTPTN & pendidikan percuma untuk rakyat



GAJI MINIMA
Pelaksanaan gaji minima RM1,500 di seluruh negara



RUMAH MAMPU MILIK
Skim sewa beli untuk semua rakyat memiliki rumah



HAPUS RASUAH
Jimat RM20 bilion daripada dasar hapus rasuah



FELDA
Hapus campurtangan politik dalam FELDA



HAPUS TOL
Hapuskan tol dengan beli balik konsesi



ROYALTI MINYAK
Naikkan royalti minyak Kelantan, Terengganu, Sabah & Sarawak 20%



GOLONGAN WANITA
Cuti bersalin 120 hari & paras gaji yang setara dengan kakitangan lelaki



SABAH & SARAWAK
Dana pembangunan RM75 bilion buat penduduk Sabah dan Sarawak



#BelanjawanRakyat
@pakatanharapan.my
@pakatanharapan_

Belanjawan Alternatif PH akan hapuskan GST

PAKATAN Harapan (PH) akan memansuhkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) jika mengambil alih kerajaan selepas pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Dalam Belanjawan Alternatif PH 2018, Presiden PH Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail berkata, cadangan menghapuskan GST bukan tindakan populis tetapi berakar umbi dalam keperluan untuk meremajakan penggunaan.

"Niat kami adalah untuk mengembalikan RM25.50 bilion ke dalam ekonomi dan membantu meringankan situasi suram ekonomi bagi semua orang," katanya.

Wan Azizah yang juga Presiden Keadilan juga berkata, PH turut bercadang mengurangkan perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak penting dan mengurangkan anggaran belanja beberapa kementerian, khususnya Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Sejajar dengan itu, kami akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menghapuskan pembaziran dan rasuah, dengan itu mewujudkan anggaran yang lebih telus dan bertanggungjawab," katanya.

Selain itu, PH berjanji akan menghapuskan semua caj tol yang dikenakan kepada rakyat dan membeli semula semua konsesi lebuhraya.

Ia dilihat lebih efektif daripada terus membayar pampasan berbilion ringgit kepada syarikat konsesi.

Selain itu, ia akan dapat mengurangkan kos-kos perjalanan dan pengangkutan.

BELANJAWAN 2018 PAKATAN HARAPAN	BAJET 2018 BARISAN NASIONAL
PAKATAN HARAPAN UMUM	BARISAN NASIONAL TIRU
Hapus semua tol	Hapus cuma 5 tol
Hapus GST	Mansuh GST untuk komik & beberapa perkara lain
Cuti bersalin 120 hari	Cuti bersalin 90 hari
TAWAS (laksana di Selangor sejak 8 tahun lepas)	ADAM50 (baru nak laksana)
Subsidi petrol dikembalikan	Harga petrol tetap naik

Bajet bertopeng Islam rosakkan umat dalam diam

BAJET 2018 yang dibentangkan pada Jumaat, 27 Okt lalu mengandungi retorik Islam yang begitu ketara sehingga ianya memuahkan. Memuahkan kerana ianya retorik semata-mata.

Retorik ini bertujuan memberikan kepada pentadbiran Pekan satu 'topeng keislaman' selari dengan strategi Umno/BN yang ingin terus membantu Pas untuk memberi alasan kepada ahlinya dan rakyat jelata mengapa ia tidak berdamai dengan Pakatan Harapan (PH) dan sebaliknya akan sama ada bersendirian atau bersama dengan Umno/BN.

Mesej utama yang ingin diperkukuhkan dalam menghadapi pilihan raya umum (PRU) ke-14 adalah Umno kononnya semakin Islamik dan PH pula kononnya dikuasai DAP yang kononnya memusuhi Islam.

Oleh itu kita dapati retorik berhubung Islam melalui kupasan Maqasid Syariah, lima matlamat utamanya dan pengenalan takrif dharuriyat, haajiyat dan tahsiniyat dikemukakan secara panjang lebar oleh Pekan dalam bajet kali ini.

Begitu ironis apabila bajet yang digelar 'ibu segala bajet', dibentangkan oleh 'bapa segala skandal' dan bajet ini cuba dihiaskan sehingga diperlihatkan sebagai bajet yang islamik sedangkan pentadbiran Pekan masyhur sebagai sebuah kerajaan kleptokrat. Sedangkan tiada apa-apa manfaat kepada Islam atau umatnya melalui usaha mengaitkan Islam dengan bajet ini selain dipalitkan Islam dengan korupsi dan salah guna kuasa oleh pentadbiran Pekan seperti yang diketahui umum.

Dengan bertindak bertopengkan Islam, matlamat pertama Maqasid Syariah, iaitu menjaga Agama (*Hifzud Deen*), dengan sendirinya telah gagal dipenuhi Najib!

Menjaga agama bukan sekadar membina masjid, sekolah agama atau mengucapkan perkara-perkara yang indah (*lip service*) terhadap Islam. Dan jauh sekali dengan menimbulkan ketegangan antara Muslim dan bukan Muslim atas alasan mempertahankan 'ketuanan Melayu dan Islam'. Menjaga agama termasuk menjaga imej Islam sebagai agama yang menuntut keadilan, ketelusan dan pertanggungjawaban pemimpin terhadap rakyat! Menjaga agama termasuk menjaga imej Islam sebagai agama pembawa rahmat yang menolak korupsi dan penerimaan duit haram yang diperolehi melalui penyelewengan dan rompakan!

Di dalam Surah An-Nahl ayat 94, Allah berfirman yang bermaksud;

"Dan jangan kamu jadikan perjanjian yang

“

...Istilah-istilah Islam yang diungkap Najib ketika membentangkan Bajet 2018 tidak boleh menutup hakikat bahawa pentadbiran kleptokrat beliau sebenarnya mencemarkan imej Islam.

kamu meterai antara kamu sebagai bahan mainan dan tipu-helah. Akan tergelincir kaki kamu setelah berdiri tegap. Dan akan dicampakkan kehinaan ke atas kamu kerana kamu menjadi sebagai dinding menghalang manusia dari mengenali jalan Allah! Maka oleh itu, untuk kamu seksaan yang dahsyat."

Ayat ini jelas memberikan amaran kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat r.a. supaya jangan melakukan perkara yang keji kerana ini akan mencemarkan imej Islam dan akan menyebabkan manusia berpaling dari jalan Allah. Maka bagaimanakah pentadbiran Najib, yang membentangkan bajet ini, walaupun siap dengan segala solekan Islamnya mampu



menjaga agama? Sedangkan apa-apa kaitan pentadbirannya dengan Islam akan hanya mencemar nama baik Islam dan menyebabkan ramai berkata, "Apa punya agama Islam ini yang membenarkan rasuah dan penyelewengan serta penindasan ke atas rakyat?"

Maka saya rayu kepada Pekan, kalau ingin merompak sekalipun bersama penyokong-penyokong kamu akan kekayaan negara ini, paling kurang jangan sekali-kali melakukannya sambil bertopengkan Islam! Jagalah imej Islam!

Matlamat Maqasid Syariah yang lain kesemuanya turut terpinggir. Bagaimana dikatakan 'menjaga akal' atau '*Hifzul aqal*' sambil akal manusia muslim Melayu dipenuhi ketakutan dan permusuhan serta pemikiran perkauman? Bagaimana akal boleh berfungsi dengan baik, memilih yang lebih diredhai kalau sentiasa dihantui ketakutan dan permusuhan yang sengaja diada-adakan?

Menyeru umat untuk terus menyokong pentadbiran yang korup dan tidak amanah, atas alasan kononnya Melayu dan Islam terancam adalah satu pembohongan yang menodai akal yang waras sehingga berfikiran sempit dan songsang. Hakikatnya umat sepatutnya diseru ke arah sebaliknya, iaitu untuk berani menolak rejim yang korup, rosak dan merosakkan demi untuk mengembalikan maruah bangsa dan agama!

AMANAHA sering dituduh berdiri bersama golongan bukan Islam untuk menentang orang Islam dan kaum sendiri. Sebenarnya yang kami tentang adalah rasuah dan penyelewengan dan sepatutnya umat Islam berkumpul bersama membantu kami. Malangnya mereka dirasuki pemikiran ketakutan dan prejudis sehingga sanggup berdiri bersama si zalim yang menindas dan merompak mereka. Sebaliknya yang bukan Islam pula yang bersama menentang rasuah dan penyelewengan!

Namun Alhamdulillah, keadaan ini sedang berubah, dan dengan kadar yang semakin pantas, bukan kerana usaha kerajaan BN tetapi

kerana kami istiqamah menentang kezaliman dan penyelewengan sambil berdoa kepadanya.

Matlamat ketiga menjaga nyawa termasuk menjaga kehidupan manusia sehingga terserlah '*karamatil insaaniiyyah*' atau kehormatan dan kemuliaan manusia. Bagaimana ini boleh tercapai dalam keadaan kebanyakan rakyat terpaksa bekerja keras, siang dan malam, demi survival semata-mata? Sedangkan menjaga nyawa atau '*Hifzul*

LAUT BUDI TEPIAN AKAL

KHALID SAMAD



Dan lebih-lebih lagi amat jelas kegagalan Najib dalam soal '*Hifzul Mal*'. Seorang '*kleptomaniac*' sudah pasti tidak akan mampu menjaga harta rakyat. Amat memmeranjatkan apabila kedengaran Arul Kanda akan dilantik sebagai CEO Khazanah! Adakah setelah merompak negara melalui 1MDB maka beliau sekarang ini ingin

diberikan terus kunci-kunci perbendaharaan? Tidak cukup perompakan secara tidak langsung sehingga sekarang ini ingin diberikan kepadanya laluan untuk merompak secara langsung?

Dan begitu juga persoalan kegagalan Pekan dalam soal menguruskan Mara, Yapiem, Felda dan sebagainya! Setelah merosakkan institusi-institusi ini dan menjunamkan nilai Ringgit serta menghasilkan hutang negara yang menggugun, adakah sesiapa yang waras ingin membela usaha '*Hifzul Mal*' yang dilakukan Pekan?

Dengan izin, "*And with all these on your back, you have the cheek and the audacity to come to this auspicious dewan and talk about Maqasid Syariah?*" Seolah-olah kamu pembela Islam?

Pentadbiran Pekan telah membawa malu dan kehinaan kepada rakyat dan negara. Adakah Pekan ingin membawa 'penyakit' yang sama kepada agama Islam?

Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAHA dan Ahli Parlimen Shah Alam.

PROMOSI TERBARU!!

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAHA

SERENDAH (SATU MUKA)

RM 500

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar AMANAHA setiap keluaran.

BETULKAH SHAFEE

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

01132334322 (EN HAKIM)

10 Pakatan Harapan tetap bela hak penjawat awam

13 Jho Low juga buat jenayah dalam negara

22 Makna sebenar masyarakat liberal dan toleran



Komisyen balak diguna untuk beli Wisma Tok Guru

PP18978/03/2016(034450)

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
05.11.2017	5:30	5:40	6:56	13:00	16:20	18:58	20:09
06.11.2017	5:30	5:40	6:56	13:00	16:20	18:58	20:09
07.11.2017	5:30	5:40	6:56	13:00	16:21	18:58	20:09
08.11.2017	5:30	5:40	6:57	13:00	16:21	18:58	20:09
09.11.2017	5:30	5:40	6:57	13:00	16:21	18:58	20:10
10.11.2017	5:30	5:40	6:57	13:00	16:21	18:58	20:10
11.11.2017	5:30	5:40	6:57	13:00	16:21	18:58	20:10

Amanah

BIL 75 | 5 - 11 NOVEMBER 2017

BERSIHKAN MALAYSIA DARI NAJIS RASUAH



Tun Mahathir membentangkan manifesto PH bagi membersihkan Najis Rasuah.

"INI bukan kita mahu dia (kerajaan yang ada) buat tetapi kami akan buat bila mentadbir nanti. Walaupun ia mengikat kita tetapi itulah janji kita."

Inilah janji Tun Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan manifesto Pakatan Harapan: "Bersihkan Malaysia dari Najis Rasuah" 31 Oktober lalu.

Ia telah dilancarkan di Parlimen oleh beliau bersama Presiden PH, Datuk Seri Dr Wan Azizah, timbalan Mohamad Sabu dan Tan Kok Wai.

Mereka bertekad menjadikan Malaysia di antara 10 negara paling bersih di dunia menjelang 2030.

Laporan penuh muka 2

AMANAH sokong cabar keabsahan Ketua Hakim Negara



PIMPINAN AMANAH turun ke Komplek Mahkamah Kuala Lumpur 1 November lepas bagi memberikan sokongan ke atas usaha untuk mencabar keabsahan perlantikan Tan Sri Raus Sharif sebagai Ketua Hakim Negara.

Dengan diketuai oleh Salahudin Ayub, mereka menyokong permohonan semakan kehakiman itu.

Salahudin bersama para peguamnya menyatakan sokongan penuh ke atas usaha mencabar keabsahan perlantikan Raus sebagai Ketua Hakim Negara.

PROMOSI!!
HANYA RM25
 /SEBUAH

01132334322
 untuk urusan pembelian

DAPATKAN SEGERA!!

